DATO' SERI TUAN GURU HAJI

ABDUL HADI

BIN AWANG





IDEOLOGI

FAHAMAN UMAT ISLAM

TERBITAN ASAL:

PTS ISLAMIKA SDN BHD

30 NOVEMBER **2007**



EDISI 2018

DISUNTING OLEH : ALL-MU'IZZ BIN ABAS

NOTA

Buku yang berjudul Fahaman dan Ideologi Umat Islam yang ditulis oleh Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang ini pada asalnya setebal 224 muka surat, diterbitkan oleh PTS Islamika Sdn Bhd pada tarikh 30 November 2007.

Penyunting merasakan ada faedahnya jikalau isi buku ini disusun semula, memandangkan buku ini tidak lagi diterbitkan. Tambahan buku ini bersangkut paut dengan sejarah, yang merupakan salah satu cabang ilmu yang cukup mandatori buat umat Islam. Sebelum ini sudah ada pihak yang memberikan sumbangan dalam penyusunan isi buku ini. Namun penyunting merasakan ada beberapa kesilapan dalam susunan, maka penyunting berbesar hati untuk perbaikinya semula.

Segala isi yang diketengahkan oleh penulis asal hendaklah dikekalkan, penyunting tidak sama sekali mengubah maksudnya. Penyunting sekadar membuat sedikit penambahbaikkan dengan mengeluarkan sumber dan *matan* hadis-hadis Nabi *saw* dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Sesungguhnya manusia itu tidak sempurna dan tidak terlepas dari melakukan sebarang kesilapan. Maka penyunting memohon keampunan Allah Ta'ala sekiranya ada tergelincir pena, serta memohon supaya usaha ini diberkati dan diterima sebagai sumbangan ilmu yang bermanfaat. Semoga setiap niat dan amalan kita terus dipelihara di bawah naungan perlindungan-Nya.

Wallahua'lam.

All-Mu'izz bin Abas
UIAM, Gombak.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

Kemunculan pelbagai mazhab dan pecahan fahaman akidah dipengaruhi oleh faktor asing daripada prinsip akidah yang sebenar. Walaupun perselisihan ini berlaku di peringkat awal generasi umat Islam namun pegangan pada al-Quran dan Sunnah menjadi sumber asal ajaran Islam dan penyelesaian yang menyelamatkan umat daripada terjebak dalam penyelewengan akidah yang ketara.

Generasi *al-Salaf as-Soleh* juga muncul dengan akidah yang unggul dan mengutamakan ikatan persaudaraan Islam berjaya mengatasi cabaran dalaman dan luaran. Kini, musuh Islam menentang Islam dari luar dan dalam dengan menumpukan fahaman akidah memberi kesan yang berbahaya. Ia melibatkan fahaman dan kumpulan yang lama diasaskan dan ideologi moden yang wujud pada zaman penjajahan. Ideologi moden dibawa oleh fahaman sekular yang menular ke dalam masyarakat Islam. Kemudian, ia menyadurkan dengan nama Islam lalu mewujudkan fenomena baru yang membahayakan akidah.

Saya kemukakan kajian ringkas ini untuk tatapan pembaca bab akidah supaya akidah dapat dipelihara dengan sebaiknya. Walau apa jua cabaran yang dihadapi, gerakan pembaharuan akidah dapat menyelamatkan umat Islam dalam bentuk dan ulasan yang pelbagai. Mudah-mudahan, sumbangan ini diterima Allah dan menajdi ilmu yang bermanfaat untuk generasi kini dan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
Rusila, Terengganu.

BAB 1: KELAHIRAN MAZHAB AKIDAH

Bagi pengkaji ilmu akidah, pengajian mereka dianggap sempurna apabila mengenali pecahan-pecahan ideologi yang lahir dalam masyara'at Islam. Dalamnya berlaku perbincangan-perbincangan hangat dan menyentuh perkara yang berkaitan dengan akidah. Faktor ini disebabkan gangguan dari dalam dan luar yang menggugat iman yang sebenar. Gangguan yang lahir ini disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW.

عن عوف بن مالك، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: افترقت اليهود على إحدى وسبعين فرقة، فواحدة في الجنة، وسبعون في النار، وافترقت النصارى على ثنتين وسبعين فرقة، فإحدى وسبعون في النار، وواحدة في الجنة، والذي نفس محمد بيده لتفترقن أمتي على ثلاث وسبعين فرقة، واحدة في الجنة، وثنتان وسبعون في النار، قيل: يا رسول الله من هم؟ قال: الجماعة. (رواه أبو داود و ابن ماجه)

Daripada Auf bin Malik melaporkan, Nabi Muhammad SAW berkata: "Orang-orang Yahudi berpecah kepada 71 kumpulan. Satu kumpulan masuk syurga dan 70 kumpulan ke neraka. Orang Nasrani berpecah kepada 72 kumpulan. 71 kumpulan ke neraka, satu kumpulan ke syurga. Sesungguhnya umatku berpecah kepada 73 kumpulan. Satu puak ke syurga dan 72 kumpulan ke neraka." Lalu ditanya, "Wahai Rasulullah, siapakah mereka itu?" Nabi SAW berkata, "Mereka adalah yang berada dalam jemaah." (HR Abu Daud dan Ibnu Majah)

حدثنا أبو سعيد عبد الله بن سعيد قال: حدثنا أبو خالد الأحمر، قال: سمعت مجالدا يذكر، عن الشعبي، عن جابر بن عبد الله، قال: كنا عند النبي صلى الله عليه وسلم فخط خطا، وخط خطين عن يمينه، وخط خطين عن يساره، ثم وضع يده في الخط الأوسط، فقال: «هذا سبيل الله» ثم تلا هذه الآية: ﴿وأن هذا صراطي مستقيما فاتبعوه ولا تتبعوا السبل فتفرق بكم عن سبيله﴾.

Telah menceritakan kepada kami Abu Sa'id Abdullah bin Sa'id berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Khalid Al Ahmar dia berkata; aku mendengar Mujalid menyebutkan dari Asy Sya'bi dari Jabir bin Abdullah dia berkata; Kami berada di sisi Nabi Muhammad lalu baginda menggariskan satu garisan dengan kayu yang dipegangnya. Kemudian baginda berkata, "Inilah jalan Allah dan jalan yang betul. Baginda membuat garisan lagi di sebelah kanan dan kirinya. Kemudian baginda berkata, "Jalan-jalan ini tidak ada satu pun daripadanya melainkan ada syaitan yang mengajak ke arahnya." Kemudian Nabi SAW membaca ayat Allah yang bermaksud, "Sesungguhnya inilah jalanku, jalan yang betul maka ikutlah ia. Jangan kamu ikut jalan-jalan yang lain, nanti kamu bercerai-berai dari jalannya." (HR Ibnu Majah)

Kini, amaran Nabi Muhammad SAW itu benar-benar berlaku. Apabila umat Islam memandang ringan pada ajaran Islam, mereka tidak bersungguh-sungguh berpegang padanya dan tidak ambil langkah penyelesaian masalah melalui cara Islam.

Akhirnya, mereka mudah terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang direka kerana kejahilan dari dalam. Begitu juga gangguan daripada niat-niat jahat musuh yang berpura-pura mengaku Islam. Mereka juga mencampurkan ajaran Islam dengan ajaran-ajaran lain yang diambil dari luar. Semua fahaman ini

mempunyai pengikut. Mereka begitu sanggup mempertahankan pegangan mereka dengan bersungguh-sungguh malah sanggup mengorbankan apa sahaja.

PUNCA-PUNCA DALAMAN

Selepas Nabi Muhammad SAW meninggal dunia, para sahabat berselisih pendapat mengenai perlantikan khalifah atau ketua negara Islam. Para sahabat mempunyai tiga pendapat iaitu:

Pendapat Pertama
Mereka berpendapat khalifah itu dipilih dan dipersetujui oleh rakyat tanpa mengira sama ada kabilah itu berpengaruh ataupun tidak. Pendapat ini dikemukakan oleh majoriti kaum Ansar. Mereka mencadangkan pemimpin kaum Khazraj, Saad bin Ubadah dilantik sebagai pemimpin umat Islam. Mereka berhujah dengan kelebihan Ansar sebagai pengikut, sahabat dan pembantu setia Nabi Muhammad SAW. Terdapat beberapa hadis Nabi yang menyanjung mereka. Dengan hadis-hadis itu mereka berhujah:

اسمعوا وأطيعوا، وإن استعمل عليكم عبد حبشي. (رواه ابن ماجه)

"Dengar dan taatlah, walaupun yang menjadi ketua kamu itu seorang hamba Habsyi." (HR Ibnu Majah)

Pendapat Kedua
Mereka yang berpendapat pemimpin itu dipilih daripda keluarga Nabi Muhammad SAW. Pendapat ini dikemukakan oleh beberapa orang di kalangan masyara'at keturunan Bani Hasyim, keluarga Nabi SAW dan masyara'at yang sependapat dengan mereka. Mereka berhujah kedudukan keluarga Nabi SAW yang lebih dekat dengan beliau. Mereka mencadangkan Ali bin Abu Talib sebagai

pemimpin. Hujah mereka berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang berkata kepada Ali Bin Abu Talib:

أما ترضى أن تكون مني بمنزلة هارون، من موسى. (رواه البخاري)

"Adakah kamu tidak redha dengan kedudukan kamu di sisiku sama seperti kedudukan Harun dan Musa." (HR Bukhari)

Pendapat Ketiga
Mereka yang berpendapat khalifah itu dipilih oleh umat Islam dan mesti daripada kalangan kaum Quraisy. Mereka menganggap Quraisy adalah kabilah yang paling berpengaruh. Mereka berhujah dengan hadis Nabi SAW:

لا يزال الدين قائما حتى تقوم الساعة أو يكون عليكم اثنا عشر خليفة كلهم من قريش. (رواه مسلم)

"Agama ini akan sentiasa tertegak sehinggalah ada bagi kalian dua belas khalifah, kesemua mereka itu daripada Quraisy." (HR Muslim)

Akhirnya pendapat ketiga disokong oleh majoriti umat Islam. Semua umat Islam termasuk penyokong Ansar, ahli keluarga Nabi Muhammad melantik Abu Bakar as-Siddiq sebagai khalifah. Abu Bakar RA tidak meminta jawatan yang besar ini. Oleh kerana beliau paling layak dan menepati kriteria yang ditetapkan, rakyat memilih beliau bagi menerima tanggungjawab ini. Para sahabat juga tidak dipaksa bagi melantik Abu Bakar. Mereka menyedari amanah pemimpin adalah besar. Berdasarkan hujah yang dikemukakan oleh golongan Muhajirin, mereka melantik Abu Bakar.

Namun, perselisihan pendapat serta hujah-hujahnya dicemari oleh anasir kotor pada zaman selepasnya. Kemunculan Khawarij berhujah supaya memilih ketua secara bebas tanpa mengira pengaruh kabilah yang kuat. Aliran Syi'ah menetapkan Ali bin Abu Talib dan keturunannya sahaja yang layaknya menjadi khalifah. Golongan Murji'ah sebulat suara memberi pendapat, kononnya menyerahkan urusan kepada Allah SWT. Akhirnya pertelingkahan dalam politik melarat sehingga melibatkan perkara-perkara akidah kerana ingin meraih kemenangan. Keghairahan ini membuka ruang kepada anasir-anasir luar bagi merosakkan Islam.

PUNCA-PUNCA LUARAN

Terdapat beberapa faktor luar dikenal pasti mempengaruhi pemikiran umat Islam. Antaranya adalah individu yang baru memeluk Islam terdiri daripada bekas penganut agama lain seperti Yahudi, Kristian, Majusi, Hindu dan sebagainya. Apabila mereka memeluk Islam, mereka masih berpegang pada ajaran agama lama atau amalan silam. Kemudian, fahaman dan amalan ini bercampur dengan ajaran Islam lalu membawa kepada kecelaruan yang sukar difahami.

Komplok jahat yang sengaja dirancang bagi merosakkan Islam dan penganutnya. Ia bermula selepas musuh Islam gagal menentang Islam melalui ketenteraan. Kejatuhan Parsi dan Rom yang pernah dianggap dua kuasa besar itu tidak mampu lagi menyekat kemaraan pengaruh Islam. Islam semakin berkembang dan tidak mampu dibendung secara berhadapan.

Di sebalik kejayaan itu, musuh Islam menganut Islam secara berpura-pura lalu mereka menyebelahi golongan yang bertelingkah. Contoh yang paling ketara adalah kes Abdullah bin

Saba’, bekas penganut Yahudi yang menyokong Ali bin Abu Talib secara melampau. Tindakan yang sama dilakukan oleh Khawarij yang menentang secara melulu dan membabi buta.

Galakan penterjemahan buku-buku karya sarjana-sarjana bukan Islam pada pemerintahan Abbasiyah tanpa mengira sama ada terjemahan itu perlu ataupun tidak. Akibatnya, perbuatan itu mempengaruhi pengajian ilmu Islam dengan kaedah yang tidak berpegang teguh pada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad. Contohnya, mempelajari ilmu akidah melalui pemahaman kaedah-kaedah falsafah.

Kini, serangan ideologi oleh penjajah menghapuskan fahaman dan pengertian sebenar mengenai Islam. Melalui individu Muslim tidak menyedarinya, dia mudah menyerap pelbagai ideologi asing. Lebih ketara apabila mereka sanggup berjuang menegakkan ideologi mereka dengan bersungguh-sungguh. Mereka juga menganggap Islam pada zaman Nabi Muhammad sudah tidak relevan dalam urusan dunia moden.

Antara aliran dan fahaman yang pelbagai itu, ada yang tidak membatalkan iman. Orang yang berpegang dengan fahaman itu masih dianggap sebagai penganut Islam. Namun, ada golongan yang dihukum keluar daripada Islam kerana fahaman mereka membatalkan akidah.

Antara perkara yang membatalkan akidah itu antaranya adalah seperti menolak salah satu daripada rukun iman atau menyeleweng daripadanya, menolak hukum agama atau menundanya seperti menghalalkan perkara yang haram atau mengharamkan perkara yang halal, beriman pada sebahagian iman dan menolak sebahagian iman yang lain secara ingkar. Ingkar itu bermaksud jelas kerana tidak percaya. Sebahagian lagi ingkar kerana menjadi alat musuh Islam secara terang-terangan. Ingkar

juga dianggap apabila memberi kesetiaan kepada golongan bukan Islam ketika menghadapi orang-orang beriman. Ia menunjukkan individu itu tidak lagi setia pada Islam. Pada waktu yang sama, mereka tetap mengaku sebagai orang Islam dan beramal dengan sebahagian daripada ajarannya.

Para sarjana sejarah Islam merekodkan, pada kurun pertama dalam kalendar Hijrah, ada dua orang yang menjadi punca kemunculan ideologi akidah yang tidak berdasarkan al-Quran dan sunnah. Mereka berpura-pura memeluk Islam bagi merosakkan penganutnya dari dalam.

Seorang penganut agama Kristian bernama Susan memperalatkan individu bernama Ma'bad bin Ubaidillah al-Juhani. Dia menyebarkan ajaran yang dinamakan Qadariah. Ajaran ini membataskan kuasa dan kehendak Allah SWT serta menyatakan, manusia mempunyai kuasa dan kehendaknya sendiri. Dia berjaya memasuki bandar suci Madinah dan berjaya mempengaruhi beberapa penduduknya. Abdullah bin Umar mengisytiharkan, beliau menolak sekeras-kerasnya ajaran yang dibawa oleh Ma'bad. Hasan al-Basri berkata, "*Jauhkan diri daripada Ma'bad kerana dia sesat dan menyesatkan*." Muslim bin Yasar mengisytiharkan di tempat beliau mengajar di masjid, "*Ma'bad berucap dengan ucapan orang-orang Nasrani*." Akhirnya, khalifah Abdul Malik bin Marwan memerintahkan supaya Ma'bad dihukum bunuh. Walaupun Ma'bad dibunuh, ajarannya diteruskan oleh Filan bin Marwan atau Ibnu Muslim. Dengan beraninya dia berkata, "*Qadar baik dan jahat itu daripada hamba, bukannya daripada Tuhan*." Akhirnya dia dikenakan tindakan keras oleh khalifah Hisham bin Abdul Malik.

Bekas penganut Yahudi bernama Abdullah bin Saba' berpura-pura memeluk Islam. Dia juga berpura-pura menyokong Ali bin Abu Talib hingga menganggap Ali sebagai seorang nabi. Dia

menganggap Ali mampu hidup semula di dunia selepas mati. Namun, pada masa yang lain, Ali dikatakan tidak mati. Alasannya, sebahagian daripada zat ketuhanan menjelma dalam diri Ali. Selain itu, berbagai-bagai lagi fahaman yang lain ditimbulkan mengenai Ali.

Pada akhir kurun pertama atau kedua Hijrah, muncul pula Jaham bin Safuan di Tirmiz. Dia menyebarkan fahaman yang dinamakan Jabariah. Dia berjaya menarik beberapa pengikut dan akhirnya mengisytiharkan kenyataannya. Kenyataannya, kuasa dan ilmu Allah itu ada kesudahannya. Syurga, neraka dan penduduknya akan binasa. Hanya Allah SWT yang tinggal seperti keadaan awal yang tiada sesuatu pun. Dia juga menyatakan, iman itu pada makrifat (pengetahuan mengenai Allah) sahaja dan kufur itu kerana tidak tahu Allah. Tiada perbuatan langsung bagi makhluk selain daripada Allah sahaja. Akhirnya, Allah Ta’ala menyelamatkan umat Islam dengan pembunuhan Jaham bin Safuan.

Pada zaman fikiran umat Islam menjadi kalut, Allah SWT melahirkan para sarjana yang melakukan pembaharuan (tajdid). Mereka mempertahankan Islam dengan hujah-hujah al-Quran, sunnah dan logik akal yang tidak bercanggah dengan kedua-duanya. Antara mereka adalah Hasan al-Basri. Beliau menolak dengan tegas teori Wasil bin Ata’ mengenai fahaman Mu’tazilah. Kes ini berlaku pada awal abad kedua Hijrah.

Pada akhir kurun ketiga Hijrah, muncul pula Abu Mansur al-Maturidi yang berusaha menolak hujah-hujah golongan batil. Beliau berjaya mengumpulkan pengikut-pengikutnya bagi mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah yang dikenali dengan aliran Maturidiah.

Kemunculan Abu Hassan al-Asy'ari memberi kekuatan besar kepada Ahli Sunnah wal Jamaah apabila beliau keluar daripada ajaran Mu'tazilah. Beliau berjaya berdebat dengan pemimpin Mu'tazilah yang bernama Al Jubbai yang juga adalah bapa tirinya. Beliau berjaya menubuhkan kumpulan yang disertai oleh sarjana-sarjana terbilang pada zamannya. Kumpulan itu dikenali sebagai Asya'irah.

Iraq menjadi medan pergolakan hebat terutamanya di Basrah yang menjadi tumpuan pengikut pelbagai fahaman itu. Kadang-kadang, pemerintah cenderung kepada golongan-golongan berfahaman sesat lalu menyebabkan para sarjana Islam menjadi mangsa. Ada di antara mereka dipenjara dan dibunuh. Walau bagaimanapun, Allah SWT memberi jaminan bagi memelihara agama ini sehingga hari kiamat. Kenyataan ini adalah tetap dan terbukti.

Segala dugaan dan cabaran terjadi kepada semua umat bagi para nabi. Ini dibuktikan daripada Ibnu Mas'ud yang melaporkan, Nabi Muhammad SAW berkata:

ما من نبي بعثه الله في أمة قبلي إلا كان له من أمته حواريون، وأصحاب يأخذون بسنته ويقتدون بأمره، ثم إنها تخلف من بعدهم خلوف يقولون ما لا يفعلون، ويفعلون ما لا يؤمرون، فمن جاهدهم بيده فهو مؤمن، ومن جاهدهم بلسانه فهو مؤمن، ومن جاهدهم بقلبه فهو مؤمن، وليس وراء ذلك من الإيمان حبة خردل. (رواه مسلم)

"Tidak ada nabi yang dibangkitkan Allah sebelum aku melainkan di kalangan umat mereka ada yang menjadi pengikut setia dan sahabat yang mengambil ajarannya dan mengikut perintahnya. Selepas masa berlalu, ada di kalangan mereka (umat ini) melakukan perkara-perkara yang jahat. Mereka bercakap mengenai perkara yang mereka tidak melakukannya dan mereka

membuat perkara yang tidak disuruh. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan tangannya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan lidahnya, dia beriman. Sesiapa yang bersungguh-sungguh menentang dengan hatinya, dia beriman. Tidak ada iman lagi selepas itu walaupun sebesar biji yang halus.” (HR Muslim)

As-Syahratani menyebut dalam bukunya, al-Milal wal Nihal bahawa perkara yang berlaku pada zaman dahulu akan berlaku pada akhir zaman. Puncanya adalah sama iaitu golongan yang berpura-pura menganut Islam sentiasa menjadi ‘gunting dalam lipatan’ umat Islam. Mereka selalu mengintai ruang dan peluang bagi memesongkan fahaman orang Islam daripada ajaran sebenar. Gangguan ini mampu mencetuskan pertarungan hebat antara golongan yang menyeleweng dan golongan yang tetap berpegang pada ajaran Islam sebenar.

Walaupun para sahabat berselisih pendapat mengenai isu yang besar, mereka semua akhirnya patuh pada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad. Mereka tetap taat melaksanakannya sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah Ta’ala dalam surah An-Nisa’ ayat 59:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

“Wahai orang-orang Yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) Dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman

kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Allah Ta’ala menyebut lagi dalam surah al-Hujuraat ayat 9-10:

﴿وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا ۖ فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَىٰ فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ ۚ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا ۖ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾

“Dan jika dua puak dari orang-orang Yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap Yang lain, maka lawanlah puak Yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya Dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam Segala perkara); Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil.”

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

“Sebenarnya orang-orang Yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Pada zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat, umat Islam berpegang kuat pada agama dan mengeratkan hubungan persaudaraan Islam. Mereka berpegang kuat sehingga sebarang pertelingkahan tidak membawa sikap pandang ringan pada agama dan membolehkan golongan yang berpura-pura Islam (munafiq) mencuri peluang. Walaupun golongan munafiq berusaha merosakkan fahaman umat Islam dari dalam, mereka

masih gagal sehingga mereka sendiri yang berpecah kerana salah faham mengenai akidah.

Pada zaman awal pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, pegangan mereka pada al-Quran dan sunnah tetap teguh. Mereka tidak menyanggah atau berfalsafah. Mereka melihat dan yakin al-Quran itu memenuhi semua keperluan manusia bagi kepentingan agama dan dunia. Mereka juga percaya sunnah adalah huraian yang tetap dan benar. Namun, percampuran umat Islam dengan saudara-saudara baru yang masih berpegang pada ajaran lama mewujudkan perubahan sikap dan fahaman. Contohnya, di Iraq, ada orang-orang Nasrani, Yahudi, Zaradasht dan Manu. Di Yaman dan Syria pula ada penganut-penganut agama Nasrani dan Yahudi. Percampuran ini menyebabkan timbulnya perpecahan antara orang yang menganut Islam dengan orang yang belum menganut Islam. Campur tangan pemerintah dalam kerajaan Islam juga mempengaruhi perkembangan umat Islam. Puncanya kerana ada golongan yang berbahas menggunakan ayat al-Quran bagi menguatkan hujah puaknya. Antara mereka ada yang berhujah secara jujur, khianat ataupun secara jujur tetapi jahil.

Dalam sejarah Islam, berlaku peristiwa menyayat hati umat Islam iaitu pembunuhan Uthman bin Affan. Beliau adalah ketua negara Islam ketiga, menantu Nabi Muhammad dan menurut beberapa laporan, beliau adalah orang yang disegani oleh malaikat berdasarkan hadis Nabi SAW:

ألا أستحي من رجل تستحي منه الملائكة. (رواه مسلم)

"Apakah aku tidak malu terhadap seseorang (Uthman) yang sedangkan malaikat pun malu terhadapnya?" (HR Muslim)

Saidina Uthman dibunuh semasa membaca al-Quran. Tragedi ini menimbulkan salah faham di kalangan umat Islam sehingga tercetusnya Perang Siffin antara Ali bin Abu Talib dengan Mu'awiyah bin Abu Sufian dan Perang Jamal yang melibatkan Aisyah binti Abu Bakar, Thalhah dan Zubair menentang Ali bin Abu Talib. Peperangan itu bukan sahaja mengorbankan nyawa para sahabat Nabi Muhammad tetapi menimbulkan salah faham dalam bidang politik sehingga melibatkan isu akidah.

Lanjutan daripada peristiwa itu, timbul golongan yang fanatik kepada Ali bin Abu Talib yang dikenali sebagai Syi'ah dan mereka yang menyokong Mu'awiyah bin Abu Sufian. Antara dua pertembungan itu, muncul pula golongan yang keluar daripada kumpulan kerana tidak berpuas hati dengan urusan Tahkim yang dikenali sebagai Khawarij.

Tahkim adalah peristiwa perlantikan ketua negara Islam, selepas berlakunya perang antara Ali bin Abu Talib dengan Mu'awiyah bin Abu Sufian yang membawa ke meja perundingan. Rundingan antara mereka berdua diwakili oleh Abu Musa al-Asy'ari bagi pihak Ali dan Amru bin al-Ash bagi pihak Mu'awiyah.

Semasa peristiwa ini, Saidina Ali digugurkan daripada jawatan ketua kerana helah yang dimainkan oleh penyokong Mu'awiyah. Pada peringkat awal, semua golongan tidak memasukkan hujah akidah dalam pertelingkahan mereka. Situasi masih terkawal kerana ada para sahabat Nabi Muhammad yang masih hidup dan mampu mengawal keadaan walaupun ada anasir-anasir bukan Islam yang cuba mengambil kesempatan.

Namun, selepas beberapa peringkat, anasir bukan Islam mula meresap ke dalam jati diri umat Islam. Muncul golongan Syi'ah yang berfahaman sederhana seperti golongan Imamiah dan Zaidiah serta golongan Syi'ah yang radikal. Golongan ini dianggap

radikal kerana fahaman mereka terkeluar daripada akidah yang utama, bukannya masalah cabang akidah seperti isu-isu berkaitan pemerintahan.

Antara mereka adalah Ismailiah, Bayaniah dan lain-lain. Golongan ini lebih radikal apabila mereka mendakwa para sahabat Nabi Muhammad terkeluar daripada Islam dan mengangkat Ali bin Abu Talib sebagai Utusan Tuhan. Mereka mendakwa Tuhan dapat menjelma ke dalam diri Ali dan berbagai-bagai lagi.

Di kalangan Khawarij, ada golongan yang berfahaman sederhana seperti golongan Ibadhiah dan yang radikal sehingga meminda dan membatalkan hukum syariat dan mendakwa para sahabat Nabi Muhammad bukan Islam. Antaranya seperti Azraqiah, Ajaridah dan lain-lain.

Semasa kelahiran falsafah dan terjemahan pada zaman Abbasiyah, muncul golongan Mu'tazilah, Jabariah dan Ahli Sunnah wal Jamaah. Di kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah muncul dua aliran iaitu Salaf dan Khalaf. Di kalangan Khalaf, lahir pula fahaman Asya'irah dan Maturidiah. Perkembangan ini juga mempengaruhi golongan Khawarij dan Syi'ah.

Melalui perbincangan ini, pembaca dapat mengenali golongan-golongan yang lahir kerana perselisihan politik. Bermula daripada golongan yang berfahaman sederhana yang tidak merosakkan akidah hingga golongan yang terkeluar daripada masyara'at Islam. Caranya adalah dengan mendedahkan fahaman salah mereka walaupun mereka mendakwa masih beragama Islam.

BAB 2: AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Mereka adalah golongan yang berpegang teguh pada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW serta orang-orang yang mengikut jejak langkah mereka. Generasi paling awal dan utama di kalangan mereka adalah para sahabat, kemudian diikuti oleh para tabi'in dan orang-orang yang menurut jejak langkah mereka. Generasi pertama di kalangan mereka dikenali dengan nama Salaf. Mereka berpandukan al-Quran dan sunnah tanpa menghuraikan kenyataan yang samar (*mutasyabihat*) dan menyerah maksudnya kepada Allah. Ini berpandukan kepada kenyataan Allah Ta'ala dalam surah Ali Imran ayat 7:

﴿هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ ۖ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ﴾

"Dia lah Yang menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab suci Al-Quran. sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. dan Yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). oleh sebab itu (timbulah faham Yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) – adapun orang-orang Yang ada Dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa Yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarkan maksudnya menurut Yang

disukainya). padahal tidak ada Yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya Yang sebenar) melainkan Allah. dan orang-orang Yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya Dalam ilmu-ilmu ugama, berkata:" Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah Yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang Yang berfikiran."

Pada zaman awal dahulu, mereka tidak banyak berhujah menggunakan logik kerana mereka bersikap menerima tanpa perlu banyak berhujah tentang apa sahaja yang dinyatakan dalam al-Quran, sunnah dan para sarjana Islam, sahabat dan tabi'in.

Mereka itu terdiri daripada pelbagai bidang kegiatan. Ada yang bergiat dengan mendalami ilmu agama dalam berbagai-bagai bidang, seperti akidah yang berkaitan dengan perkara-perkara beriman kepada Allah Ta'ala, perkara-perkara kenabian dan risalah, dan rukun-rukun iman yang lain, mendalami ilmu al-Quran dan sunnah, ilmu fikah dan akhlak. Ada pula yang memberi perhatian khusus dengan merekod sanad iaitu turutan penyampai yang dipercayai daripada Nabi Muhammad SAW bagi menjamin keselamatannya daripada kepalsuan. Ada yang mendalami ilmu qiraat. Ada yang sibuk dengan perkara-perkara membersihkan hati dan jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah yang dikenali dengan golongan tasawuf. Ada yang menghabiskan umur berjihad di medan peperangan mempertahankan Islam dan memerangai musuh-musuhnya. Ada yang sibuk dengan ilmu-ilmu bahasa Arab seperti *nahu* (tatabahasa), *sorof*, *balaghah*, sastera dan sebagainya yang menjadi alat penting bagi mempelajari agama dengan bahasanya. Dan ada pula yang sibuk dengan

urusan-urusan lain tetapi mereka adalah pengikut setia kepada Ahli Sunnah wal Jamaah.

Dalam perkara pemerintahan pula, mereka bersepakat menegaskan wajibnya melantik khalifah sebagai memimpin umat dan melaksanakan hukum Allah SWT yang diamalkan oleh Nabi Muhammad semasa hayatnya. Mereka juga berpendapat khalifah itu daripada kalangan Quraish kerana golongan itu paling kuat dan berpengaruh pada masa itu. Khalifah itu mesti melafazkan bai'ah iaitu ikrar setia dalam perkara yang tidak bercanggah dengan Allah Ta'ala dan RasulNya. Lafaz ikrar setia ini dilakukan oleh umat Islam atau wakil mereka yang dinamakan Ahlu Halli wal Aqdi. Mereka berpendapat, mesyuarat dianjurkan dalam perkara yang tidak ada nas daripada al-Quran dan hadis. Jadi, khalifah, Ahlu Halli wal Aqdi dan mereka yang mengendalikan urusan negara itu mesti adil daripada pengaruh peribadi mengendalikan urusan negara. Rujukan yang menjadi ukuran adil itu adalah kitab Allah SWT dan sunnah Nabi Muhammad SAW.

Mengenai para sahabat Nabi Muhammad SAW, mereka menjunjung tinggi semuanya, mengakui keempat-empat Khalifah ar-Rasyidin adalah orang yang paling layak pada zaman masing-masing. Mereka memohon supaya Allah mengampuni para sahabat dalam pertelingkahan dan peperangan yang berlaku di kalangan mereka. Ini kerana jasa mereka besar bagi menegakkan kalimah Allah walaupun di antara mereka sudah tentu ada yang tersalah dalam pertelingkahan itu. Inilah yang disifatkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran, surah Al-Hasyr ayat 10:

﴿وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ﴾

"Dan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka berkata, "Wahai Tuhan kami! Ampuni kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah engkau menjadikan dalam hati kami perasaan hasat dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya engkau amat limpah belas kasihmu dan maha penyayang."

Generasi pertama ini tidak menamakan diri mereka dengan nama-nama fahaman tertentu. Ini kerana umat Islam pada masa itu bersatu daripada segi hidupnya, para sahabat yang masih hidup menjadi tumpuan bagi bertanya masalah. Amalan ini juga berlaku pada zaman para tabi'in. Mereka bukan sahaja tidak mentakwilkan ayat-ayat mutasyabihat, sebaliknya menyandarkan apa yang dinyatakan oleh Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW tanpa sebarang tokok tambah dan menghuraikan secara meleret-meleret.

Kesemua imam mazhab yang terkenal seperti Abu Hanifah, Malik, Syafie, Ahmad bin Hambal, Sufian as-Sauri dan lain-lain berpegang dengan aliran salaf ini.

ASYA'IRAH

Apabila negara Islam berkembang luas, berlaku perbincangan antara saudara-saudara baru mengenai agama. Antara topik yang terpenting adalah membicarakan masalah akidah. Hasil daripada

beberapa perbincangan, lahir berbagai-bagai fahaman yang berpandukan logik. Akibatnya, ada yang terpesong dalam memahami teks al-Quran yang sebenar. Walau apapun berlaku, Allah SWT berjanji memelihara agamanya dengan melahirkan sarjana yang mempertahankan akidah yang tulen. Antara sarjana-sarjana itu adalah Imam Abu Hasan al-Asy'ari.

Abu Hasan al-Asy'ari dilahirkan di Basrah pada tahun 260 Hijrah. Beliau pernah berpegang pada fahaman Mu'tazilah dan berguru kepada ayah tirinya Abu Ali al-Jubbai. Selepas berusia 40 tahun, beliau berfikiran matang dan tekun mengkaji secara mendalam. Pada suatu hari, beliau berdebat dengan ayah tirinya dalam mengenai kehidupan selepas mati. Selepas berdebat dengan ayah tiri beliau, Abu Hasan al-Asy'ari bangun berucap di Masjid Basrah lalu mengisytiharkan dirinya keluar daripada fahaman Mu'tazilah dan berpegang pada Ahli Sunnah wal Jamaah.

Abu Hasan al-Asy'ari membuat pembaharuan dalam aliran Ahli Sunnah dengan mengemukakan hujah-hujah logik akal serta teks-teks al-Quran dan hadis yang ada. Hujah-hujah yang dikumpulkan cukup kuat bagi mematahkan hujah Mu'tazilah yang pesat berkembang pada masa itu. Beliau berjaya mengumpulkan ramai murid dan pengikut. Kemudian, lahir golongan Ahli Sunnah wal Jamaah dikenali sebagai Asya'irah iaitu golongan pengikut fahaman Abu Hasan al Asy'ari.

Antara teori Abu Hasan al-Asy'ari adalah mengemukakan 13 sifat yang wajib bagi Allah Ta'ala secara terperinci iaitu:

1. Ada
2. Bersedia
3. Kekal

4. Berlawanan dengan sesuatu yang baru
5. Berdiri dengan sendirinya
6. Satu
7. Berkuasa
8. Berkehendak
9. Mengetahui
10. Hidup
11. Mendengar
12. Melihat
13. Berkata-kata

Beliau juga menghuraikan perkara taqlid iaitu mengambil pendapat orang lain tanpa hujah yang menguatkannya ataupun tidak dalam perkara yang berkaitan dengan sifat-sifat itu. Beliau menghuraikan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kepercayaan pada rukun-rukun iman.

Aliran Asya'irah ini berkembang dengan pesatnya di Iraq. Kemudian, ia berkembang di Mesir pada zaman Salahuddin al-Ayubi, di Syiria dengan sokongan Nuruddin Zanki, di Maghribi dengan sokongan Abdullah bin Muhammad, di Turki dengan sokongan Uthmaniah dan di daerah-daerah yang lain. Ideologi ini juga didokong oleh sarjana-sarjana di kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Antara mereka adalah al-Asfaraini, al-Qafal, al-Jarjani dan lain-lain sehingga sekarang.

Pembaharuan yang dibawa oleh Abu Hasan al-Asy'ari adalah dengan mengemukakan hujah logik dengan disertakan hujah teks al-Quran dan hadis Nabi Muhammad. Hujah-hujah ini membawa kekuatan kepada Ahli Sunnah wal Jamaah bagi menghadapi hujah golongan Mu'tazilah yang pesat berkembang

dan mendapat sokongan daripada pemerintah-pemerintah kerajaan Abbasiyah. Akhirnya, golongan Mu'tazilah bukan sahaja dibendung dengan hujah, tetapi kerajaan yang ditubuh kemudiannya memberi sumbangan politik yang besar bagi mempertahankan dan mengembangkan fahaman Asya'irah. Di samping itu, lahir tokoh sarjana Islam yang menyambung aliran fahaman ini seperti Abu Abdullah bin Mujahid, Abu Hasan al-Bahili, Abu Bakar bin al-Taib al Bakilani, Abu Bakar bin Furak, Abu Ishak al-Asfiraini, Abu Muhammad Al-Juwaini, Abu Mazfir al-Asfaraini, Imam al-Haramain Al-Juwaini, Hujah Islam Imam al-Ghazali, dan Imam Fakruddin al-Razi.

Imam Abu Hasan al-Asy'ari juga meninggalkan beberapa buku yang dikarangnya dan yang masih ada pada zaman sekarang antaranya *Al-Ibanah Min Uslul Diniah*. Dalam buku ini, beliau menyokong dengan tegas kepada Imam Ahmad bin Hanbal yang dipenjara dan didera oleh kerajaan Abbasiyah yang menyokong Mu'tazilah pada zamannya. Begitu juga dalam buku *Al-Luna'a' Fir Raddi 'Ala Ahlil Zaighi wal Bid'i* beliau mendedahkan hujah logik dan teks. Buku *Maqalatul Islamiyiin* mendedahkan fahaman-fahaman yang timbul dalam ilmu kalam dan menjadi rujukan penting dalam pengajian fahaman-fahaman akidah. Buku *Istihsan al-Khaudhi Fil Ilmu Kalam* pula adalah risalah kecil bagi menolak hujah mereka yang mengharamkan ilmu kalam.

Walaupun ada di kalangan sarjana Islam terutamanya di kalangan mazhab Hanbali yang menyanggah beberapa hujah dan kaedah yang dibawa oleh Abu Hasan Asy'ari, ia tidak menafikan jasanya mempertahankan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Fahaman beliau berjaya mematikan hujah-hujah Mu'tazilah yang terpesong jauh iaitu membicarakan al-Quran sebagai kata-kata

Allah yang kekal, isu melihat Allah pada hari Kiamat, membetulkan perkara yang berhubung dengan Qada' dan Qadar dan lain-lain dan menjadi golongan pertama yang menamakan Ahli Sunnah Wal Jamaah di tengah-tengah kelahiran pelbagai fahaman pada zamannya.

Imam Abu Hasan Asy'ari meninggal dunia pada tahun 324 Hijrah dengan meninggalkan pusaka ilmu yang terdiri daripada buku-buku karangan beliau serta murid-murid yang meneruskan perjuangannya. Akhirnya, ia meninggalkan aliran pengajian akidah yang dianuti oleh sebahagian besar umat Islam hari ini dalam melanda cabaran-cabaran baru yang tidak ada pada zamannya. Seterusnya aliran ini memerlukan pembaharuan lagi dalam mengemukakan hujah kontemporari bagi mempertahankan akidah yang sebenar.

MATURIDIAH

Di sebelah timur negara Islam iaitu di daerah Maturid, wilayah Samarkand, lahir sarjana Islam yang bernama Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Abu Mansur Maturidi. Beliau lahir pada tahun 332 Hijrah. Beliau membawa aliran ideologi akidah dalam fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah bagi menghadapi beberapa penyelewengan pada zamannya. Beliau adalah sarjana Islam dalam mazhab Hanafi.

Beliau muncul di Asia Tengah pada waktu masyara'at Islam dilanda aliran ideologi yang menyeleweng daripada akidah yang sebenar. Antaranya mazhab Mu'tazilah, Mujasimah, Muhammad bin Karam Sajassatani iaitu pemimpin fahaman Karamiah, Qaramitah yang dipimpin oleh Hamdan As'ad, Jaham bin Safuan

iaitu pemimpin fahaman Jahamiah, dan ahli tasawuf Husin bin Mansur al-Halaj. Imam Abu Mansur Maturidi membawa peranan yang besar bagi menghadapi penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh mereka.

Walaupun beliau hidup sezaman dengan mazhab Imam Abu Hasan al-Asy'ari, namun beliau mempunyai teknik berhujah dan huraian yang berbeza. Para sarjana Islam menyatakan, Imam Abu Mansur Maturidi lebih cenderung kepada pendapat Imam Abu Hanifah dalam perkara akidah. Ini kerana beliau merujuk risalah-risalah dan buku-buku yang ditulis oleh Imam Abu Hanifah seperti *Fiqh Akbar*, *Fiqh Absat*, *Kitab Ilm* dan sebagainya.

Terdapat beberapa perselisihan antara Abu Mansur Maturidi dengan Abu Hassan al-Asy'ari. Antaranya dalam isu *makrifatullah* (mengenal Allah), Abu Hassan menyatakan wajib mengetahuinya menurut sumber agama tetapi Abu Mansur berkata wajib juga dengan berpandu dengan akal. Dalam isu sifat-sifat Allah, Abu Mansur menambah dengan sifat-sifat *maknawiyah* iaitu sifat yang menjadi penguat kepada sifat *Ma'ani* beserta sifat-sifat *Ma'ani*. Fahaman Maturidiah mewajibkan hukum akal beserta syara' sehingga beliau berselisih dengan sebahagian sarjana Fikah dan Hadis. Terdapat lagi huraian-huraiannya berhubung Qada' dan Qadar dan lain-lain yang berbeza dengan huraian fahaman Asya'irah.

Abu Mansur Maturidi meninggalkan pusaka ilmu yang banyak selain membela fahaman Ahli Sunnah bagi menghadapi pelbagai fahaman yang menyeleweng. Pusaka ilmunya adalah murid-murid yang ramai dan pengikut-pengikut yang meneruskan ajarannya. Antara murid-muridnya adalah Abu Ahmad Iyad, Abu

Qasim Hakim Samarkandi, Abu Hussin Wastaqfani, Abdul Karim bin Musa Inbazadari, Abu Asyimah Abi Lais Bakhari dan lain-lain. Antara pengikut-pengikut yang meneruskan alirannya adalah Sadar Islam Abu Yasir Muhammad bin Muhammad bin Abdul Karim Bazadui, Maimun bin Muhammad Nasfi yang dianggap tokoh sarjana terbesar dalam fahaman ini selepas Abu Mansur. Adakala sebahagian menganggap mereka adalah kumpulan kecil seperti Syaharsatani dalam fahaman Asya'irah, Najmuddin Abu Hafiz Samarqandi Nasqi, Nuruddin Ahmad bin Muhammad Syobuni, Bukamal bin Yam iaitu sarjana terbilang dalam fahaman Hanafi dan lain-lain lagi.

Buku-buku yang dikarang oleh Abu Mansur Maturidi adalah buku *Jadal* dan *Ma'akhiz Syarai'*. Kedua-dua buku ini membincangkan Usul Fikah. Buku-buku dalam ilmu ketuhanan yang di antaranya adalah *Tauhid, Muqalaat, Ra'du Ala Qawashat, Bayan Wahm Mu'tazilah, Ra'du Amamah Libaddu Rawafaz* dan banyak lagi. Apa yang mendukacitakan, buku-buku itu hilang begitu sahaja. Buku yang masih tersimpan adalah buku *Tauhid* dan *Maqalaat*. Selain itu ada buku-buku beliau dalam ilmu yang lain.

Abu Mansur Maturidi juga seperti Abu Hassan Asy'ari yang membawa pembaharuan dalam pengajian akidah. Beliau memasukkan hujah-hujah logik akal semasa menghadapi perkembangan fahaman baru yang timbul pada zamannya. Pada zaman para sahabat dan generasi awal kalangan tabi'in termasuk imam-imam mujtahidin yang pertama lebih bergantung kepada hujah-hujah teks daripada al-Quran dan hadis Nabi Muhammad sahaja.

SALAFIAH

Selepas lahir pelbagai teori mengenai akidah, lahir fahaman-fahaman yang bukan sahaja berhujah dengan logik tetapi juga menggunakan falsafah. Maka lahir pula dalam masyara'at Islam orang-orang yang mahu supaya kembali pada sumber asal sahaja. Mereka muncul pada zaman terkini iaitu pada kurun ke tujuh Hijrah. Sebenarnya, mereka adalah daripada aliran Imam Ahmad bin Hanbal dan teori itu dihidupkan semula. Tokoh yang terkemuka adalah Imam Ibnu Taimiyah. Beliau dan pengikut-pengikut menentang keras golongan yang cuba menghurai ayat-ayat yang mutasyabihat. Golongan ini mahu supaya ayat-ayat yang mutasyabihat tidak dihurai. Mereka hanya menyebut sifat-sifat Allah berpandukan teks-teks yang jelas dalam al-Quran dan hadis. Antara ayat-ayat yang mutasyabihat seperti *nuzul* (turun), *istiwa'* (bersemanyam), *al-dhahaq* (ketawa) dan lain-lain dengan tidak menyamakan Allah Ta'ala dengan makhluk. Selain itu, mereka membangkitkan kembali isu amalan masyara'at dengan huraian-huraian yang panjang mengenai dengan perkara-perkara yang membawa kepada syirik, seperti kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam perkara *tawassul* (mohon perantaraan), ziarah kubur dan sebagainya.

Mereka juga tegas menentang penggunaan ilmu logik menyebabkan golongan salaf yang baru ini bergeser dengan fahaman Asya'irah dan Maturidiah yang menjadikan ilmu logik sebagai sebahagian daripada perbincangan akidah.

Golongan salaf ini menolak huraian ayat-ayat mutasyabihat yang dilakukan oleh Asya'irah dan Maturidiah. Ibnu Taimiyah yang hidup pada abad yang ketujuh Hijrah menjadi tokoh terkemuka dengan mengemukakan hujah-hujah melalui buku-buku yang telah dikarangnya.

Oleh kerana aliran ini dibawa oleh Imam Ahmad bin Hanbal, mereka hanya meneruskan aliran yang dibawa oleh Imam Ahmad. Beliau ingin perbincangan dan pengajian akidah dikembalikan seperti zaman Nabi Muhammad, para sahabat dan tabi'in. Walaupun ada cabaran baru yang tidak ada pada zaman mereka, kadang-kadang hujah logik dan falsafah perlu digunakan bagi menolak hujah golongan-golongan seperti Mu'tazilah, Jabariah dan sebagainya.

WAHABIAH

Fahaman Wahabi yang tersebar di Arab Saudi dan beberapa daerah dalam dunia Islam ditaja oleh pemimpinnya Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab yang merupakan seorang ahli teologi agama dan tokoh pemimpin gerakan salafiah. Beliau menjawat posisi Menteri Penerangan Kerajaan Arab Saudi apabila Muhammad bin Saud mengambil alih pemerintahan. Gelaran "Arab Saudi" masih kekal hingga kini.

Fahaman ini adalah kesinambungan daripada aliran salaf yang dibawa oleh Imam Ahmad dan Ibnu Taimiyah. Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab mendapat kekuatan apabila beliau bergabung dengan keluarga Ibnu Saud. Akhirnya, mereka berjaya mengambil alih kuasa di Semenanjung Arab dan membentuk kerajaan beraja Arab Saudi.

Fahaman Wahabi dengan tegasnya mengemukakan dua prinsip yang penting iaitu tauhid yang bersih dari sebarang syirik, dan menghalang sebarang bentuk *bid'ah* (ajaran baru). Halal dan haram diambil terus daripada sumber al-Quran dan hadis Nabi Muhammad. Sebarang perkataan sarjana Islam hendaklah dikaji semula, lalu mereka membuka kembali ruang mengeluarkan hukum dengan luas. Mereka menentang ziarah kubur wali-wali dan menganggap amalan ini membawa kepada syirik. Namun, hukum berbeza apabila menziarahi kubur bagi tujuan mengambil pengajaran dan memperingati hari akhirat bukannya dengan tujuan berdoa kepada si mati atau bertawassul melalui orang yang sudah mati. Semasa mereka menguasai Makkah dan Madinah, mereka bertindak merobohkan bangunan-bangunan yang didirikan atas kubur-kubur para sahabat, para tabi'in dan tempat-tempat bersejarah yang dipuja secara melulu.

Mereka menentang perayaan seperti *maulid* (sambutan hari lahir) dan sebagainya yang tidak ada pada zaman Nabi Muhammad SAW dan mengemukakan beberapa pendapat yang lebih keras daripada Imam Ahmad bin Hanbal dan Ibnu Taimiyah. Fahaman ini disokong oleh gerakan Syeikh Muhammad Abduh di Mesir, Syeikh Abdul Hamid bin Badis di Algeria, Syeikh Ahmad di Punjabi, India dan beberapa tempat lagi dunia Islam.

KESIMPULAN MAZHAB AHLI SUNNAH

Kesemua mereka yang disebut di atas adalah daripada golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Walaupun terdapat pertelingkahan dan perselisihan yang keras dan tajam antara satu sama lain, namun pertelingkahan itu tidak tersasar daripada dasar-dasar akidah.

Walau bagaimanapun, ia boleh membawa kesan-kesan buruk dalam hubungan sesama umat Islam. Perselisihan pendapat dan pentafsiran itu adalah kerana perbezaan fahaman dalam mentafsirkan teks yang sama dan kadangkala kerana perbezaan masa dan tempat serta cabaran yang dihadapi dan keperluan hujah bagi menghadapi cabaran luaran.

Dengan kemudahan sumber-sumber rujukan dan hubungan yang ada pada zaman ini menghidupkan semula persefahaman sesama aliran. Pada masa yang sama ia tidak dihabiskan dengan pertelingkahan sesama sendiri tetapi lebih memberi tumpuan bagi menghadapi masalah pokok yang melanda umat Islam dan menentang musuh yang sebenarnya.

BAB 3: SYI'AH

Menurut Imam Abu Hasan Asy'ari dalam bukunya *Maqalaat Islamiyiin* dan Asyaharastani di dalam bukunya *al-Milal wal Nihal*, Syi'ah adalah nama yang diberi kepada mereka yang mengaku sebagai pengikut Ali bin Abu Talib dan percaya beliau mempunyai kelebihan berbanding para sahabat lain. Mereka lahir menjadi suatu aliran selepas berlaku ketegangan yang menjadi ukuran peperangan antara Ali dan Mu'awiyah. Apabila Ali dan generasi pertama Ahli Bayt meninggal dunia, timbul di kalangan mereka pandangan-pandangan yang tersendiri berhubung dengan akidah dan syari'ah. Antaranya mereka berhujah, kepimpinan negara adalah salah satu daripada rukun dan prinsip Islam. Tidak boleh bagi Nabi membiarkannya dan menyerahkan kepada umat semata-mata. Mereka percaya Imam itu bersifat *maksum* (suci daripada dosa).

Mereka percaya kedudukan Ali bin Abu Talib lebih layak menjadi khalifah dan bukannya melalui proses *Syura* (mesyuarat) sahaja. Mereka mendakwa kelebihan Ali berdasarkan kepada bukti secara terang dan tersembunyi. Bukti terang daripada Nabi Muhammad SAW dengan mafhum daripada sabdanya:

"Siapa yang dia jadikan aku sebagai tuannya maka Ali yang menjadi tuannya."

Dan Nabi Muhammad berkata lagi:

"Orang yang paling layak menjadi hakim di kalangan kamu adalah Ali".

Manakala bukti yang tersembunyi adalah Nabi Muhammad menghantar Saidina Ali supaya membaca surah at-Taubah kepada jemaah haji bukannya Abu Bakar, ketika peristiwa pengisytiharan lafaz Bara'ah (pelepasan) daripada Allah SWT kepada musyrikin Makkah.

Oleh itu mereka percaya kepimpinan negara Islam mesti diserahkan kepada Ali bin Abu Talib dan keturunannya. Melantik orang lain bermaksud merampas hak dan melantik orang yang tidak layak. Ada antara mereka menyifatkan perbuatan itu zalim dan kafir. Akhirnya, Syi'ah berpecah kepada fahaman-fahaman yang banyak. Ada yang bersikap sederhana dan ada yang radikal.

ZAIDIAH

Mereka adalah pengikut Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin. Imam Zaid dikenali sebagai Abu Muhammad dan Abu Hasan. Aliran ini dianggap paling hampir dengan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka tidak menganggap martabat imam itu sama seperti martabat nabi-nabi. Mereka tidak mengkafirkan para sahabat nabi Muhammad. Mereka berpendapat Imam Zaid paling layak menjadi imam selepas Husain bin Ali meninggal dunia. Pengikut Zaidiah menerima empat imam terawal dalam Isna Ashariyah (Imam 12) tetapi meletakkan Zaid bin Ali sebagai imam kelima berbanding saudaranya Muhammad al-Baqir.

Kemudian, ia diikuti zuriat daripada keturunan Fatimah az-Zahra'. Mereka mengiktiraf Abu Bakar, Umar sebagai imam negara Islam walaupun mereka percaya Ali lebih layak. Ini kerana, orang yang kurang syaratnya boleh menjadi khalifah walaupun ada orang yang paling layak dan imam tidak mestinya maksum.

Dalam perkara Tauhid mereka lebih hampir kepada Mu'tazilah, tetapi dalam perkara fikah mereka lebih hampir kepada mazhab Syafie. Pengikut mereka masih ramai di negeri Yaman dan sedikit di Asia Tenggara.

Imam Zaid gugur syahid bersama-sama beberapa orang pengikutnya ketika mereka keluar menentang tentera kerajaan Umawiah di bawah pemerintahan Hisyam bin Abdul Malik. Peristiwa itu berlaku pada hari Isnin 2 Safar tahun 122 Hijrah ketika Imam Zaid berusia 42 tahun. Kemudian anaknya Yahya bin Zaid menjadi imam, Yahya juga dibunuh pada akhir kerajaan Umaiyah, kemudian kepimpinan mereka beralih kepada Muhammad bin Abdullah bin Hassan bin Hassan bin Ali bin Abi Talib yang lahir di Madinah tetapi beliau terbunuh pada zaman kerajaan Abbasiyah. Imam Abu Hanifah (imam fahaman Hanafi) bersimpati dengannya dan melafaz ikrar setia sehingga Abu Hanifah dihukum penjara oleh Abu Jaafar al-Mansur dan meninggal dunia dalam penjara.

Fahaman Zaidiah berpecah kepada 3 aliran:

1. Jarudiah

Pengikut kepada Abu Jarud (Sulaiman bin Zaid bin Abi Zaid). Dia menyeleweng daripada ajaran Imam Zaid. Ajarannya berfahaman bahawa Hasan bin Ali menjadi imam selepas ayahnya. Selepas Hasan, Husain bin Ali bakal menggantikannya berpandukan wasiat Ali. Di kalangan mereka ada yang berpendapat, Imam Mahdi yang lahir pada akhir zaman adalah Muhammad bin Abdullah bin Hasan bin Hasan bin Ali yang dikenali dengan Nafsu Zakiyah, yang dibunuh syahid pada zaman kerajaan Abbasiyah.

2. Sulaimaniah

Adalah pengikut Sulaiman bin Jarrir al-Zaidi, mereka mengiktiraf perlantikan Abu Bakar dan Umar sebagai khalifah walaupun pada mereka Ali lebih layak. Namun, mereka mengecam keras tindakan Uthman, Aisyah, Thalhah dan Zubair kerana menentang Ali bin Abu Talib.

3. Battariah

Pengikut Hasan bin Soleh bin Yahya. Mereka mengiktiraf perlantikan khalifah Abu Bakar dan Umar dan tidak salah melantik mereka berdua. Perlantikan Uthman tidak boleh dipertikaikan kerana beliau termasuk dalam sepuluh sahabat yang dijamin syurga oleh Nabi Muhammad SAW. Bagi mereka sebarang kesilapan diserahkan kepada Allah Ta'ala. Kedudukan Ali di sisi mereka adalah manusia paling baik selepas Nabi Muhammad, paling layak menjadi khalifah, tetapi Ali menyerah jawatan itu kepada orang lain secara rela. Mereka juga berpendapat, sesiapa yang menghunuskan pedangnya dengan berani, bersifat zuhud lagi alim di kalangan keturunan Hasan dan Husain, dia layak menjadi imam. Hasan bin Soleh bin Yahya yang menjadi pemimpin fahaman ini adalah seorang yang alim. Imam Muslim pernah merekodkan hadis daripadanya dan Bukhari menyebut rekodnya dalam buku *al-Adabu Mufrad.*

Antara imam-imam fahaman Zaidiah yang terkenal adalah Imam Zaid bin Ali, Imam Yahya bin Zaid bin Ali dan Imam Muhammad bin Abdullah al-Nafsu al-Zakiah.

SYI'AH IMAMIAH

Mereka adalah golongan Syi'ah yang kedua terbesar dan berusaha supaya lebih hampir pada perpaduan dengan umat Islam seluruhnya. Golongan Syi'ah ini adalah paling ramai pengikutnya, iaitu dua pertiga penduduk Iran, separuh daripada penduduk Iraq, sebahagian penduduk Lubnan, beberapa juta di India dan di Asia Tengah yang dijajah oleh komunis Rusia.

Mereka dikenali juga dengan nama fahaman Jaafariah iaitu menyandarkan kepada Imam Jaafar as-Sadiq yang dianggap sebagai pemimpin besar yang menjadi ikutan. Beliau diakui oleh seluruh sarjana Islam termasuk juga sarjana Ahli Sunnah wal Jamaah. Imam Jaafar as-Sadiq adalah sarjana mujtahid, kaya dengan ilmu, wara' dan zuhud yang tidak melampau pandangannya. Namun, timbul beberapa pendapat yang berbeza daripada pendapatnya selepas beliau meninggal dunia.

Mereka dikenali juga dengan nama fahaman Isna Ashariyah (Imam 12) kerana mereka menentukan dua belas imam iaitu:

1. Ali bin Abu Talib
2. Hasan bin Ali
3. Husain bin Ali
4. Ali bin Husain (Zainal Abidin)
5. Muhammad bin Ali bin Hussin (Muhammad Baqir)
6. Jaafar bin Muhammad (as-Sadiq)
7. Musa bin Jaafar (al-Kazim)
8. Ali bin Musa (al-Rida)
9. Muhammad bin Ali (al-Jawad)
10. Ali bin Muhammad (al-Hadi)

11. Hasan bin Ali (al-Askari)
12. Muhammad bin Husain (al-Mahdi)

Imam yang terakhir dipercayai hilang pada tahun 329 Hijrah. Pengikut Imamiah percaya beliau akan lahir menjadi Imam Mahdi pada akhir zaman.

Kemudian mereka berpecah pula kepada beberapa fahaman yang mempunyai pegangan dan akidah yang berlainan antara satu sama lain, sebahagiannya terpesong daripada ajaran Imam Jaafar as-Sadiq.

BAQIRIAH DAN JAAFARIAH

Mereka adalah pengikut kepada Muhammad Baqir, imam yang kelima menurut senarai imam-imam mereka. Mereka juga pengikut anaknya Imam Jaafar as-Sadiq iaitu imam yang keenam. Para pengikutnya berkata, kedua-duanya adalah imam seperti Zainal Abidin yang menjadi imam sebelum daripada keduanya, tetapi di kalangan mereka ada yang berpendapat:

1. Yang menjadi imam mesti daripada keturunan mereka berdua.
2. Yang menjadi Imam adalah Ali, kemudian sumber menetapkan Hasan, diikuti Husain, kemudian kepada anaknya yang bernama Ali kemudian kepada Baqir. Sekiranya Baqir masih hidup, beliau dikatakan bakal menjadi Imam Mahdi pada akhir zaman.

Walau bagaimanapun, Baqir meninggal dunia sebelum menepati ramalan mereka. Mereka melantik anaknya iaitu Jaafar menjadi imam. Imam Jaafar as-Sadiq tinggal di Madinah. Golongan Syi'ah

menganggap Jaafar mempunyai rahsia-rahsia ilmu. Jaafar berpindah ke negara Iraq. Beliau menolak sekeras-kerasnya pendapat-pendapat yang yang diada-adakan oleh mereka yang mendakwa sebagai pengikutnya dan pendapat itu bercanggah dengan Islam.

Antara fahaman mereka adalah hilangnya imam, berpindah ruh orang yang mati ke dalam ruh orang-orang yang masih hidup atau kembali semula ke alam dunia selepas mati, menyerupakan Tuhan dengan makhluk, menolak fahaman Mu'tazilah, Jabariah dan penyelewengan-penyelewengan yang lain dan melaknat sekeras-kerasnya mereka yang menyeleweng itu.

Namun, pengikut-pengikutnya berpecah selepas beliau meninggal dunia, antaranya:

1. Nawusiah

Pengikut bernama Nawus dan sebahagian sarjana menamakannya Ibnu Nawus. Mereka berpendapat Jaafar as-Sadiq dipilih menjadi imam berdasarkan sumber daripada Imam Baqir. Jaafar as-Sadiq dipercayai masih hidup hingga sekarang dan beliau bakal menjadi Imam Mahdi pada akhir zaman.

Ada juga yang berpendapat, Ali akan hidup semula bagi memenuhi bumi dengan keadilan. Kemudian golongan yang bernama Saba'iah bergabung dengan golongan ini.

2. Al-lfthahiah (Al-A'mariah)

Mereka adalah pengikut Amar yang disandarkan kepada Abdullah al-Aftah, anak Imam Jaafar as-Sadiq. Mereka percaya, Imam Jaafar berpesan supaya melantik anaknya Abdullah menjadi imam.

Namun, Abdullah meninggalkan dunia 70 hari selepas ayahnya meninggal dunia.

3. Al-Sumaitiah
Mereka adalah pengikut Yahya bin Abi al-Syaith yang juga menjadi pengikut kepada al-Muhtar bin Abi Ubaid al-Thaqafi dan terbunuh bersamanya. Mereka berpendapat, imam itu dilantik melalui sumber daripada Imam Jaafar kepada anaknya. Manakala bakal Imam Mahdi adalah daripada kalangan anak-anaknya. Imam itu dipilih daripada anak-anak Imam Jaafar secara turutan iaitu Ismail, Muhammad, Abdullah al Aftah dan Ishak.

AL-MUSAWIYAH DAN AL-MAFADLIAH

Mereka adalah kumpulan yang percaya bahawa yang menjadi imam adalah Musa bin Jaafar al-Kazim. Ketua kumpulan ini adalah al-Faisal bin Umar. Mereka percaya, Musa al-Kazim masih hidup. Beliau pernah dibawa masuk berjumpa dengan Khalifah Harun ar-Rashid dan tidak keluar lagi. Beliau juga diramal akan keluar menjadi Imam Mahdi. Menurut sejarah, Imam Musa ditahan kemudian meninggal dunia (syahid) kerana diracun. Kemudian golongan ini berpecah pula kepada beberapa fahaman:

1. Al-Maaturah
Mereka yang berpendapat tidak tahu sama ada Imam Musa masih hidup atau sudah mati.

2. Al-Quda'yah
Mereka yang mengambil keputusan Imam Musa sudah mati.

3. Al-Waqifah
Mereka yang berpendapat, Imam Musa tidak mati sebaliknya beliau akan lahir semula selepas ghaib.

ISNA ASYARIYAH (IMAM 12)

Fahaman Imamiah juga dikenali sebagai Isna Ashariyah tetapi ada di kalangan mereka seperti *Kasyaf al-Ghita'*. Dia adalah salah seorang sarjana mereka pada zaman moden. Mereka juga menganut agama tauhid semata-mata, menolak fahaman yang menyatakan Allah SWT serupa dengan makhluk, menolak sifat-sifat kekurangan, menolak ajaran *tanasuh al-ruh, mujassimah, hulul* dan *ittihad*. Golongan ini yang dikenali dengan Isna Ashariyah Jaafariah pada hari ini menolak fahaman-fahaman yang bercanggah dengan dasar-dasar akidah yang dianuti oleh sebahagian daripada aliran-aliran sebelumnya dan menganggapnya kafir.

Mereka juga menambah rukun iman yang keenam iaitu percaya kepada imam. Menurut mereka, jawatan imam adalah anugerah Tuhan sebagaimana nabi. Allah Ta'ala menyuruh nabinya supaya menunjukkan imam melalui bukti al-Quran. Apabila nabi menyampaikan ajarannya daripada Allah maka imam menyampaikannya daripada nabi. Mereka percaya imam adalah *maksum* (terpelihara) daripada dosa seperti nabi.

Dalam ilmu fikah, mereka berselisih pendapat dengan Ahli Sunnah wal Jamaah dalam perkara nikah *Mut'ah* (kahwin bertempoh). Mereka mengharuskan nikah ini walaupun Ahli Sunnah mengharamkannya. Mereka menjama'kan sembahyang di tempat tinggal, sembahyang Jumaat ditangguhkan sehingga

lahirnya imam yang ghaib iaitu Imam Mahdi, sembahyang hari raya hukumnya wajib. Sembahyang tarawih tidak dilakukan secara berjamaah. Menambahkan azan dengan kalimah "*Aku bersaksi Ali itu wali Allah"* dan *"Marilah mengerjakan perbuatan baik*" dan lain-lain lagi.

Dalam ilmu tafsir dan rujukan hadis, mereka dapat memastikan laporan Ahli Bait yang diambil daripada Ali bin Abi Talib. Mereka tidak mengiktiraf laporan Abu Hurairah dan sahabat-sahabat yang lain. Begitu juga buku-buku tafsir seperti *Tafsir al-Tabari, al-Qurtubi, Ibnu Katsir* dan sebahagiannya dan buku-buku hadis seperti Al-Muwatha' karangan Imam Malik, *Musnad Imam Ahmad, Sahih Bukhari, Sahih Muslim* dan buku *al-Arba'ah.*

AL-ISMAILIAH AL-WAQIFAH

Golongan ini dianggap sebahagian daripada Syi'ah yang radikal dan terkeluar daripada agama Islam. Mereka percaya, yang menjadi Imam adalah Ismail bin Jaafar as-Sadiq, tetapi Isna Ashariyah tidak mengiktiraf fahaman ini dan tidak mengiktiraf Ismail menjadi Imam selepas Imam Jaafar as-Sadiq meninggal dunia. Menurut mereka, Ismail adalah seorang yang melakukan kerja-kerja maksiat yang termasuk dalam dosa besar seperti meminum arak dan sebagainya. Namun pengikut fahaman Ismailiah berkata, "*Tidak mengapa dia mengerjakan dosa besar kerana dia maksum. Apabila dia minum arak, dia minum di bawah ilmu Allah*."

Menurut Imam Abu Hasan al-Asy'ari, daripada fahaman Ismailiah ini juga lahirnya fahaman Qaramitah yang mengikut

ajaran batiniah. Kemudian golongan Ismailiah bertelingkah dalam isu kematian Ismail.

Ada di kalangan mereka yang berpendapat, Ismail tidak mati tetapi berpura-pura mati sebagai taqiah (menyelamatkan diri) daripada menjadi mangsa pemerintahan Abbasiyah. Ada juga yang berpendapat, Ismail sebenarnya sudah mati maka anak-anaknya pula yang menjadi imam setepasnya. Ada juga berpendapat, yang menjadi imam selepas Ismail adalah anaknya Muhammad bin Ismail. Buku ini akan membincangkan dengan lebih terperinci apabila memasuki fahaman Ghulah yang dianggap terkeluar daripada Islam.

GHULAH AL-SYI’AH

Mereka adalah terdiri daripada kumpulan fahaman Syi’ah yang dihukum keluar daripada Islam walaupun mereka mengaku sebagai pengikut Islam, kerana fahaman yang menjadi pegangan mereka membatalkan akidah. Antara fahaman-fahaman itu adalah:

Al-Saba’iyah

Mereka adalah pengikut ajaran yang dibawa oleh Abdullah bin Saba’. Dia berasal daripada agama Yahudi kemudiannya mengaku Islam. Dia pernah berkata kepada Ali, “*Kamu adalah kamu*” yang dimaksudkan kamu itu adalah Tuhan. Lalu dia dihalau ke Madyan. Selepas Ali meninggal dunia, dia menyebarkan ajarannya. Antara ajarannya, Yusha’ bin Nun adalah orang yang diwasiatkan oleh Musa, Ali juga diwasiatkan oleh Nabi Muhammad. Selepas itu, ajaran itu berkembang daripadanya fahaman-fahaman radikal yang lain. Kemudian, dia mendakwa Ali sebenarnya tidak mati.

Beliau datang bersama awan, guruh adalah suaranya, kilat ialah senyumannya, apabila bumi dipenuhi kezaliman, Ali turun memenuhi dengan keadilan. Kemudian dia membawa fahaman *tanasukh al-arwah* (selepas ruh berpisah daripada jasad seseorang, ruh itu berpindah pula ke jasad yang lain). Fahaman itu berasal daripada kepercayaan agama Hindu. Kemudian dia menyatakan, Tuhan menjelma ke dalam diri imam-imam yang dilantik selepas Ali.

Ismailiah

Pada awalnya fahaman ini seperti yang dijelaskan berhubung dengan Ismailiah al-Waqifah, iaitu mereka berpendapat imam mereka adalah Ismail bin Jaafar as-Sadiq. Oleh itu, mereka berselisih faham dengan golongan yang menyatakan imam selepas Jaafar adalah Musa al-Kazim. Golongan yang berpendirian sederhana mengakui Imam Musa al-Kazim. Mereka menyatakan Ismail menjadi imam yang disimpan dahulu seperti Hasan bin Ali di mana anak-anaknya tidak harus menjadi imam apabila dia meninggal dunia. Tetapi golongan Ismailiah ini berpendapat Ismail juga terus meninggalkan pusaka menjadi imam kepada anak-anaknya seperti juga Husain bin Ali. Ada juga di kalangan mereka yang berpendapat Jaafar melantik Musa sebagai penggantinya kerana untuk memelihara keselamatan Ismail, yang sebenar menjadi imam ialah Ismail bukannya Musa. Akidah mereka terkeluar daripada Islam kerana diresapi oleh perkara-perkara yang membatalkan akidah seperti membezakan syari'at Allah SWT dan menafikan tempat-tempatnya. Mereka berpecah kepada beberapa fahaman:

1. Al-Batiniah

Golongan ini digelarkan dengan nama al-Batiniah kerana mereka berkata, "*Syari'at Allah itu ada lahir dan batinnya, begitu juga dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad*", mereka menghurai ayat-ayat Allah dan hadis Nabi Muhammad SAW dengan cara yang menyeleweng daripada maknanya yang sebenar berpandukan Nabi Muhammad, para sahabat, tabi'in dan sarjana Islam yang diiktiraf. Mereka mendakwa imam itu ada yang tersembunyi.

Antara akidah mereka seperti yang dinyatakan dalam buku mereka adalah, Allah SWT menjadikan dirinya kemudian kedua-duanya mentadbir alam ini. Mereka juga menafikan mukjizat. Menafikan turunnya malaikat membawa wahyu dari langit. Mereka menuduh nabi-nabi adalah orang-orang yang mahu jawatan menjadi ketua semata-mata. Mereka berpendapat hukum-hukum syari'at itu boleh ditakwil. Sembahyang ditakwil dengan dengan taat kepada imam. Haji itu menziarahi imam. Puasa itu menahan rahsia imam bukannya tidak makan. Berzina itu adalah mendedahkan rahsia imam mereka juga berkata, "*Sesiapa yang tahu makna hakikat ibadah, gugur fardu ibadah daripadanya*" dengan mentakwilkan kata-kata Allah Ta'ala daripada surah al-Hijr ayat 99 yang berbunyi:

﴿وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ﴾

"*Sembahlah Tuhanmu sehingga kamu yakin*."

Mereka juga menimbulkan syak kepada al-Quran, Taurat, Zabur dan Injil, membatalkan hukum syari'at, tidak percaya kepada hidup semula selepas mati dan menolak adanya malaikat dan jin. Antara masalah-masalah dalam al-Quran yang dijadikan bahan

perbincangan mereka adalah, "*Huruf-huruf yang menjadi permulaan surah-surah al-Quran dengan takwil-takwil yang direka.*"

Antara cara yang dilakukan bagi mempengaruhi orang ramai adalah dengan menagih simpati dan menyokong Ahli Bait yang menjadi sasaran tekanan pada zaman Umawiyah dan Abbasiyah.

Gerakan ini bertolak daripada gerakan Abdullah bin Saba' yang bergabung dengan golongan Ismailiah. Antara tokoh mereka adalah al-Mughirah bin Said al-A'jali yang selalu datang berjumpa Imam Muhammad Baqir.

Kemudian dia memutarbelitkan ajaran yang sebenar, antaranya mentafsirkan kenyataan Allah SWT di dalam surah an-Nahl ayat 90:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

"*Sesungguhnya Allah menyeru kepada keadilan, berbuat baik dan memberi hak kepada kaum kerabat, serta melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran*."

Daripada ayat tersebut, dia berkata "*Adil dan ihsan itu adalah Fatimah dan Ali, kaum kerabat adalah Hasan dan Husain, kejahatan itu adalah Abu Bakar dan mungkar itu Umar.*"

Apabila Muhammad al-Baqir mengetahui penyelewengan al-Mughirah, lalu beliau menolak dengan sekeras-kerasnya serta

merta menjauhkan diri daripadanya. Pada akhirnya al-Mughirah bertindak lebih melampau lagi sehingga mengatakan Ali bin Abu Talib boleh menghidupkan orang mati dan mengetahui perkara yang ghaib. Kemudian dia melantik dirinya menjadi imam sehingga mengaku menjadi Tuhan.

Kemudian lahir pula muridnya yang bernama Abu Mansur al-A'jali yang berkata, "*Nabi itu tidak berakhir dengan Nabi Muhammad. Pintu-pintunya terbuka kepada golongan Ismailiah*." Abu Mansur sendiri mengaku bahawa dirinya seorang nabi. Ajaran ini dihidupkan pada zaman sekarang oleh golongan Baha'i.

Antara tokohnya juga adalah Maimun bin Dishan yang berasal daripada pengikut agama Yahudi. Kemudian dia menganut Islam dan menganut ajaran Batiniah. Dia membawa fahaman yang menyatakan imam itu mempunyai sifat maksum yang tidak terhingga kerana pelantikannya daripada Allah Ta'ala. Dia wajib bersifat memelihara syari'at sejak azali dan berada dalam ilmu Allah yang qadim, bersama nur yang awal, berpindah daripada nabi kepada imam. Bagi memelihara rahsia fahamannya, dia membahagikannya kepada tujuh martabat. Seseorang itu tidak naik ke martabat yang lebih tinggi melainkan selepas berjaya diuji.

2. Qaramitah

Mereka adalah pengikut kepada Hamdan bin al-As'as yang terkenal dengan Hamdan Qirmit. Qirmit bermakna melangkah pendek apabila berjalan. Ini kerana Hamdan dilihat pada zahirnya sebagai seorang yang bersifat zuhud dan fakir. Dia menetap di kampung daerah Teluk Parsi dengan mendirikan sebuah kawasan dan menamakannya dengan Darul Hijrah kononnya mengikut

contoh seperti nabi. Selepas berjaya mendapat pengaruh, dia menyebarkan ajarannya di daerah sekitarnya.

Ajarannya juga berfahaman kebatinan. Antara cara dia mengumpul pengikut dan menegakkan ajarannya adalah dengan mengumpulkan harta yang menjadi milik bersama sehingga masing-masing mempunyai senjata bagi menentang sesiapa yang menghalang. Masalah makan minum diatasi dengan cara berkongsi. Kemudian, dia membawa pengikutnya supaya bergaul bebas antara lelaki dan perempuan dengan tujuan berjinak-jinak dan berkasih sayang.

Pada tahun 513 Hijrah (12 Januari 930) mereka menyerang Makkah dengan bala tentera yang dipimpin oleh Abu Tahir al-Janabi. Pada Hari Raya Haji, mereka membunuh jemaah yang datang ke masjid dan orang-orang yang tawaf. Mereka masuk ke dalam Kaabah dengan berkuda, kencing semasa tawaf, mencabut Hajarul Aswad dan mengambil perhiasan Kaabah sambil mencaci secara mengejek:

“*Kalaulah rumah ini menjadi Tuhan, nescaya dia menyiram api neraka ke atas kita. Sesungguhnya kami tinggalkan jenazah-jenazah antara telaga zam-zam dan bukit Safa yang tidak mahu kepadanya melainkan Tuhan yang mengaku Tuhan*.”

Batu Hajarul Aswad menjadi rampasan mereka selama 20 tahun sehingga tentera Islam dapat mengalahkan mereka dan mengambil semula Hajarul Aswad.

3. Duruz

Mereka adalah kumpulan yang berasal daripada golongan pelampau Syi’ah yang pernah menegakkan Kerajaan Fatimiah di

Utara Afrika. Pengikut kepada Muhammad bin Ismail al-Duruzi, yang berbangsa Turki. Sebahagian sarjana menyatakan dia berbangsa Parsi. Dia menjadi penyokong kuat kepada raja al-Hakim Biamrillah yang mengaku menjadi Tuhan. Dia dengan beraninya mengisytiharkan raja itu sebagai Tuhan di salah sebuah masjid di bandar Kaherah, Mesir. Kemudian, dia mengajak orang ramai beriman dan beribadah kepadanya tetapi golongan Durzi melaknatnya dan tidak menghormatinya lagi. Golongan Durzi mendakwa mereka adalah pengikut kepada Hamzah bin Ali al-Zuzani al-Farisi yang bergelar al-Hadi yang juga kenalan rapat al-Hakim Biamrillah.

Al-Hakim memeritahnya supaya menerima jawatan pemimpin menyeru kepada fahaman Ismailiah dengan gelaran al-Sannadu al-Hadi dan diperintah supaya menjadikan Lembah Tim sebagai pusat kegiatannya. Apabila al-Hakim Biamrillah menghilangkan dirinya, maka golongan Durzi berpendapat dia menghilangkan dirinya bagi membuang kotoran murid-muridnya. Dia akan kembali semula apabila kezaliman di dunia ini sampai ke puncaknya dan dia kembali semula bagi menghitungkan orang-orang bukan Islam.

Terlalu payah mendapat rujukan mengenai dengan ajaran mereka kerana mereka sangat merahsiakannya. Mereka tinggal berasingan daripada orang ramai iaitu di kawasan bukit-bukau dan pergunungan di Lubnan. Walau bagaimanapun, mereka adalah pecahan daripada fahaman Ismailiah bil Batiniah. Antara perkara yang menjadi kepercayaan mereka adalah:

❖ Mempercayai *tanasukh*, iaitu ruh berpindah daripada orang yang sudah mati kepada jasad orang lain. Alasan

mereka adalah walaupun jasadnya mati namun ruhnya tetap hidup. Mereka juga berkata, "Iblis lahir dalam tubuh Nabi Adam, kemudian berpindah ke tubuh Nabi Nuh, kemudian ke tubuh Nabi Ibrahim, kemudian ke tubuh Nabi Musa kemudian ke tubuh Nabi Isa, akhirnya ke tubuh Nabi Muhammad."

❖ Mereka berkata pula, "*Syaitan itu lahir dalam tubuh Nabi Adam. Kemudian ke dalam tubuh Sam bin Nuh, kemudian ke dalam tubuh Nabi Ismail, kemudian ke dalam tubuh Yusha', kemudian ke dalam tubuh Syam'un al-Shafa, kemudian ke dalam tubuh Ali bin Abi Talib, kemudian ke dalam tubuh Qidah (salah seorang pemimpin golongan Qaramitah).*"

❖ Ruh orang yang mati akan kembali semula ke dunia ke dalam tubuh kanak-kanak yang baru dilahirkan.

❖ Percaya kepada Injil dan al-Quran dengan cara memilih ayat yang boleh ditakwil dan meninggalkan ayat-ayat yang tidak boleh ditakwil. Mereka berkata juga al-Quran itu diwahyukan kepada Sulaiman al-Farisi. Kemudian ia diambil oleh Muhammad dan dia menisbahkannya kepada dirinya. Mereka menamakan al-Quran dalam buku-buku mereka dengan al-Mastur al-Mubin.

❖ Mereka cenderung tidak mengerjakan ibadah dan jihad kerana mereka percaya Raja al-Hakim Biamrillah menjelma kepada mereka pada awal tahun 804 Hijrah lalu menggugurkan perintah sembahyang, puasa, zakat, haji, jihad, wilayah dan syahadah.

RAWAFID (RAFIDHAH)

Mereka pada asalnya adalah orang-orang yang berpisah daripada Imam Zaid bin Ali kerana beliau mengiktiraf Abu Bakar dan Umar. Apabila Imam Zaid mengiktiraf Abu Bakar dan Umar, mereka enggan mengikutnya. Perkataan *Rafidhah* atau *Rawafidh* itu berasal daripada *al-Rafd* yang bermakna enggan.

Menurut pendapat setengah sarjana, orang yang menggelarkan mereka dengan nama itu adalah al-Mughirah bin Said. Mereka enggan mematuhi Imam Zaid dan membiarkannya dibunuh oleh musuh. Menurut al-Magrizi pula, mereka adalah golongan yang terlampau kasih kepada Ali dan terlampau benci kepada Abu Bakar, Umar, Uthman dan Aisyah.

Golongan ini juga mempunyai pegangan yang lain daripada Ahli Sunnah wal Jamaah. Antaranya adalah:

- Mereka berkata orang lain tidak layak menjadi khalifah selain daripada keturunan Ali bin Abu Talib.
- Tidak wajib berjihad melainkan selepas lahirnya Imam al-Reda yang diseru dari langit supaya mematuhi pemerintahannya.
- Allah mewajibkan sembahyang dalam tiga waktu sahaja.
- Mereka memusuhi malaikat Jibril kerana silap menurunkan wahyu.
- Menjadikan imam-imam seperti Tuhan.
- Menyembah kubur imam-imam itu dan lain-lain lagi yang membawa mereka terpesona daripada menjadi Ahli Islam.

KISANIAH

Antara fahaman Syi'ah yang melampau juga ialah al-Kisaniah. Mereka adalah pengikut seorang yang bernama Kisan yang bergelar Abu Amarah. Setengah sarjana Islam menyatakan dia adalah hamba kepada Ali bin Abu Talib. Pendapat lain pula menyatakan dia adalah murid kepada Muhammad bin al-Hanafiah. Mereka adalah pengikut fanatik kepada Muhammad bin al-Hanafiah.

Fahaman Kisaniah ini banyak dipengaruhi dengan ajaran agama Hindu. Contohnya mempercayai ruh orang yang mati berpindah ke jasad orang yang hidup di dunia. Antara perkara yang menjadi akidah mereka adalah setiap sesuatu itu ada zahir dan batin sebagaimana adanya ruh dan jasad. Mentakwilkan hukum-hukum syara' yang berkait dengan sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Beberapa pemimpin mereka, apabila mencapai martabat taat, masalah–masalah syari'at boleh ditinggalkan. Setengah daripada mereka kurang percaya kepada Hari Kiamat. Mereka mempercayai imam akan kembali semula ke dunia. Dalam perkara ini, mereka seperti fahaman al-Saba'iyah tetapi imam mereka adalah Muhammad bin al-Hanafiah.

Mereka percaya Muhammad bin al-Hanafiah masih hidup lagi. Dia tinggal di bukit Radhwa serta dikawal oleh singa dan harimau. Matanya mengeluarkan air dan madu. Mereka percaya dia akan keluar pada akhir zaman. Penyair mereka dia akan keluar pada akhir zaman. Penyair mereka Kasyir A'zah berkata:

"*Ingatlah, sesungguhnya imam itu mestilah daripada kalangan Quraisy, yang sebenarnya menjadi pemimpin itu adalah empat orang, Ali dan tiga orang anaknya, mereka itulah cucu Nabi yang*

tidak boleh disembunyikan, iaitu cucu iman dan takwa (Hasan) dan cucu yang hilang di bumi Karbala (Husin) dan cucu yang tidak merasai mati sehingga dia memimpin tentera dengan menunggang kuda yang didahului bendera (Muhammad bin al-Hanafiah). Dia menghilangkan diri tidak dilihat di kalangan mereka bersama masa, dia bersembunyi di gunung Radhwa. Di sisinya ada air dan madu."

Selepas berlakunya beberapa zaman yang mencabar, tiba-tiba fahaman Kisaniah ini berpecah pula kepada beberapa fahaman yang berakhlak dan berbeza pendapat antara satu sama lain.

AL-HASYIMIAH

Mereka menjadi pengikut kepada Abu Hasyim bin Muhammad bin al-Hanafiah. Mereka berkata bahawasanya, selepas Muhammad bin al-Hanafiah tiada, anaknya Abu Hashim yang menjadi imam. Kepadanya diserahkan rahsia segala alam, diperlihatkan kepadanya segala ufuk ilmu yang berhubung dengan hakikat diri. Golongan ini mengutamakan takwil ayat-ayat Al-Quran. Mereka berkata, setiap yang lahir itu mempunyai batin, sebagaimana bagi setiap orang itu ada ruhnya. Bagi setiap ayat yang diturunkan ada takwilnya dan bagi setiap alam missal ada hakikatnya. Sesiapa yang mempunyai ilmu-ilmu itu, dia layak menjadi imam.

Menurut pendapat Abu Hasyim yang menjadi pemimpin fahaman ini, ruh berpindah daripada seseorang kepada seorang yang lain. Ruh Tuhan berpindah sehingga sampai kepadanya dan menjelma dalam dirinya. Kemudian, dia mendakwa dirinya

menjadi Tuhan dan mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan disembah pengikut-pengikutnya.

Abu Hasyim meninggal dunia di Khurasan dan pengikut-pengikutnya berselisih pendapat. Ada yang berpendapat Abu Hasyim masih hidup dan kembali semula ke dunia dan ada juga yang berpendapat Abu Hasyim mati tetapi ruhnya berpindah kepada Ishak bin Zaid bin Haris al-Ansari. Seterusnya mereka mengambil keputusan menghalalkan yang haram dan menolak hukum termaktub seperti wajib sembahyang, puasa, haji, zakat dan lain-lain.

AL-BAYANIAH

Mereka adalah pengikut Bayan bin Sama'an al-Nahdi at-Tamimi. Fahaman ini lahir di Iraq pada awal kurun kedua Hijrah.

Bayan mendakwa satu juzuk daripada sifat Tuhan menjelma dalam diri Ali, kemudian ke dalam diri Muhammad bin al-Hanafiah, kemudian ke dalam diri Abu Hasyim, kemudian dirinya iaitu Bayan bin Sama'an. Antara perkara-perkara yang menjadi ajarannya adalah ketuhanan Ali dan Bayan bin Sama'an. Perkataan bayan yang disebut dalam al-Quran adalah dirinya. Antaranya adalah daripada kenyataan Allah SWT di dalam surah Ar-Rahman ayat ketiga dan keempat:

﴿خَلَقَ الإِنْسَانَ، عَلَّمَهُ الْبَيَانَ﴾

"Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbicara (terang nyata)."

Juga pada kenyataan Allah Ta’ala di dalam surah Ali Imran ayat 128:

﴿هَـٰذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ﴾

“(Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia, dan petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

Dia pernah berkata, “*Sayalah al-Bayan (keterangan), sayalah al-Hadi (petunjuk), sayalah al-Mau’izah (pengajaran)*.” Selain mengaku mengetahui rahsia *Asma’ullah al-A’zam* (Nama-nama Allah Yang Agung), mentakwil ayat-ayat al-Quran dengan huraian yang menyesatkan. Seterusnya dia berkata, Tuhan langit lain daripada Tuhan bumi.

Bayan pernah mengutus surat kepada Imam Ahmad al-Baqir melalui Umar bin ‘Afif. Dalam surat ini dia mengajak al-Baqir beriman kepadanya. Kemudian, Imam al-Baqir menyuruh pembawa surat memakan surat itu. Sebaik sahaja makan surat itu, pembawa surat itu pun mati.

Oleh kerana Bayan dan ajarannya terlalu sesat dan menyesatkan, pemerintah wilayah iaitu Khalid bin Abdullah mengenakan hukuman mati ke atas Bayan dan berkata, “*Kalau kamu boleh membinasakan tenteraku dengan asma yang kamu dakwa mengetahuinya, persilakan*.” Kemudian Bayan dibunuh dan disula.

AL-RIZAMIAH

Mereka adalah pengikut Rizaimi bin Rizam. Dia menyatakan imam dilantik selepas Ali dan Muhammad bin al-Hanafiah. Kemudian jawatan itu dipermudahkan kepada beberapa orang daripada keturunannya. Selepas itu, jawatan imam diserah kepada Abu Muslim al-Khurasani.

Antara perkara yang menjadi kepercayaan mereka adalah Abu Muslim lebih baik daripada malaikat Jibril, Mikail dan pemimpin-pemimpin malaikat yang lain. Mereka juga berkata Abu Muslim tidak mati. Agama itu dua perkara sahaja, iaitu mengenal imam dan mengetahui amanah. Sesiapa yang mencapai *makrifah* (pengetahuan) dalam dua perkara ini, maka dia mencapai martabat sempurna dan tidak perlu beramal lagi dengan perintah-perintah yang dikenakan kepada orang yang mukallaf.

Rizami cuba mempengaruhi Imam Jaafar as-Sadiq dengan mengutuskan surat kepadanya. Imam Jaafar menolak sekeras-kerasnya dengan menegaskan, "*Kamu bukan pengikutku*."

AL-KARABIAH

Mereka adalah pengikut Abu Karab al-Dharir dan sesetengah ulamak menamakan dengan Ibnu al-Dharir. Golongan ini terlalu melampau memuja Muhammad bin al-Hanafiah sehingga melampaui batas akal dan agama. Selain itu mereka mempunyai pegangan yang sama dengan golongan-golongan sesat yang lain. Mereka juga berpendapat Muhammad bin al-Hanafiah tidak mati sehingga sekarang. Mereka mendakwa dia berada di banjaran gunung Radhwa. Di sebelah kanannya ada singa dan di sebelah

kirinya ada harimau yang sentiasa mengawalnya. Dia diberi rezeki yang tidak perlu dicari pada setiap hari. Mereka juga berkata Muhammad bin al-Hanafiah dihukum begitu kerana dia cenderung kepada Abdul Malik bin Marwan yang menjadi khalifah kerajaan Umawiyah pada zamannya.

AL-KAMILIAH

Mereka adalah pengikut Abu Kamil. Dia mendakwa semua sahabat yang meninggalkan majlis ikrar setia kepada Ali hukumnya kafir. Mereka juga berkata Allah itu mampu berkata-kata dengan semua lidah dan bahasa serta mampu berdiri di semua tempat. Mereka juga mendakwa Allah Ta'ala dapat menzahirkan dirinya dengan rupa manusia sama ada dengan seluruh rupa atau sebahagiannya sahaja. Abu Kamil mampu kembali hidup semula sebelum berlakunya hari kiamat. Mereka membenarkan kata-kata iblis yang mendakwa dirinya lebih mulia daripada Nabi Adam kerana dia diciptakan daripada api. Api lebih mulia daripada tanah kerana api itu bercahaya sedangkan tanah itu tidak bercahaya. Selain itu, api juga pernah disembah. Mereka juga berpegang pada pendapat yang mendakwa jawatan imam adalah cahaya yang berpindah daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Kadang-kadang, cahaya itu juga dapat berpindah ke dalam diri nabi. Kadang-kadang, cahaya boleh berpindah ke dalam diri imam biasa dan kadang-kadang juga imam boleh menjadi nabi. Fahaman ini menular pada awal pemerintahan Abbasiyah.

MUHAMMADIAH

Iaitu golongan yang menunggu kelahiran semula Muhammad bin Abdullah bin al-Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib. Walaupun beliau dibunuh, mereka berkata, "Muhammad bin Abdullah masih hidup. Beliau bersembunyi di bukit Hajar yang terletak di daerah Najd. Pada akhir zaman, dia akan diperintah keluar daripada persembunyian."

HISYAMIAH

Golongan ini mempunyai dua puak, pengikut Hisyam bin al-Hakam al-Rafazi dan pengikut Hisyam bin Salam bin al-Jawaqi.

Puak pertama yang mana Hisyam al-Hakim al-Rafazi merupakan pengasas ajaran atau fahaman yang menyatakan Allah SWT itu berjisim. Walaupun tidak sama dengan yang lain, tetapi boleh digambarkan dari segi zatnya walaupun sifat kuasanya tidak terhingga. Dia tinggi dan lebar, lebarnya sama dengan tingginya. Mereka juga berkata Tuhan itu nur yang bercahaya seperti perak yang bersih dan mutiara yang bulat. Dakwaan itu adalah bohong dan tidak ada bukti yang membenarkan dakwaan mereka.

Mereka juga menghadkan sifat-sifat Allah SWT yang maha sempurna itu dengan menyatakan ilmu Allah itu terhad. Mereka berkata, "*Adalah mustahil Allah itu mengetahui segala sesuatu secara berpanjangan*." Mereka mendakwa Allah Ta'ala mengetahui suatu dengan didahulukan tetapi tidak mengetahuinya terlebih dahulu. Mereka berkata al-Quran itu tidak *khalik* (pencipta) dan bukan *makhluk* (diciptakan). Ia adalah perbuatan Allah seperti juga ilmunya. Mereka membenarkan

derhaka kepada para nabi sedangkan imam-imam pula bersifat maksum. Mereka berhujah, nabi itu diwahyukan padanya.

Manakala puak kedua pula pengikut kepada Hisyam bin Salam bin al-Jawaqi. Mereka lebih melampau lagi dengan membawa pegangan *mujasad* dan *musyabihat*. Mereka berpegang dengan fahaman yang menyatakan Allah itu berupa manusia yang tidak berdaging dan berdarah. Dia adalah cahaya yang putih yang mempunyai pancaindera yang lima. Mereka mendakwa Allah mempunyai tangan, kaki, hidung, mulut, mata dan telinga. Dia mendengar dengan yang lain daripada apa yang dia melihat dengannya. Seluruh pancainderanya berbeza-beza antara satu sama lain, separuh yang di atasnya berongga dan separuh yang di bawahnya tidak, mempunyai cahaya hitam dan putih, *iradah*nya. (berkehendak) ialah *harakat* (gerak). Sifat ini bukannya sifat bagi Allah Ta'ala dan bukan lain daripadanya. Apabila dia menghendaki sesuatu, dia bergerak. Maka berlakulah seperti kehendaknya.

AL-ZIRARIAH

Mereka adalah pengikut Zirarah bin A'yun. Dia pernah mengikut fahaman al-Afthahiyah yang berkata, imam itu adalah Abdullah bin Jaafar. Kemudian, dia keluar daripada fahaman ini lalu mengikuti fahaman al-Musawiyah. Seterusnya dia mencipta ajarannya sendiri. Antaranya dia berkata, Allah SWT itu pada mulanya tidak hidup, tidak berkuasa, tidak mendengar, tidak melihat, tidak mengetahui dan tidak berkehendak. Kemudian dia mencipta untuk dirinya sendiri akan sifat-sifat kuasa, berkehendak, ilmu, hidup, mendengar dan melihat.

AL-YUNUSIAH

Mereka adalah pengikut Yunus bin Abdul Rahman al-Qami. Pada mulanya dia menganut fahaman Imamiah Qat'iyah yang memutuskan Imam Jaafar sudah mati. Kemudian dia membawa fahamannya sendiri yang mengatakan Allah itu ditanggung oleh malaikat yang menanggung Arasy, sedangkan Allah Ta'ala itu lebih kuat daripada mereka. Ini juga termasuk di kalangan ajaran-ajaran yang mengelirukan dan terlalu mengada-adakan perkara palsu kepada Allah.

AL-SYAITANIAH

Mereka adalah pengikut seorang yang bernama Abu Jaafar bin an-Nukman al-Ahwal al-Rafadhi yang digelar juga dengan nama Syaitani al-Tak. Dia antara orang yang bertanggungjawab membawa fahaman dalam aliran Syi'ah. Imam adalah orang-orang disebutkan secara tertentu. Mereka berkata, orang yang disebutkan itu adalah Zaid. Dia mengarang sebuah buku berkenaan dengan kepimpinan. Di dalam bukunya, dia menafikan kenyataan Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat 40:

﴿إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا﴾

"Jikalau kamu tidak menolongnya (Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya ketika orang-orang kafir (musyrikin Makkah) mengeluarkannya (dari Makkah) sedang dia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada dalam gua,

di waktu dia berkata kepada temannya: Janganlah kamu berduka cita, sesungguhnya Allah bersama kita."

Ayat ini menerangkan peristiwa Nabi Muhammad bersama Abu Bakar di dalam gua Thur. Dia bersetuju dengan pendapat Hisyam bin Salim al-Jawaqi yang berpegang pada ajaran mujasimah. Dia juga bersependapat dengan Hisyam bin al-Hakam yang menyatakan Allah Ta'ala itu mengetahui dengan sendirinya tetapi mengetahui dalam perkara-perkara yang ditakdirkan olehnya dan dikehendakinya sahaja. Bagi perkara yang belum ditakdirkan, dia tidak mengetahuinya.

PENUTUP KUMPULAN SYI'AH

Demikianlah sebahagian daripada beberapa perkara yang lahir dalam fahaman Syi'ah. Selain itu ada lagi dalamnya beberapa fahaman lain yang mempunyai pengikut-pengikutnya yang disebut secara khusus.

BAB 4: KHAWARIJ

Selepas Uthman bin Affan, khalifah yang ketiga meninggal dunia (syahid), para sahabat dan sebahagian besar umat Islam melafazkan ikrar setia melantik Ali bin Abi Talib menjadi khalifah yang keempat. Walau bagaimanapun, kematian Uthman meninggalkan api fitnah di kalangan umat Islam sehingga membawa kepada peperangan sesama sendiri. Ada dua kumpulan yang berperang ketika itu iaitu kumpulan yang taat kepada khalifah Ali dan mereka yang menentang beliau. Golongan yang menentang berpunca daripada rasa tidak berpuas hati dengan tindakan Ali ke atas orang yang terlibat dalam peristiwa pembunuhan Uthman bin Affan. Perang Siffin berlaku antara mereka yang taat kepada khalifah dan mereka yang menentangnya.

Apabila tentera pimpinan Ali hampir mencapai kemenangan, Mu'awiyah menerima nasihat Amru bin al-Ash supaya melakukan helah dengan mengangkat al-Quran dan mengajak supaya berdamai dengannya. Cara ini membawa kepada pertelingkahan sesama sahabat. Ali menyedari penipuan ini namun beliau terpaksa mengikut mereka yang terpengaruh dengan helah itu. Mereka menerima Tahkim dengan Ali mewakilkan Abu Musa al-Asy'ari manakala Mu'awiyah mewakilkan Amru bin al-Ash.

Dalam pengadilan itu, Abu Musa al-Asy'ari tertipu dengan helah yang digunakan oleh Amru al-Ash. Pengikut Ali tidak berpuas hati dengan pengadilan itu berkata, "*Tiada hukum yang sebenar melainkan Allah*." Ali menjawab, "*Perkataan itu benar tetapi diucapkan di tempat yang salah*." Mereka mengambil

keputusan menentang dan keluar daripada keputusan perlantikan khalifah yang sah. Mereka menuju ke Harura'.

Ali datang memujuk mereka secara damai. Beliau mengemukakan soal jawab secara baik kepada mereka. Ali bertanya kepada mereka sambil menongkatkan busur panah, "*Adakah kalian tahu, aku benci pada jawatan?*" Mereka menjawab, "*Ya.*" Ali bertanya lagi, "*Tidakkah kalian sedar, kalian juga memaksa aku supaya menerimanya?*" Mereka menjawab, "*Ya*." Kemudian Ali bertanya lagi, "*Kalau begitu, mengapa kalian menentangku?*" Mereka terus rasa bersalah dan berkata, "*Sesungguhnya kami melakukan dosa yang besar. Sekarang kami bertaubat kepada Allah*." Mereka pun pulang ke Kufah bersama Ali.

Tidak lama kemudian, mereka berubah fikiran lalu menentang semula. Ali terus menghantar Abdullah bin al-Abbas supaya berdamai dengan mereka bagi menghilangkan fitnah dan bencana. Namun, mereka mengambil keputusan menentang khalifah dan bersumpah setia melantik ketua yang dipilih oleh mereka sendiri iaitu Haraura'. Kerana itu, kumpulan ini dinamakan al-Harauriah. Oleh kerana mereka keluar menentang khalifah, mereka dinamakan Khawarij. Mereka juga menamakan diri mereka dengan nama *al-Syurah* bermaksud orang yang menjual nyawa kerana mahukan keredhaan Allah sedangkan mereka termasuk dalam pengikut ajaran sesat.

Golongan Khawarij bersepakat mendakwa Ali terkeluar daripada Islam berdasarkan peristiwa Tahkim dan mendakwa orang Islam yang mengerjakan dosa besar juga terkeluar daripada Islam. Mereka juga menghukum orang yang mengerjakan dosa

besar akan diseksa dalam neraka selama-lama kecuali golongan al-Najdad iaitu salah satu daripada pecahan Khawarij. Mereka juga mempunyai pegangan-pegangan yang berbeza mengenai akidah serta bersikap menentang keras kepada khalifah Islam yang tidak disenangi mereka walaupun khalifah itu daripada kalangan para sahabat. Apabila golongan Syi'ah melampau memuja Ali, golongan Khawarij pula melampau menentang Ali serta para sahabat yang tidak sependapat dengan mereka.

Pada asalnya, mereka menentang dalam urusan pemerintahan Islam sahaja. Namun, tindakan mereka melarat kepada perkara-perkara akidah yang menyeleweng daripada landasan al-Quran dan sunnah.

Mereka adalah golongan yang bersifat kasar dan keras. Ini kerana kebanyakan mereka daripada kalangan orang *Badwi* (desa) yang berperangai begitu. Ditambah pula dengan kejahilan agama dan lemah dalam memahami al-Quran dan sunnah walaupun mereka berpegang kuat pada agama dan sayang padanya.

Pegangan mereka berbeza dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Antara pegangan mereka adalah:

- Dalam pemerintahan, mereka mengaku Abu Bakar dan Umar sebagai khalifah yang sah. Uthman pada awalnya sah tetapi mereka mendakwa, Uthman berubah pada akhir pemerintahannya. Apabila Uthman berubah, jawatan khalifahnya juga tidak sah. Ali pula berada dalam keadaan baik sebelum peperangan Siffin. Selepas itu, Ali didakwa melakukan kesilapan dalam semasa Tahkim sehingga kesalahan itu dihukum terkeluar daripada Islam.

- Mereka mengecam orang-orang yang terlibat dalam Perang Jamal. Mereka adalah Thalhah, Zubair dan Aisyah. Mereka juga mengkafirkan Abu Musa al-Asy'ari dan Amru bin al-Ash. Kesemua para sahabat itu dikecam habis-habisan. Mu'awiyah menurut pegangan mereka, merampas jawatan khalifah dengan menggunakan kekerasan maka dia kafir yang wajib diperangi.

- Jawatan khalifah mesti dipilih secara bebas di kalangan rakyat sama ada ia Ahli al-Bait seperti pegangan Syi'ah atau Quraisy seperti pegangan Ahli Sunnah. Apabila khalifah itu zalim, dia wajib dipecat atau diperangi. Sebahagian mereka menyatakan, tidak perlu ada imam. Apabila dirasakan mustahak, hukum melantiknya adalah harus sahaja.

- Terlalu mudah mendakwa kafir kepada orang yang melakukan dosa. Bukan sahaja yang melakukan dosa besar, malah ada yang berpendapat dosa kecil juga dihukum terkeluar Islam.

- Berpegang pada zahir ayat-ayat al-Quran dan hadis secara mudah tanpa mengkaji secara mendalam menurut kaedah-kaedah asal yang memberi makna yang lebih tepat dan kena bagi tujuan teks.

Mereka cuba mempengaruhi Abdullah bin Zubair yang menentang pemerintahan Mu'awiyah. Mereka meminta dengan keras supaya Abdullah mendakwa dan mengecam sahabat-sahabat termasuk ayahnya keluar daripada Islam. Dengan bijak Abdullah menjawab, "*Sesungguhnya Allah yang maha perkasa dan maha berkuasa*

menunjukkan kata-katanya kepada orang yang paling kafir dengan cara yang lebih lembut daripada ini.” Allah SWT berkata kepada Nabi Musa dan Nabi Harun di dalam surah Taha, ayat 43 hingga 44:

﴿اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ، فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ﴾

“Pergilah kamu berdua berjumpa Firaun sesungguhnya dia melampau batas. Katakanlah kepadanya dengan kata-kata yang lembut, mudah-mudahan dia menerima peringatan dan berasa takut.”

Nabi Muhammad SAW juga bersabda:

لا تسبوا الأموات فإنهم قد أفضوا إلى ما قدموا. (رواه البخاري)

“Janganlah kalian mencela orang-orang yang sudah mati, karena mereka itu sudah sampai kepada apa yang telah mereka lakukan.” (HR Bukhari)

Nabi Muhammad SAW melarang sahabatnya mencela Abu Jahal di hadapan anaknya Ikrimah. Abu Jahal adalah musuh Allah Ta’ala dan RasulNya SAW sebelum hijrah dan memeranginya selepas hijrah. Berkata Ikrimah, “*Cukuplah syirik menjadi dosa yang paling besar. Adalah tidak kena pada tempatnya kamu berkata demikian kepada ayahku dan sahabat-sahabat yang lain.*”

Seterusnya Abdullah bin Zubir mempertahankan Uthman bin Affan, Ali bin Abu Talib dan ibu saudaranya, Ummul Mukminin Aisyah sehingga golongan Khawarij meninggalkannya. Golongan Khawarij menentang khalifah secara kekerasan. Antara tindakan

kejam yang mereka lakukan adalah membunuh Ali bin Abu Talib. Ali dibunuh oleh seorang pengikut Khawarij yang bernama Abdul Rahman bin Muljim.

Seterusnya mereka berpecah kepada lapan golongan yang besar dan berpecah pula daripadanya beberapa kumpulan kecil yang mempunyai pegangan yang berbeza antara satu sama lain.

AL-MUHAKIMATUL ULA

Ia adalah nama terawal yang diberi kepada golongan Khawarij. Nama ini bersempena dengan sikap mereka yang menentang Majlis Tahkim dan mereka berkata, "*Tiada hukum yang sebenar melainkan Allah.*" Mereka juga dikenali dengan al-Hururiyah mengambil sempena nama tempat mereka berkumpul iaitu al-Huraura'. Mereka juga dikenali juga dengan nama al-Syurah kerana mereka berkata: "*Kami menjual diri kami kepada Allah. Kami berperang pada jalan Allah, lalu kami membunuh dan dibunuh*."

Antara pegangan mereka adalah:

- ❖ Ali bersalah kerana menerima Majlis Tahkim. Menurut mereka, Ali menerima hukum manusia bukannya hukum Allah. Kemudian mereka mendakwa Ali terkeluar daripada Islam. Mereka juga menyalahkan Uthman dengan mengecam dan mendakwa para sahabat yang terlibat dalam Perang Jamal dan Siffin terkeluar daripada Islam.

- Jawatan khalifah boleh diserahkan kepada calon bukan Quraisy walaupun ketika itu Quraisy adalah bangsa paling kuat dan berpengaruh. Kadang-kadang, mereka membenarkan pendapat tidak perlu ada imam.

AL-IBADHIAH

Mereka adalah pengikut Abdullah bin Ibadh al-Tamimi. Fahaman ini mempunyai pengikut paling ramai di kalangan Khawarij. Hingga kini, pengikutnya masih wujud di neger-negeri Masqat, Oman, Zanzibar dan beberapa daerah di utara Afrika. Mereka juga dianggap golongan Khawarij yang paling sederhana dan tidak keras seperti golongan-golongan Khawarij yang lain.

Abdullah bin Ibadh menjalankan kegiatan pada akhir pemerintahan Umawiyah iaitu pada zaman khalifah Marwan bin Muhammad. Pada peringkat awal, dia bergerak di Basrah secara rahsia. Kemudian, dia menyebarkan pengikut-pengikutnya di daerah yang lain.

Antara ajarannya adalah:

- Orang-orang kafir di kalangan umat ini tidak syirik dan beriman. Mereka bukan mukmin dan bukan kafir. Mereka boleh diterima menjadi saksi dan harus berkahwin dengan mereka. Darah-dara mereka haram pada rahsianya tetapi halal pada zahirnya.

- Mereka bertelingkah dalam perkara munafiq. Ada yang berkata munafiq itu terkeluar daripada syirik dan iman. Ada yang mengatakan munafiq itu adalah dosa besar bukannya syirik. Orang yang melakukannya menjadi kafir

dengan dosa besar itu. Ada pula yang berkata, "*Kita serahkan sahaja kepada munafiq iaitu nama yang diberi oleh Allah.*"

- Mereka mempunyai perbezaan pendapat dengan Ahli Sunnah dalam beberapa hukum fikah. Antaranya, mereka menambah hukum dalam hukuman hudud iaitu pesalah diminta bertaubat. Sekiranya tidak bertaubat, mereka dibunuh. Contoh hukuman yang dikenakan kepada pencuri dan sebagainya.

Kemudian berlaku lagi beberapa penyelewengan dalam fahaman Ibadhiah sehingga terkeluar daripada pendapat pengasasnya. Antara fahaman yang tumbuh di kalangan mereka adalah:

1. Al-Yazidiah

Pengikut Yazid bin Abi Ubaih al-Kharaji. Dia berasal dari Basrah dan mengikut fahaman Khawarij Ibadhiyah. Kemudian, dia berpindah ke Jor di Parsi lalu membawa ajaran-ajaran yang radikal. Antara ajarannya adalah:

- Di kalangan umat ini ada dua saksi. Salah seorang daripadanya dia sendiri dan yang seorang lagi tidak diketahui siapa dan bilakah dia dilahirkan.

- Agama Islam yang sedia ada akan dimansuhkan dengan kelahiran nabi daripada bangsa *'Ajam* yang menganut agama Shobiah. Dia membawa kitab suci selain daripada al-Quran. Oleh itu, dia mendakwa Nabi Muhammad untuk bangsa Arab dan nabi yang baru itu untuk bangsa *'Ajam*.

- ❖ Orang-orang yang dikenakan hukuman hudud terkeluar daripada Islam dan tiap-tiap dosa besar dan kecil adalah syirik.

Imam al-Baghdadi berterus terang menyatakan golongan ini adalah pelampau Khawarij yang jatuh menjadi kafir.

2. Al-Hafiziah

Mereka adalah pengikut Hafiz bin Abu al-Muqaddam yang membawa beberapa ajaran yang menyeleweng. Antaranya adalah:

- ❖ Antara syirik dan iman, ada bahagian yang dinamakan *makrifatullah*. Sesiapa yang mengenalnya dia beriman walaupun dia tidak percaya kepada rasul, kitab, hari kiamat, syurga dan neraka. Dia juga dianggap beriman walaupun melakukan dosa-dosa besar seperti seks luar nikah, homoseksual, mencuri, membunuh, minum arak dengan syarat dia bersih daripada syirik.

- ❖ Sesiapa yang tidak tahu mengenai Allah, maka dia menjadi syirik.

- ❖ Ali bin Abu Talib dituduh menyeleweng manakala Abdul Rahman bin Maljam yang membunuh Ali dianggap sebagai orang yang berjihad dan mati syahid.

- ❖ Beriman kepada kitab dan rasul berkait rapat dengan mengesakan Allah SWT. Sesiapa yang kafir kepada perkara-perkara itu maka dia menjadi syirik. Pegangan ini berpecah dengan pegangan yang pertama.

AL-HARISIAH

Mereka adalah pengikut Haris bin Yazid al-Ibadhi atau Haris bin Mazid al-Ibadhi. Dia juga mempunyai pegangan yang menyeleweng. Antaranya adalah:

- ❖ Percaya kepada qadar seperti Mu'tazilah, iaitu makhluk mempunyai kuasa sebelum membuat sesuatu.
- ❖ Pesalah yang dikenakan hukuman hudud diminta bertaubat seperti pesalah murtad. Apabila bertaubat, dia dibebaskan. Sekiranya tidak, dia dibunuh kerana murtad mengerjakan dosa besar itu.
- ❖ Imam yang layak selepas generasi mereka yang pertama iaitu Abdullah bin Wahab al-Rasibi adalah Abdullah bin Ibadh.

AL-AZRAQIAH

Mereka adalah pengikut Abu Rashid Rafak bin al-Azraq. Pengikut Khawarij menganggapnya sebagai mujtahid dan ahli pidato. Apabila keluar dari penjara Ubaidillah bin Ziyad, dia menyebarkan fahamannya dengan cergas sehingga mempunyai pengikut yang ramai. Selepas mendidik 30,000 tenteranya, dia berjaya menguasai Ahwaz, Karaman dan daerah-daerah yang lain. Selepas kejayaannya, dia mengambil kesempatan daripada pergolakan negara Islam dengan kematian Mu'awiyah II. Tidak lama kemudian, pertarungan yang lebih hebat berlaku semula antara kerajaan Umawiyah, pengikut-pengikut Syi'ah dan pengikut-

pengikut Abdullah bin Zubir. Daripada pergolakan itu, Marwan bin al-Hakam dilantik menjadi khalifah.

Golongan ini bersikap radikal dalam urusan akidah dan hukum syara'. Mereka juga terlalu keras kepada orang-orang yang tidak sependapat dengan mereka. Antara ajaran mereka:

- ❖ Semua orang yang tidak bersetuju denga mereka adlah kafir musyrik walaupun mengucap dua kalimah syahadah dan tidak mengerjakan perkara-perkara yang membatalkan syahadah.

- ❖ Mengkafirkan pengikut-pengikut mereka yang tidak berjihad.

- ❖ Mengerjakan dosa kecil dan besar menjadi kafir.

- ❖ Ali bin Abu Talib adalah kafir begitu juga beberapa orang sahabat yang lain seperti Uthman, Zubir, Thalhah, Abdullah bin Abas dan Aisyah. Mereka mendakwa Abdul Rahman bin Muljim yang membunuh Ali mati syahid.

- ❖ Berijtihad dalam perkara yang ada nas sehingga menghalalkan yang haram dan sebaliknya. Mereka juga menyeleweng dalam hukum syari'ah, antaranya:

    1. Memotong tangan pencuri dari bahu.
    2. Perempuan wajib sembahyang dan berpuasa ketika sedang haid.
    3. Menggugurkan hukuman had zina.
    4. Menggugurkan hukuman qazaf untuk lelaki dan menetapkan hukuman qazaf bagi perempuan sahaja.

AL-NAJADAT

Mereka adalah pengikut seorang pemimpin Khawarij yang bernama Najadat bin Amar al-Hanafi atau Najadat bin Uwair. Golongan ini dinamakan juga dengan nama al-A'zariyah. Mereka berpusat di daerah Yaman bagi menyebarkan pengaruh dan melancarkan serangan kepada penentangnya dan bergabung dengan beberapa orang pimpinan Khawarij keluar daripada fahaman Azariqah kerana tidak bersetuju dengan pendapat Nafiq bin al-Azraq yang terlalu keras. Antara pegangan golongan ini adalah:

- ❖ Agama itu mengandungi dua perkara sahaja, iaitu *makrifatullah* (menegenal Allah) dan *makrifah* (mengenal) Nabi Muhammad.
- ❖ Mengharuskan ijtihad dalam perkara hokum. Sesiapa yang ijtihadnya membawa kepada menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halaal maka dia diuzurkan.
- ❖ Memperbesar dosa berhubung lebih daripada berzina dan minum arak.
- ❖ Menghalalkan darah *kafir zimmi* iaitu orang kafir yang menjadi rakyat negara Islam.
- ❖ Tidak memerlukan pemimpin negara, tetapi yang wajib adalah berlaku adil sesame sendiri walaupun tidak mempunyai pemimpin.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan menghantar surat serta hujahnya kepada Najadad lalu mengajaknya bertaubat. Akhirnya,

Najadah bertaubat tetapi dia dibunuh oleh Abu Qadik kerana dituduh khianat.

Golongan ini berpecah kepada dua kumpulan, kumpulan al-Atawiyah iaitu pengikut Atiyah bin al-Aswad dan kumpulan al-Fadikiah pengikut Abu Fadik. Apabila Abu Fadik bertindak membunuh Najadad, Khalifah Abdul Malik bin Marwam menghantar bala tentera bagi memerangi mereka. Akhirnya, Abu Fadik berjaya dibunuh dan kepalanya dibawa kepada khalifah Abdul Malik.

AL-SAFARIAH

Mereka ialah pengikut Ziada bin al-Safar. Sebahagian ulama' menamakannya dengan Ziada bin al-Assar. Sebahagian ulama' berkata, perkataan al-Safariah berasal daripada al-Ashfar yang bermakna kuning kerana mereka kuat beribadah sehingga pucat kuning.

Kumpulan ini lahir pada zaman pemerintahan Yazid bin Mu'awiyah. Mereka agak tidak keras seperti kumpulan Azariqah. Mereka tidak sependapat dengan kumpulan-kumpulan Ibadhiah, Najadat dan Azariqah dalam beberapa perkara, antara ajarannya:

- Tidak mengkafirkan orang-orang yang tidak berjihad dengannya seperti yang dilakukan oleh kumpulan Azariqah.
- Tidak menggugurkan hukum rejam.

- Membuat hukum dosa besar yang tidak disebut hukuman had seperti sembahyang. Walaupun sesiapa yang meninggalkannya menjadi kafir.

- Menuruk al-Dhahak, golongan al-Safariah ini mengharuskan muslimat berkahwin dengan orang kafir di negeri *taqiah* (orang Islam ditindas dan diharuskan berhelah untuk menyalamatkan diri).

- Syirik itu dua, iaitu syirik taat kepada syaitan dan syirik menyembah berhala.

Fahaman ini akhirnya berkembang di utara Afrika di kalangan kabilah Barbar. Mereka menjadikan Qoirawan sebagai pusat gerakan. Kemudian, mereka mempengaruhi ketua-ketua kabilah. Pada tahun 297 Hijrah, mereka diserang oleh golongan Syi'ah dan pengaruh mereka pun hilang.

AL-AJARIDAH

Mereka adalah pengikut Abdul Karim bin Ajrad yang pada mulanya menjadi pengikut-pengikut Atiyah bin al-Aswad al-Hanafi. Kemudian dia menyebarkan pendapatnya dan mengumpulkan pengikut. Ada juga sarjana yang menyatakan Abdul Karim pernah menjadi pengikut Abu Baihas tetapi akhirnya bertelagah dengannya. Antara ajarannya ialah:

- Menafikan surah Yusuf daripada al-Quran. Menurut mereka, surah Yusuf hanyalah satu kisah sahaja. Oleh kerana dalamnya ada perkara-perkara fasik, ia tidak termasuk daripada al-Quran.

- Anak-anak orang musyrikin yang mati sebelum baligh masuk ke neraka bersama ibu bapa mereka.

- Mengerjakan dosa besar menjadi kafir.

- Berhijrah hanyalah suatu *fadhilat* (kelebihan amal) bukannya fardhu.

Golongan ini berpecah pula kepada fahaman-fahaman kecil di antaranya:

1. Al-Syuaibah

Mereka adalah pengikut Syuaib bin Muhammad al-Kharaji. Mereka berselisih pendapat dengan Ahli Sunnah mengenai perkara perbuatan hamba. Mereka berkata, hamba itu berusaha dengan kuasa dan kehendaknya sendiri. Mereka berpegang dalam urusan kepimpinan seperti golongan Khawarij yang lain.

2. Al-Shalatiah

Mereka pengikut Uthman bin Abi al-Shalat atau dikenali sebagai al-Shalat bin Abi Shalat. Antaranya ajaran golongan ini adalah tidak ada apa-apa sikap sama ada berwilayah atau berdakwah dengan kanak-kanak muslimin atau musyrikin sehingga baligh. Kemudian kanak-kanak ini didakwah supaya masuk Islam.

3. Al-Maimunah

Mereka adalah pengikut Maimun bin Khalid. Antara ajarannya golongan ini adalah diantaranya, qada’ dan qadar itu daripada hamba. Mereka juga mengharuskan lelaki berkahwin dengan cucu perempuan dan anak saudara perempuan.

4. Al-Hamaziah
Pengikut Hamzah bin Adrak, antara ajaran mereka adalah berpegang dengan ajaran Qadariah. Mereka berkata anak-anak orang musyrikin berada di dalam neraka dan membenarkan ramai imam dalam satu masa.

5. Al-Atrafah
Mereka pengikut Ghalib bin Syazil. Mereka berpegang dengan fahaman Qadariah di samping mempunyai persamaan dengan golongan Khawarij yang lain.

AL-THA'LABIAH

Mereka adalah pengikut pemimpin Khawarij yang bernama Tha'labah bin Amar yang pernah menjadi pengikut Abdul Karim bin Ajrad. Dia mendakwa dirinya sebagai imam selepas Abdul Karim. Namun, dia mempunyai pendapat yang berbeza dengan Abdul Karim antaranya dalam urusan kanak-kanak. Menurut beliau, kanak-kanak itu tidak boleh dihukum sehingga ternyata sama ada dia menerima ataupun menolak kezaliman. Dia juga mempunyai persamaan dengan fahaman-fahaman Khawarij yang lain.

Pengikut-pengikut Tha'labah berpecah pula kepada beberapa fahaman:

1. Al-Akhnasiah
Pengikut seorang yang bernama Akhnas. Antara ajaran mereka adalah tidak boleh mengambil keputusan mereka yang berada di negeri musuh dan bertaqiah. Diharamkan membunuh secara diam-diam.

2. Al-Syaibaniah

Mereka adalah pengikut Syaiban bin Salamah. Antara ajarannya adalah berpegang dengan ajaran Jabariah. Dia menyatakan Allah Ta'ala itu tidak tahu sehinggalah dia menjadikan ilmu baginya dan menyerupakan Allah dengan makhluk.

3. Ar-Rasyidiah

Pengikut Rasib at-Tusi. Dia bertelingkah dalam hukum fikah dengan golongan yang lain. Antaranya dalam menentukan kadar zakat. Mereka berkata tanaman yang disiram dengan mata air dan air sungai zakatnya setengah persepuluh (5%) tetapi golongan Khawarij yang lain berkata zakatnya adalah satu persepuluh (10%).

4. Al-Mukramiah

Pengikut Mukram bin Abdullah al-Ajali. Antara ajarannya adalah orang yang meninggalkan sembahyang dihukum kafir. Dia kafir bukan kerana meninggalkan sembahyang tetapi kerana tidak mengenal Tuhan. Setiap dosa bermakna jahil mengenai Allah Ta'ala dan jahil dalam perkara ini dihukum kafir. Setiap dosa besar yang dilakukan menyebabkan orang yang melakukan menjadi kafir. Di samping itu, mereka tidak sependapat dengan fahaman Tha'labah yang awal dalam bebrapa perkara yang lain.

Perlu diketahui dan difahami Tha'labah dan pecahannya seperti golongan Khawarij yang lain-lain juga dikira sesat dan menyeleweng daripada Islam yang sebenarnya.

AL-BAIHASAH

Mereka ialah pengikut seorang yang bernama Abu Baihas al-Hisom bin Jabir, setengah sarjana berkata al-Hisom bin Amar. Pada mulanya dia menjadi pengikut fahaman Khawarij Ibadhiah. Kemudian, dia tidak bersetuju dengan fahaman itu lalu mengasaskan fahaman sendiri. Dia mengambil jalan tengah antara fahaman Ibadhiah dan Azariqah. Antara ajarannya:

- Iman itu ialah mengetahui hak dan membezakan yang batal ialah mengetahui dengan hati bukannya dengan akal dan amal.

- Kanak-kanak orang mukmin hukumnya mukmin dan kanak-kanak-kanak orang kafir hukumnya kafir.

- Bersepakat dengan fahaman Qadariah dalam perkara qadar iaitu Allah menyerah kepada hamba dalam perbuatannya. Hamba tidak lagi mempunyai hubungan dengan kehendak Allah Ta'ala.

AL-HAZIMIAH

Mereka adalah pengikut seorang yang bernama Hazim bin Ali. Antara ajaran mereka adalah:

- Berpegang dalam perkara qadar, *istata'ah* dan *masyi'ah* seperti Ahli Sunnah. Allah yang menciptakan perbuatan hamba dan hamba tidak berkuasa. Segalanya berlaku dengan kehendak Allah SWT.

- Mereka berpegang teguh pada pendapat mengenai kedudukan Ali bin Abu Talib dengan tidak berterus terang menghukumnya. Sebaliknya, berterus terang menghukum sesat kepada yang lain.

AL-SYABIBIAH

Mereka adalah pengikut seorang yang bernama Syabib al-Najrani. Menurut sebahagian sarjana, Syabib bin Yazid al-Syaibani berasal daripada golongan al-Baihasiah kemudian mengadakan fahaman sendiri. Mereka mengharuskan perempuan menjadi imam (pemimpin) apabila mereka melantik ibu kepada Syabib yang bernama Ghazalah menjadi imam selepas Syabib dibunuh. Dia memasuki Kufah, lalu menjadi imam sembahyang subuh dengan membaca surah al-Baqarah pada raka'at yang pertama dan membaca surah Ali Imran pada raka'at kedua dan berkhutbah kepada orang ramai.

Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi yang terkenal dengan ganas itu menghantar tiga orang panglima dan bala tenteranya tetapi tenteranya dikalahkan satu demi satu. Akhirnya Hajjaj bertindak dengan bala tenteranya tetapi Ghazalah dan bala tenteranya memaksa Hajjaj lari bertempiaran sehingga seorang penyair mempersendakan Hajjaj dengan katanya:

"Dia adalah singa apabila bertindak terhadapku, rupanya di medan perang burung kasawari yang pengecut. Singa melarikan diri dari suara yang berbunyi, mengapa kamu tidak berani menentang perempuan Ghazalah itu di medan perang? Bahkab hatimu yang penakut itu berada di dua sayap burung."

Antara ajaran golongan ini adalah:

- ❖ Harus tidak melantik imam.
- ❖ Sah pemerintahan Abu Bakar dan Umar, adapun Uthman dan Ali sah pada peringkat awalnya sahaja.
- ❖ Bersepakat dengan Khawarij yang lain menghukumkan kafir kepada orang-orang yang mengerjakan dosa besar.
- ❖ Kanak-kanak orang kafir hukumnya kafir sehingga dia baligh dan beriman.
- ❖ Berpegang dengan ajaran Mu'tazilag dalam perkara qadar.

Demikianlah secara ringkas pengenalan golongan Khawarij dan pecahannya.

BAB 5: MU'TAZILAH

Mereka adalah golongan yang banyak mengamalkan hujah-hujah akal daripada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad. Fahaman itu berasal daripada pengaruh ilmu falsafah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab pada zaman kerajaan Abbasiyah. Ia berkembang dengan pesat pada abad kedua hijrah apabila berlakunya pengaruh ilmu asing kerana percampuran umat Islam dengan umat lain dan pesatnya gerakan penterjemahan pada zaman itu khususnya pada zaman pemerintahan al-Mansur dan al-Makmun.

Pada awalnya, golongan ini tidak mendapat terlibat dalam pergolakan politik. Namun, penglihatan mereka bermula apabila ada usaha di kalangan mereka yang mempengaruhi khalifah supaya berpegang pada fahaman mereka. Mereka berjaya menarik beberapa khalifah menjadi pengikut. Ketua-ketua negara itu juga bersedia membela dan menyebarkan fahamannya kepada rakyat. Antara khalifah al-Makmun dan al-Muktasim.

Terdapat perselisihan dalam kalangan sarjana Islam, kenapa mereka dinamakan Mu'tazilah. Menurut kajian al-Baghdadi, mereka dinamakan Mu'tazilah kerana keadaan mereka terpencil daripada pendapat umat Islam yang umum. Mereka berpendapat, apabila seseorang melakukan dosa besar maka hukumannya adalah antara iman dan kufur iaitu tidak beriman dan tidak pula kafir.

Menurut al-Syahrastani, mereka dinamakan Mu'tazilah ketika pemimpin mereka Wasil bin Atha' berselisih dengan gurunya iaitu Hasan al-Basri mengenai masalah orang yang

mengerjakan dosa besar. Wasil memisahkan diri daripada Hasan mengadakan majlis ilmu yang berasingan dalam masjid yang sama. Hasan al-Basri berkata, "*Wasil mengasingkan diri daripada kita*." Mereka dinamakan Mu'tazilah yang bermaksud orang yang mengasingkan diri.

Menurut Ibnu Khalakan dalam buku *Wafiat al-A'yan*, orang yang pertama menamakan mereka dengan Mu'tazilah adalah Qatadah bin Da'amah al-Sadusi. Beliau adalah seorang sarjana Islam generasi tabi'in yang buta dan merupakan murid kepada Hasan al-Basri.

Pada suatu hari, beliau tersalah duduk dalam majlis ilmu yang dianjurkan oleh mereka yang keluar daripada pengajian Hasan al-Basri. Apabila dia mendengar suara yang mengajar itu bukannya Hasan al-Basri tetapi Umar bin Abid iaitu salah seorang daripada kumpulan itu. Qatadah pun berkata, "*Sesungguhnya mereka adalah golongan Mu'tazilah yang memencilkan diri.*" Lalu panggilan ini menjadi kekal pada golongan tersebut.

Sebahagian sarjana menamakan mereka dengan Qadariah, tetapi mereka menamakan diri mereka dengan *Ahli al-Adli wat Tauhid* iaitu golongan yang menegakkan keadilan dan tauhid.

Akhirnya, mereka mempunyai beberapa pendapat dan pegangan yang berbeza dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Antaranya:

❖ Dalam perkara tauhid mereka menepikan sifat azali bagi Allah seperti berkuasa, hidup dan mendengar yang lain

daripada zatnya. Oleh itu mereka mendakwa Allah itu pendengar, penghidup dan pelihat.

❖ Allah itu bersifat adil. Antara keadilannya adalah dia menciptakan manusia. Kemudian, manusia itu mencipta perbuatan mereka, bukannya Allah yang mencipta perbuatan itu. Oleh itu, adil dikira berlaku apabila menghukum ke atas diri orang yang mengerjakan amal baik dan jahat.

❖ Umat Islam mesti mempunyai imam yang memimpin mereka bagi meluluskan hukum dan menegakkan hukuman hudud. Namun kepimpinan itu tidak wajib mengikut hukum syara'. Apabila manusia dapat tolong-menolong dan menegakkan keadilan sesama mereka tanpa kewujudan imam, imamitu tidak perlu dilantik. Di samping itu, verlaku perselisihan dalam kalangan pengikut Mu'tazilah mengenai syarat imam daripada golongan Quraisy.

❖ Masalah paling besar yang menjadi fitnah kepada umat Islam adalah apabila mereka mengatakan kitab suci al-Quran itu kalam Allah yang baru bukannya *qadim* (sediakala).

❖ Mereka mendakwa al-Quran itu kalam Allah Ta'ala yang baru kerana al-Quran itu makhluk. Allah menciptanya dan menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW. Pegangan ini disanggah dan ditentang hebat oleh sarjana Ahli Sunnah daripada pakar tauhid, pakar fikah dan pakar hadis.

Umat Islam pernah dilanda masalah besar apabila golongan Mu'tazilah berjaya mempengaruhi kerajaan Abbasiyah pada akhir pemerintahan al-Makmun pada tahun 218 Hijrah. Ajaran Mu'tazilah menjadi mazhab rasmi negara dan diikuti oleh dua khalifah selepasnya iaitu al-Muktasim dan al-Wasik. Kemudian berakhir pada zaman pemerintahan al-Mutawakil pada tahun 234 Hijrah.

Walaupun terdapat ini tidak menjatuhkan hukum kafir kerana dikira termasuk dalam perkara cabang antara kalam *maknawi* (makna) dengan kalam *lafzi* (lafaz), namun perkara ini tetap membahayakan akidah kerana memperkecilkan kedudukan al-Quran. Oleh sebab itu, sarjana Islam yang terkemuka menentang dengan tegas apabila kerajaan Abbasiyah pada waktu itu memaksa umat Islam supaya berpegang pada fahaman tersebut.

Umat Islam dan sarjana Islam menghadapi tekanan apabila kerajaan Abbasiyah menekan mereka dengan pelbagai cara supaya mereka menurut peringkat-peringkat dan langkah-langkah yang dirancang.

Peringkat Pertama

Menghalang sarjana Ahli Sunnah wal Jamaah memegang jawatan penting dalam kerajaan. Hanya sarjana yang sanggup menyatakan al-Quran itu makhluk diberi jawatan-jawatan dalam kerajaan Abbasiyah. Imam at-Tabari menceritakan dalam kitab *Tarikh* karangannya, "*Al-Makmun mengarahkan gabenor Baghdad, Ishak bin Ibrahim supaya mengambil langkah ini bagi menekan sarjana-sarjana Ahli Sunnah dengan menghalang mereka daripada memegang sebarang jawatan kerajaan*."

Peringkat Kedua
Menyekat imbuhan yang diberi kepada guru-guru al-Quran, guru-guru agama dan orang yang bertaraf *Ahli al-Fatwa* yang berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah serta tidak mengakui al-Quran itu makhluk. Al-Maqarizi menceritakan dalam bukunya *Al-Maqdhi*, seorang sarjana pada zaman itu bernama A'fan bin Muslim. Beliau pernah diberi imbuhan oleh kerajaan Abbasiyah lalu diancam oleh gabenor Baghdad, Ishak bin Ibrahim. Ishak berkata, *"Amirul Mukminin memberi amaran kepadamu, jika kamu tidak mengikut pegangannya, imbuhan yang diberi kepadamu akan dipotong*."

Kemudian A'fan bin Muslim menjawab, *"Allah berkata dalam al-Quran, surah az-Zariyat ayat 22*:

﴿وَفِي السَّمَاءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ﴾

"Dan di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan) dijanjikan kepada kamu."

Maka gabenor itu pun terdiam.

Peringkat Ketiga
Menangkap sarjana-sarjana yang menentang mazhab Mu'tazilah. Mereka dirantai, dibelenggu seterusnya dipukul dengan cemeti. Perkara ini juga didedahkan oleh Imam at-Tabari dalam kitab *Tarikh* karangannya. Menurut beliau, gabenor Baghdad juga diarahkan supaya melaksanakan perintah ini.

Peringkat Keempat
Menjatuhkan hukuman bunuh dengan memancung kepala sesiapa yang tidak mengikut mazhab Mu'tazilah. Perkara ini didedahkan oleh Imam at-Tabari dalam kitab *Tarikh* karangannya, "*Dan gabenor Baghdad melaksanakan hukuman yang zalim itu dengan patuh.*"

Dalam peringkat ujian ini, sarjana besar ditahan dan dipaksa berpegang pada ajaran Mu'tazilah atau dibunuh. Antara yang menjadi korban hukuman bunuh dan gugur syahid adalah Imam Muhammad bin Nuh dan yang menjadi mangsa tahanan dan dihukum sebat adalah Imam Ahmad bin Hanbal, murid besar Imam as-Syafie dan pemimpin mazhab Hanbali. Namun, Imam Ahmad dengan tegas menyatakan kepada orang ramai yang sedang menunggu keputusan dan pegangan beliau dalam perkara ini,

"Apabila orang alim mendiamkan diri kerana taqiah (menyelamatkan diri), orang jahil terus dalam kejahilannya maka sampai bilakah ternyata yang hak (yang benar)."

Imam Ahmad mengambil sikap ini walaupun ada kelonggaran yang membolehkan beliau supaya berdalih bagi menyelamatkan diri. Namun Imam Ahmad memilih yang berat iaitu sikap yang lebih utama dan pernah dilakukan oleh para nabi.

PECAHAN MU'TAZILAH

Mu'tazilah berpecah kepada beberapa fahaman. Sebahagian sarjana berkata 22 fahaman dan setengah sarjana pula berkata 23 fahaman. Antara yang terkenal adalah:

AL-WASILIAH

Mereka adalah pengikut Abu Hazifah Wasil bin Atha' al-Ghazal atau al-Ghazal. Dia pernah menjadi murid kepada Hasan al-Basri. Namun, dia keluar daripada menjadi pengikut Hasan dan mengikuti mazhab Mu'tazilah selepas dia membaca buku falsafah dan terpengaruh dengannya. Antara pendapatnya adalah:

- ❖ Orang yang mengerjakan dosa besar hukumnya tidak Islam dan kafir tetapi kekal di dalam neraka.
- ❖ Menafikan sifat ilmu, kuasa, kehendak dan hidup bagi Allah. Menurut mereka, itu bukannya sifat tetapi zat dengan mengatakan Allah itu *Alim* (yang mengetahui), *Qadir* (yang berkuasa), *Murid* (yang berkehendak) dan *Haiy* (yang hidup).
- ❖ Perbuatan baik dan jahat itu daripada hamba bukannya Allah SWT.
- ❖ Mereka yang terlibat di dalam Perang Jamal dan Siffin, salah satu daripada kedua belah pihak itu dihukum fasik. Oleh itu, mereka tidak menerima Ali, Thalhah dan Zubair bagi menjadi saksi.

AL-HUZAILAH

Mereka adalah pengikut Abu al-Huzail Hamdani bin Abu al-Huzail al-Alaf. Selain dia berpegang pada fahaman Mu'tazilah, dia mempunyai pandangan-pandangan mazhabnya yang terdahulu dalam beberapa keadaan. Antaranya, mereka berfahaman

Qadariah dalam amal perbuatan dunia dan Jabariah dalam amal perbuatan di alam akhirat.

AL-NIZOMIAH

Mereka adalah pengikut Abu Ishak Ibrahim bin Syiar yang dikenali sebagi al-Nizom. Dia menjadi murid kepada al-Alaf dan menjadi guru kepada al-Jahiz.

- Dia mempunyai pendapat yang terlanjur dalam perkara qadar.
- Dia berpendapat Allah Ta'ala tidak bersifat kuasa dalam perkara baik dan jahat.
- Dia juga bersepakat dengan ahli falsafah mengenai hakikat manusia. Iaitu terdiri daripada nyawa, ruh dan badan.
- Mereka menolak *Ijma'* (sepakat sarjana) sebagai salah satu daripada sumber hukum Islam.
- Dalam perkara pemerintahan, sumber dan penentuan mesti daripada imam yang terdahulu. Mereka berkata, "*Nabi Muhammad memberi secara nas, Ali yang menjadi khalifah selepasnya, tetapi Umar menyembunyikannya.*"
- Menuduh Umar syak dalam perkara Perjanjian Hudaibiyah dan beberapa penyelewengan yang lain.

AL-BISYARI'AH

Mereka ialah pengikut Abu Sahal Bisyr bin al-Muktamir al-Hilal. Sebahagian sarjana menyatkan dia berasal daripada Yahudi. Dia membawa fahaman al-Quran itu makhluk pada zaman Khalifah Harun ar-Rasyid dan baginda memenjarakannya selepas diberitahu mengenai penyelewengannya. Antara pendapatnya adalah:

- ❖ Allah itu berkuasa menyiksa kanak-kanak. Apabila dia menyiksanya maka dikira Allah SWT itu zalim.
- ❖ Seseorang yang bertaubat apabila dia kembali mengerjakannya pada kali yang berikutnya, disiksa semula atas dosa yang dia bertaubat itu. Pendapat ini berlawanan dengan hadis sahih.
- ❖ Kehendak Allah Ta'ala itu salah satu daripada perbuatannya.

AL-MUAMMARIAH

Mereka adalah pengikut Muammar bin Abbad al-Sulami yang dianggap oleh golongan Mu'tazilah sebagai salah seorang ulamak yang besar dan berpegang pada fahaman menafikan sifat-sifat dan menafikan qadar baik dan jahat. Antara penyelewengan yang terdedah adalah:

- ❖ Allah SWT tidak mencipta sifat-sifat makhluk seperti warna, rasa, bau, hiudp, mati, mendengar, melihat dan sifat-sifat yang lain yang berlaku pada makhluk.

- Sifat-sifat yang ada pada jisim itu tidak terhingga.
- Manusia adalah suatu yang lain daripada fizikal yang dapat dirasa, hidup, tahu, berkuasa dan mempunyai ikhtiar untuk tidak bergerak, tidak diam, tidak berwarna, tidak melihat dan mempunyai perasaan. Apabila ditanya kepadanya, "*Di manakah manusia itu?*" Jawabnya, "*Dia berada pada jasad yang ditadbirkan. Dalam syurga dia diajar dan dalam neraka dia diazab.*"
- Tidak boleh mengatakan Allah itu qadim sedangkan dia disifatkan dengan maujud lagi azali.
- Enggan menyatakan Allah Ta'ala itu mengetahui dirinya.
- Mendakwa al-Quran itu termasuk dalam perkara *arad* (sifat yang berdiri pada yang lain). *Arad* itu terbahagi kepada dua. Antaranya, apa yang dibuat oleh yang hidup dengan apa yang dibuat oleh orang mati. Mesti pada hakikatnya Allah itu menciptanya dan al-Quran itu adalah perbuatan di tempat dia mendengarnya.

AL-MIRDARIAH

Pengikut Abu Musa Isa bin Shabiih atau digelar al-Mirda. Dia dianggap sebagai seorang yang penting dalam mazhab Mu'tazilah. Dia berjaya menyebarkan ajarannya di Baghdad kerana sifat warak, zuhud, kuat beribadat, pintar berhujah dan fasih berpidato. Dia digelar sebagai rahib Mu'tazilah.

Antara ajarannya adalah:

- Dia pernah berkata, “*Sesungguhnya Allah itu menentukan bohong dan zalim. Apabila dia berbohong dan zalim, Tuhan itu yang bersifat bohong dan zalim*.”
- Dia terlalu melampau menyatakan al-Quran itu makhluk. Dia berani berkata, “*Manusia juga boleh melafazkan kata-kata yang fasih seperti al-Quran*.” Dia menambah lagi sesiapa yang berkata al-Quran itu qadim hukumnya kafir.
- Dia mengisytiharkan dia berkecuali daripada Mu'awiyah, Amru bin al-Ash dan orang yang menyokong kedua-duanya. Manakala Uthman, dia tidak menentukan sikap kerana amalannya bercampur baik dan jahat, tetapi dia mengecam keras orang-orang yang membunuh Uthman.
- Dia menjadi orang yang pertama menimbulkan fitnah al-Quran itu makhluk di kalangan penduduk Baghdad.

AL-THUMAMIAH

Pengikut Abu Man Thumamah bin al-Asras al-Numairi. Seorang yang sangat mengejar kemewahan dunia dan selalu berulang-alik ke istana sehingga berjaya mendekati Khalifah Harun ar-Rasyid dan menemaninya ke Makkah. Khalifah Harun ar-Rasyid bertindak ke atasnya apabila penyelewengannya terdedah. Namun, dia berjaya mempengaruhi al-Makmun yang bertukar menjadi pengikut Mu’tazilah. Kemudian, Thumamah dilantik menjadi seorang yang penting dalam kerajaannya sehingga lebih tinggi daripada kedudukan jemaah menteri.

Antara kepercayaannya adalah:

- ❖ Orang kafir musyrikin, Majusi, Yahudi dan Nasrani pada hari kiamat nanti menjadi tanah begitu juga binatang-binatang dan kanak-kanak orang Islam.
- ❖ Makrifah itu lahir daripada berfikir.

AL-HISYAMIAH

Pengikut Hisyam bin Amru al-Futi. Dia sangat radikal dalam perkara qadar sehingga dia menafikan dan menyandarkan perbuatan itu kepada Allah. Walaupun dinyatakan sumber al-Quran, Khalifah al-Makmun tetap menghormatinya. Dia hampir-hampir mahu berdiri apabila Hasyim datang mengunjunginya. Antara perkara-perkara bid'ah yang dibawanya adalah:

- ❖ Dia menafikan Allah itu menjinak-jinakkan hati di kalangan orang-orang yang beriman. Bahkan mereka sendiri yang menjinakkan hati mereka. Pendapat ini sangat bertentangan dengan kenyataan Allah di dalam surah al-Anfal ayat 63:

﴿وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ
قُلُوبِهِمْ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

"Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati)

mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

❖ Dia menyatakan Allah tidak menjadikan perasaan kasih kepada iman dalam hati orang yang beriman bahkan orang-orang yang beriman itu sendiri yang memilih iman, pendapat ini bercanggah dengan kenyataan Allah di dalam surah al-Hujurat ayat:

﴿وَلَٰكِنَّ اللَّهَ حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ﴾

"Akan tetapi Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta di perhiaskannya dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara yang kamu benci; mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang tetap menurut jalan yang lurus."

❖ Menafikan Allah memeterikan hati-hati. Pendapat ini bercanggah dengan kenyataan Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 7:

﴿خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ ۖ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾

"(Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar."

- Dalam perkara *imamah* (kepimpinan negara) mereka berkata, tidak sah akad kepimpinan pada masa berlaku fitnah atau kekacauan. Menurut Abu Bakar al-Asom, salah seorang pengikut mazhab ini, "*Kepimpinan itu tidak terakad melainkan dengan adanya ijma' orang-orang Islam.*" Oleh itu, dia tidak menerima Ali sebagai khalifah umat Islam, tetapi menerima Mu'awiyah.

- Mazhab ini berpendapat syurga dan neraka belum lagi diadakan sekarang ini kerana tiada faedahnya dijadikan sekarang.

- Dia mengharuskan pengikut-pengikut melakukan pembunuhan, merampas harta benda atau mencuri terhadap sesiapa yang menentang mazhabnya.

- Dia mengharamkan berkata, "*Hasbuna Allahu Ni'mal Wakil*" (Cukuplah Allah sebagai pelindung, penolong, dan tempat berserah diri bagi kami).

AL-JAHIZIAH

Mereka adalah pengikut Abu Uthman Amru bin Bahar bin Mahbub al-Jahiz. Seorang yang terkenal di kalangan Mu'tazilah dari segi ilmu, kepetahan bercakap dan kuat berpegang dengan ajaran Mu'tazilah sehingga dia dianggap sebagai jurucakap Mu'tazilah pada zamannya. Dia berusaha selama 80 tahun dan belajar dengan beberapa ulama' Ahli Sunnah antaranya al-Qadi Abu Yusuf, tetapi dia mengikut fahaman Mu'tazilah.

Antara ajarannya adalah:

- Dia sependapat dengan ahli-ahli falsafah dari segi menetapkan sifat Tuhan dan menyandarkan kepada hamba.
- Ahli neraka itu tidak kekal dengan azab dalam neraka bahkan akhirnya mereka mempunyai tabiat api dan bergabung antara satu sama lain.
- Sependapat dengan golongan ahli falsafah yang menepikan sifat dan terus mempertahankan pegangan qadar baik dan jahat itu daripada hamba bukannya daripada Allah.
- Mempertahankan pegangan al-Quran itu makhluk.
- Memuji pemerintahan Abu Bakar, Umar dan enam tahun pertama pemerintahan Uthman.

Al-Jahiz mengarang beberapa buah kitab, antaranya masih ada sehingga sekarang iaitu *al-Bayan wal Tabyin, al-Hayawan, al-Tufailiyin, al-Bukhala'*. Dia meninggal dunia pada tahun 250 Hijrah.

AL-KHIYATIAH

Mereka adalah pengikut Abu al-Husin Abdul Rahim bin Muhammad bin Usman bin Abu Amru al-Khaiyat. Dia termasuk di kalangan Mu'tazilah Baghdad. Golongan ini juga dikenali dengan nama al-Ma'dumiah kerana mereka menidakkan secara melampau akan sifat-sifat yang *maujudat* (baru). Dia termasuk

dalam kalangan sarjana besr Mu'tazilah yang mengarang kitab, pakar dalam ilmu hadis dan fikah selain menghafal beberapa perkara dalam ajaran Ahli Sunnah.

Antara ajarannya adalah:

- Sifat kehendak bagi Allah itu bukan berdiri pada zatnya dan bukan dia yang berkehendak bagi zatnya. Apabila disebut dia yang berkuasa, tidak dipaksa dalam perbuatannya dan tidak memaksa. Apabila dikatakan dia yang berkehendak bagi segala perbuatannya maksudnya dia menjadikannya mengikut ilmunya.

- Makna mendengar itu ialah yang mengetahui segala yang didengar dan makna melihat itu ialah yang mengetahui segala yang dilihat.

- Menafikan melihat Allah iaitu hamba boleh melihat Allah pada hari kiamat nanti.

AL-KA'ABIAH

Mereka ialah pengikut Abu al-Qasim Abdullah bin Ahmad bin Mahmud al-Balqi yang dikenali dengan al-Ka'abi. Dia termasuk dalam kalangan ulamak terkenal di kalangan Mu'tazilah. Dia bertelingkah dengan Mu'tazilah Basrah dalam perkara-perkara yang banyak, antaranya adalah:

- Allah itu tidak melihat dirinya dan yang lain, tetapi makna melihat itu ialah mengetahui.

- Allah itu tidak mendengar dan melihat dengan cara mendengar dan melihat tetapi dengan cara mengetahui segala yang didengar dan dilihat.

- Tidak ada *iradah* yang hakiki bagi Allah tetapi *iradah* yang dimaksudkan ialah membuat dan menyuruh.

- Mendakwa orang yang mati dibunuh tidak boleh dinamakan mayat.

- Makna mampu bukannya lain daripada sihat dan selamat.

AL-JUBBA'IAH (AL-BAIHASIAH)

Mereka ialah pengikut Abu Ali Muhammad bin Abdul Wahab bin Salam al-Jubbai dan pengikut anaknya Abu Hasyim Abdul al-Salam bin Muhammad bin Abdul Wahab. Disebut dengan al-Jubba'iyah kerana disandarkan kepada Abu Ali al-Jubbai dan disebut dengan al-Baihasiah campuran kepada kedua-dua pemimpin tersebut.

Abu Ali al-Jubbai dianggap imam kedua di kalangan Mu'tazilah selepas Abu Huzail al-Alaf. Dia terkenal dengan alim dan handal berdebat. Pernah menjadi guru kepada imam Abu Hasan al-Asya'ari semasa beliau di peringkat awal pengajiannya. Akhirnya, Abu Hasan al-Asya'ari meninggalkan al-Jubbai dan menjadi salah seorang imam mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah.

Abu Hasyim termasuk juga dalam kalangan pemimpin golongan Mu'tazilah yang terkenal dengan kepintarannya dalam usia yang masih muda. Mazhab ini dikenali juga dengan nama al-Zamiah.

Kedua golongan ini mempunyai banyak persamaan walaupun ada beberapa perkara yang berbeza. Oleh kerana perbincangannya disatukan, kedua kumpulan inj bergerak di Basrah. Antara ajaran mereka adalah:

- ❖ Menurut akal dan kebijaksanaan, wajib memberi pahala kepada yang taat dan menyiksa orang yang derhaka.
- ❖ Allah Ta'ala tidak menyimpan sedikitpun apa yang dia tahu daripada hambanya.
- ❖ Makrifah, syukur nikmat dan mengetahui baik dan buruk hukumnya wajib menurut hukum akal.
- ❖ Sependapat dengan Ahli Sunnah iaitu khalifah perlu dipilih.
- ❖ Menafikan karamah pada wali-wali Allah SWT.

Antara pendapat al-Baihasah yang berbeza dengan al-Jubbai'ah adalah:

- ❖ Meninggalkan berzina, meminum arak dan menuduh orang hukumnya tidak wajib.
- ❖ Tidak sah bertaubat pada salah satu dosa sekiranya meneruskan dosa-dosa yang lain.
- ❖ Tidak sah bertaubat kerana sudah tidak mampu lagi untuk mengerjakan dosa.
- ❖ Allah tidak berkuasa membinasakan zarah yang halus samping masih kekal lagi langit dan bumi.
- ❖ Tidak wajib bersuci.

AL-HAITIAH

Mereka adalah pengikut Ahmad bin Hait al-Kudri, seorang yang banyak membaca buku-buku falsafah dan terpengaruh dengannya. Antara ajarannya adalah:

- Menyerupai ajaran Nasrani mengenai Nabi Isa. Bagi alam ini ada dua Tuhan. Tuhan yang qadim iaitu Allah dan Tuhan yang bersifat baru itu iaitu Nabi Isa.
- Nabi Isa itu anak Tuhan bukan dengan makna anak yang diperanakkan tetapi dengan makna anak yang diciptakan.
- Setiap jenis haiwan itu adalah satu umat dan tiap-tiap umat itu ada rasul masing-masing.
- Mendakwa alam itu ada lima negeri untuk pembalasan pahala. Pertama; di dalamnya ada makan, minum, kebun dan sungai yang mengalir. Kedua; negeri yang hanya nikmat ruhani bukannya jasmani, di dalamnya tidak ada makan minum. Ketiga; negeri balasan kepada dosa iaitu neraka. Keempat; negeri permulaan yang bermulanya dicipta sebelum daripada turun ke dunia. Kelima; negeri ujian iaitu alam dunia yang dibebankan dengan *taklif* (tanggungjawab).
- Mentakwilkan ayat al-Quran yang menyatakan tetapnya *rukyah* Allah (melihat Allah) pada hari kiamat dengan makna melihat dengan akal.

PENUTUP FAHAMAN MU'TAZILAH

Demikian secara ringkas pengenalan mazhab Mu'tazilah dan pecahan-pecahannya sebagai renungan supaya kita tidak terlibat dengan kesesatan mereka. Sebenarnya terlalu banyak perbezaan antara mereka dengan Ahli Sunnah wal Jamaah. Paling merbahaya adalah perkara melibatkan akidah yang membincangkan sifat-sifat ketuhanan Allah. Dalam perkara hubungan hamba dengan Tuhannya dan perkara politik Islam. Apabila mereka banyak menggunakan akal serta melupakan nas-nas dalam al-Quran dan sunnah, pegangan mereka semakin hanyut dan terpengaruh dengan unsur-unsur yang bukan Islam.

Golongan Mu'tazilah dapat dikalahkan oleh para sarjana yang mempertahankan akidah sebenar sehingga Mu'tazilah tidak lagi mempunyai pengikut yang terbuka. Ianya tersimpan dalam lembaran sejarah untuk bacaan dan sebagai pengajaran kepada umat Islam pada masa kini.

BAB 6: JABARIAH

Jabariah daripada perkataan *jabar* (terpaksa). Maksudnya ialah terpaksa melakukan perbuatan yang terhasil daripada perbuatannya. Sedangkan perbuatan itu datang daripada Allah. Hamba itu tidak berkuasa, tidak berkehendak dan tidak ada ikhtiar baginya. Yang sebenarnya melakukan perbuatan hamba itu ialah Allah Ta'ala.

Jabariah ialah nama golongan yang berfahaman begitu. Mereka melampau dengan menafikan adanya kemampuan bagi seseorang hamba dan menafikan ikhtiar. Mereka berkata manusia itu sama seperti *jamadat* (benda yang kaku) seperti batu, kayu dan seumpamanya. Pada zahirnya sahaja kelihatan berbeza, tetapi pada hakikatnya sama sahaja.

Kesimpulannya, perbuatan manusia itu dicipta oleh Allah Ta'ala seperti juga jasad mereka. Sekiranya setengah daripada sifat manusia itu dicipta oleh Allah dan sebahagian daripadanya diciptakan oleh manusia sendiri, maka berlakulah syirik dalam perkara *af'al* (perbuatan). Perkara ini bercanggah dengan kehendak Allah SWT dan ikhtiarnya.

Benih fahaman ini berasal daripada pegangan orang Yahudi. Kemudian, mereka mengajarkannya kepada orang-orang Islam. Orang yang pertama menyebarkan ajaran ini kepada orang orang Islam adalah Jaad bin Darham. Dia menerima ilmu yang sesat dan menyesatkan ini daripada orang-orang Yahudi. Jaad berjaya mendapat seorang murid yang menyebarkan fahamannya yang bernama Jaham bin Safuan. Seterusnya golongan Jabariah

memasukkan beberapa penyelewengan yang lain ke dalam ajaran mereka.

Para sarjana Salaf dan Khalaf menolak fahaman ini dengan sekeras-kerasnya. Antara mereka adalah sahabat Nabi Muhammad SAW iaitu Abdullah bin Abbas. Beliau menegaskan kepada pengikut Jabariah:

"Adakah kamu menyeru orang supaya bertakwa kepada Allah, sedangkan kamu menyesatkan orang-orang yang bertakwa. Adakah kamu melarang orang daripada kerosakan, sedangkan kerana rosak kamu lahirnya beberapa kerosakan. Wahai keturunan munafiq, penolong orang-orang yang zalim dan penguasa masjid masjid kepunyaan orang-orang fasik. Sebenarnya daripada kamu lahir pembohong kepada Allah dengan meletakkan dosa yang dilakukan hamba kepada Allah secara berterang-terangan."

Hasan al-Basri berkata kepada golongan Jabariah yang berada di Basrah:

"Sesiapa yang tidak beriman kepada Allah, qadak dan qadarnya maka sesungguhnya dia menjadi kafir. Sesiapa yang meletakkan dosanya kepada Allah dia juga menjadi kafir."

Apabila golongan Jabariah bertapak di Nahawinah dan berleluasa di sana, Imam Abu Mansur al-Maturidi yang lahir pada abad yang keempat Hijrah berjaya mematahkan hujah Jabariah. Mazhab ini akhirnya berpecah kepada tiga kumpulan.

AL-JAHMIAH

Pengikut Jaham bin Safuan. Dia melahirkan kesesatannya di Tarmiz. Dia bukan sahaja menaburkan ajaran Jabariah yang meletakkan dosa kepada Allah tetapi juga menambah dengan beberapa kesesatan yang lain, antaranya adalah:

- ❖ Menyatakan syurga dan neraka itu binasa kerana tiada sesuatu pun yang kekal abadi.
- ❖ Gerak-geri ahli syurga dan neraka itu akan berhenti kerana tiada tiap-tiap yang bergerak itu akan berhenti.
- ❖ Iman itu ialah makrifah. Kufur itu ialah jahil mengenai Allah dan hakikat-hakikat Islam. Sekiranya demikian, orang Yahudi yang mengetahui sifat-sifat Nabi Muhammad boleh dianggap beriman.
- ❖ Kalam Allah Ta'ala itu baru bukannya qadim (sependapat dengan Mu'tazilah).
- ❖ Tidak harus berserah segala sifat kepada Allah, harus berserah segala sifatnya kepada hamba.
- ❖ Menafikan melihat Allah pada hari kiamat. Menafikan Allah itu berkeadaan yang hidup dan yang mengetahui. Sebaliknya. Allah itu berkuasa mengadakan.

AL-TABARIAH

Pengikut al-Husin bin Muhammad al-Najam. Antara ajarannya adalah:

- Bersama dengan golongan Mu'tazilah yang menafikan sifat ilmu, berkuasa, berkehendak, hidup, mendengar dan melihat.
- Menafikan melihat Allah pada hari kiamat.
- Kalam Allah itu apabila dibaca menjadi hak dan apabila ditulis menjadi jisim.
- Iman itu ialah membenarkan. Siapa yang mengerjakan dosa besar akan mati dalam keadaan tidak bertaubat. Dia dibalas kerana dosa itu dan wajib dikeluarkan daripada neraka.

AL-DIRARIAH

Pengikut Dirar bin Amru, antara ajarannya ialah:

- Yang diterima selepas wafatnya Nabi Muhammad SAW adalah ijma' sahaja. Segala yang diambil daripada Nabi Muhammad secara *ahad* (tunggal) tidak diterima.
- Adanya pancaindera tambahan daripada yang ada bagi melihat Allah pada hari kiamat.

BAB 7: QADARIAH

Mereka adalah golongan yang menyatakan perbuatan itu daripada hamba bukannya daripada Allah. Fahaman ini muncul apabila mereka menyeleweng hadis Nabi Muhammad yang berpesan supaya jangan terlalu banyak membicarakan mengenai qada' dan qadar sehingga dipengaruhi oleh syaitan. Apa yang dipesan oleh Nabi Muhammad itu benar.

Selepas Nabi Muhammad SAW meninggal dunia, sebahagian kecil umat Islam membincangkan perkara itu lalu mereka dipengaruhi oleh anasir-anasir bukan Islam. Faktor lain yang mempengaruhi pemikiran umat Islam adalah hasil percampuran umat Islam dengan umat lain dan galakan menterjemahkan buku-buku asing tanpa batasan.

Menurut para sarjana sejarah Islam, antara orang pertama yang menimbulkan fahaman Qadariah adalah:

1. Ma'abad al- Juhani

Al-Zahabi menyebut di dalam bukunya *Mizan al-Iktidal*, pada peringkat awal, Ma'abad adalah sarjana tabiin yang dipercayai. Namun, dia membawa ajaran yang terpesong kerana menjadi orang yang pertama menyeleweng mengenai qadar.

2. Ghilan al-Dimasyqi

Dia mengikut fahaman ini dan meneruskan penyebarannya selepas Ma'abad iaitu pada zaman Umar bin Abdul Aziz. Mendengar fahaman Ghilan, kalifah Umar memanggilnya supaya berdebat dengan Imam al-Auza'i. Akhirnya dia menyerah kalah dan berkata kepada khalifah:

“Wahai Amirul Mukminin, saya datang dalam keadaan sesat lalu kamu menunjukkan kepada saya jalan yang benar. Saya datang dalam keadaan jahil lalu kamu mengajar saya, demi Allah saya tidak mahu bercakap lagi perkara itu.”

Namun, selepas khalifah Umar meninggal dunia, dia kembali semula menyebarkan ajarannya. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memanggilnya supaya berdebat dengan Imam al-Auza’i. Kali yang kedua dia menyerah kalah. Walau bagaimanapun, dia berdegil menyebarkan ajarannya. Dengan berani dia berkata, “*Qadar baik dan jahat itu daripada hamba*.” Akhirnya, khalifah Hisyam memerintah supaya dia ditangkap dan dijatuhkan hukuman bunuh.

Fahaman ini tidak mati dengan matinya Ghilan. Ia masih terus disebarkan di tengah-tengah masyara’at Islam dan berkembang bebas. Ibnu Nabatat menyebut dalam bukunya Syarah al-Ubun, “*Orang yang pertama bercakap dengan fahaman Qadariah adalah orang Nasrani yang memeluk agama Islam dari negeri Iraq. Kemudian dia murtad (keluar Islam) dan kembali pada agama Nasrani.*”

QADARIAH AL-KHABITIAH

Mereka adalah pengikut Ahmad bin Khabit. Pada mulanya dia adalah pengikut fahaman Mu’tazilah sebelum beralih kepada fahaman Qadariah. Fahamannya melampau sehingga membawa fahaman *tanasukh* (berpindah ruh) dan bertuhankan Nabi Isa. Antara ajarannya adalah:

- Menyatakan alam ini ada dua pencipta. Pertama adalah qadim, iaitu Allah dan yang kedua adalah makhluk, iaitu Nabi Isa. Alasannya Nabi Isa digelar *Kalimatullah*. Pendapat ini juga diikut oleh Fadhlu al-Hadisi.

- Mereka juga sependapat dengan Fadlu al-Hadisi yang menyatakan maksud Nabi Isa adalah anak Allah bukan bermaksud beliau diperanakkan. Nabi Isa juga akan menghitung manusia pada hari kiamat nanti, dia datang dengan diiringi oleh para malaikat.

- Setiap jenis haiwan itu adalah satu umat dan setiap umat itu ada rasul masing-masing dari kalangan jenisnya.

- Menganut fahaman tanasukh iaitu berpindahnya ruh kepada jasad yang lain. Ia adalah ajaran yang berasal daripada agama Hindu, Greek dan kemudian mempengaruhi agama Kristian.

Apabila mereka menganut dan berpegang dengan fahaman yang disebut di atas maka para sarjana Islam menghukumkan mereka keluar daripada agama Islam.

QADARIAH AL-HAMARIAH

Golongan ini pada mulanya menjadi pengikut Jaafar as-Sadiq semasa al-Hasan yang menjadi salah seorang imam mazhab Imamiah masih hidup. Tidak lama kemudian mereka meninggalkan al-Hasan dengan menyatakan, "*Kami menguji Hasan dan kami dapati dia tidak mempunyai ilmu. Kami mengikut*

Hasan tanpa pengetahuan dan makrifah. Oleh itu maka kelayakannya menjadi imam terbatal."

Seterusnya mereka menganut fahaman Qadariah dengan menafikan qadak dengan qadar daripada Allah. Selain itu, mereka juga menganut beberapa fahaman yang lain. Antaranya adalah:

- Mereka mengambil fahaman Abad bin Sulaiman al-Damari yang berkata, "*Golongan yang Allah laknat menjadi kera dan babi terus kufur selepas berlakunya kejadian itu*."

- Mengambil fahaman al-Ja'd bin Darham yang menyatakan berfikir itu mewajibkan makrifat. Mereka beralasan makrifat itu adalah perbuatan yang tiada pembuatnya.

- Menyatakan manusia itu boleh menciptakan haiwan. Caranya adalah mengambil daging kemudian membiarkannya di tengah cahaya matahari atau ditanam kedalam tanah. Apabila daging itu menjadi ulat, mereka mendakwa mereka yang menciptanya.

BAB 8: MURJI’AH

Golongan ini diberi kepada mereka merujuk makna perkataan *irja’* dari segi bahasa. *Irja’* mempunyai dua makna.

Pertama, bermaksud ta’khir iaitu menangguhnya. Kedua, memberi maksud memberi harapan. Mereka diberi nama Murji’ah kerana merujuk makna yang pertama iaitu ta’khir. Ini kerana mereka menangguhkan amalan daripada niat dan qasad (maksud atau tujuan).

Apabila merujuk makna yang kedua, mereka berkata maksiat tidak memberi mudarat kepada iman sebagaimana taat tidak membawa mudarat kepada kufur. Kadang-kadang mereka memberi harapan pahala kepada pelaku maksiat.

Sebahagian sarjana Islam juga menghuraikan makna Murji’ah dengan maksud menangguhkan hukuman pelaku maksiat sehingga hari kiamat bukannya dihukum di dunia ini. Segala hukuman yang diwajibkan oleh Allah seperti qisas dan hudud tidak perlu dilaksanakan.

Golongan ini lahir kerana kesan daripada kemunculan mazhab Khawarij yang mengkafirkan orang beriman yang mengerjakan maksiat. Mazhab Mu’tazilah menghukum pelaku maksiat tidak beriman dan tidak kafir sebaliknya mereka kekal dalam neraka. Mereka tidak menggunakan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad dalam berhujah tetapi menggunakan akal fikiran sehingga bercanggah dengan al-Quran dan sunnah.

Golongan Murji’ah terbahagi kepada empat kumpulan:

MURJI'AH JABARIAH

Mereka yang menangguhkan hukum mengenai iman dan mengikut Jaham bin Safuan dalam perkara amal.

MURJI'AH QADARIAH

Mereka yang menangguhkan hukum mengenai iman dan mengikut Qadariah dan Mu'tazilah dalam perkara qada' dan qadar.

MURJI'AH KHAWARIJ

Mereka yang keluar daripada Jabariah dan Qadariah serta mengakui Khawarij.

MURJI'AH KHALISAH

Mereka yang tidak mengikut tiga golongan yang tersebut di atas.

Kemudian mereka berpecah pula kepada beberapa kumpulan mengikut pemimpin-pemimpin.

1. Al- Yunusiah

Pengikut Yunus bin Aun al-Samari. Antara ajarannya:

❖ Iman ditentukan melalui hati dan lidah. Ia meliputi makrifat Allah, kasih dan tunduk kepadanya di samping membenarkan dengan lidah. Sesiapa yang mempunyai perkara ini dia beriman.

❖ Taat bukan sebahagian daripada iman. Orang yang beriman itu dikira memasuki syurga dengan ikhlas dan yakinnya bukan dengan ilmu dan taat.

2. Al- Ghasaniah

Pengikut Ghasan al-Khufi yang menyatakan:

- ❖ Iman itu makrifah Allah dan RasulNya. Mereka mengakui *wahdaniah* (keesaan) Allah SWT dan apa yang diturunkan oleh Allah dan dibawa oleh Nabi Muhammad, secara *ijmal* (menyeluruh) bukan secara *tafsil* (terperinci).

- ❖ Seorang yang tahu hukum memakan babi itu haram tetapi tidak tahu apa maksud babi, dia dikira beriman. Orang berkata, "*Aku tahu Allah mewajibkan haji ke Kaabah tetapi tidak tahu di mana Kaabah atau bagaimana ia boleh terjadi di dunia*", dia masih dikira beriman.

3. Al- Thaubaniah

Pengikut Abu Thauban yang menyatakan:

- ❖ Iman itu ialah makrifat dan ikrar kepada Allah, para utusannya dan perkara yang pada logik akal tidak boleh melakukannya. Apabila perkara yang pada logik akal boleh meninggalnya maka ia tidak termasuk dalam iman.

- ❖ Qadar baik dan jahat itu daripada hamba bukannya daripada Allah. Kepimpinan itu tidak tetap melainkan dengan ijmak umat Islam.

4. Al-Taumaniah

Pengikut Abu Maaz al-Thaumani. Antara ajarannya adalah:

- ❖ Iman ialah suatu yang terpelihara daripada kufur. Ia juga bermaksud nama kepada semua perkara yang apabila

ditinggalkan salah suatu daripadanya boleh menyebabkan kafir.

- ❖ Orang yang membunuh nabi atau memukulnya didakwa kafir. Ia bukan kerana membunuh dan memukul tetapi kerana meringan-ringankannya, bermusuh dan marah kepadanya.
- ❖ Meninggalkan sembahyang dan puasa lalu menghalalkannya menjadi kafir. Apabila meninggalkannya dengan niat *qada* (ganti) maka tidak menjadi kafir.
- ❖ Orang fasik yang mengerjakan dosa besar bukan musuh Allah dan walinya.

5. Al-Marisiah

Pengikut Abu Abdul Rahman Basir bin Ghias al-Marisi. Ayahnya beragama Yahudi, datuknya pernah menjadi hamba kepada Zaid bin al-Khattab. Al-Marisi seorang pemimpin Murji'ah di Baghdad. Pada mulanya dia mempelajari agama daripada Ketua Hakim Negara al-Khadad Abu Yusuf. Beliau adalah Imam besar dalam mazhab Hanafi. Kemudian, dia terpengaruh dengan ilmu falsafah dan ilmu Kalam yang kemudiannya mengambil ajaran sesat daripada Jaham bin Safuan.

Melihat perubahan Abu Abdul Rahman, Hakim Negara Abu Yusuf kemudian meninggalkannya. Dia menyembunyikan diri pada zaman Khalifah Harun ar-Rasyid hingga pada zaman khalifah al-Makmun. Apabila Khalifah al-Makmun terpengaruh dengan fahaman al-Quran itu baru (makhluk), dia muncul semula di

tengah-tengah masyara'at. Al-Darami yang mengarang kitab *Sunan* bertujuan khusus menolak ajaran al-Marisiah.

Antara fahaman yang dibawa oleh golongan ini adalah:

- ❖ Iman itu ialah mengakui dengan hati dan lidah.
- ❖ Sujud kepada patung dan matahari tidak kafir tetapi membawa kepada kufur.
- ❖ Mustahil Allah SWT mengekalkan orang-orang yang mengerjakan dosa besar ke dalam neraka, bukannya harus.
- ❖ Semua perkara yang menjadi derhaka kepada Allah dikira dosa besar.

6. Al-Syamariah

Pengikut Abu Syamar. Antara ajarannya adalah:

- ❖ Iman itu ialah makrifat Allah iaitu tunduk kepadanya, kasih kepadanya dan mengakunya sebagai Tuhan yang satu. Tidak ada tuhan lain yang seumpanya selagi tidak ada hujah daripada para nabi.
- ❖ Menolak qada' dan qadar seperti pegangan golongan Murji'ah.

Menurut Ahli Sunnah wal Jamaah, golongan inilah yang paling kafir di kalangan semua kumpulan-kumpulan Murji'ah kerana paling melampau berpegang dengan ajaran mereka dan menolak qada' dan qadar.

MURJI'AH QADARIAH

Terdapat golongan yang lain dalam kalangan Murji'ah yang memberi penekanan kepada masalah iman, irja' dan qadar. Golongan ini berpecah pula kepada beberapa aliran seperti berikut:

1. Al-Najariah
Adalah pengikut Hasan bin Muhammad al-Najar. Antara ajarannya adalah:

- ❖ Kuasa makhluk yang dinamakan usaha boleh memberi bekas.
- ❖ Menafikan rukyah Allah dengan nyata pada hari kiamat nanti.
- ❖ Menganggap Kalam Allah Ta'ala itu baru.
- ❖ Iman itu ialah *tasdiq* (pengakuan) sahaja.

Kemudian golongan ini berpecah pula kepada beberapa mazhab, iaitu al-Balghuthiah, al-Za'fuaniah dan al-Mustadrakah.

2. Al-Jahamiah
Pengikut Jaham bin Safuan yang lahir di Khurasan dan membawa ajaran sesat di sana. Antara ajarannya adalah:

- ❖ Pada peringkat awalnya dia mewujudkan fahaman Jabariah. Kemudian, dia memasukkan dalam ajarannya dengan beberapa fahaman Mu'tazilah dan Qadariah.

- Menafikan sifat-sifat Allah. Katanya, "*Kalau Allah itu mempunyai sifat maka samalah ia dengan makhluk.*"

- Syurga dan neraka itu akan binasa.

3. Al-Bakriah

Adalah pengikut Bakar bin Abdul Wahid. Menurut pengarang al-Mizan, Bakar bin Ziad al-Bahali, antara kejahatannya adalah mencipta hadis palsu dengan menyandarkannya kepada Abdullah bin al-Mubarak. Antara ajarannya ialah:

- Manusia itu ruh sahaja tidak termasuk jasad.

- Dosa besar yang dilakukan oleh ahli Qiblat hukumnya munafiq dan menyembah syaitan. Orang yang melakukannya kekal di dalam neraka yang paling bawah dan dia masih lagi sebagai orang Islam.

- Allah itu dilihat pada hari kiamat dengan rupa yang diciptakannya dan berkata-kata kepada hamba-hambanya dengan rupa itu.

- Kanak-kanak yang masih di dalam buaian tidak berasa sakit walaupun dipukul, dipotong dan dibakar. Dia bernikmat dengannya walaupun ternyata dia menangis.

- Mengharamkan bawang putih dan bawang besar.

- Mewajibkan wuduk apabila berbunyi dalam perut.

4. Al-Dhirariah

Pengikut Dhirar bin Amru, antara ajarannya:

- Melihat Allah pada hari kiamat dengan pancaindera yang keenam yang dijadikan oleh Allah untuk orang-orang yang beriman pada hari kiamat.
- Yang menjadi hujah selepas wafatnya Nabi Muhammad hanya ijmak para sarjana Islam.
- Mengingkari laporan Abdullah bin Mas'ud dan Ubai bin Kaab mengenai kaedah bacaan al-Quran dan menuduh kedua-dua orang sahabat itu sesat.
- Meragui iman seluruh umat Islam kerana mendakwa tidak tahu apa yang ada di dalam hati mereka.

5. Al-Karramiah

Pengikut Abdullah bin Muhammad bin Karram al-Naisaburi al-Sajistani. Pada zahirnya, dia dilihat sebagai orang yang wara' dan ahli pidato yang memberi nasihat kepada orang ramai. Sebaliknya dia menjadi pemimpin besar ajaran sesat yang dikenali dengan nama al-Karramiah. Antara ajarannya ialah:

- Iman itu ialah ikrar dan percaya dengan lidah sahaja, tidak perlu dengan hati.
- Tuhan yang disembah itu berjisim yang mempunyai had dan kesudahan. Allah itu berada di Arasy dan di sebelah atas.
- Tidak berwuduk sebelum sembahyang.

- Sembahyang musafir cukup dengan dua takbir sahaja tidak perlu *qiam* (berdiri), rukuk, sujud, tasyahud dan salam.
- Sah bersembahyang dengan pakaian dan tempat yang najis.
- Sembahyang fardu, puasa dan haji tidak perlu niat.
- Memandi mayat dan sembahyang ke atasnya sunat sahaja.
- Wajib *makrifat* (mengenal) Allah itu dengan amal.
- Mengharuskan adanya dua imam dalam satu masa.

6. Al-Ubaidiah

Pengikut Ubaid al-Kumait. Antara ajarannya adalah:

- Allah Ta'ala itu berupa manusia.
- Seorang hamba itu apabila mati dalam keadaan tauhid, dosa dan maksiat yang dikerjakannya tidak menyebabkan apa-apa mudarat kepadanya.

7. Al-Solihiah

Pengikut Soleh bin Amru al-Solihi. Antara pegangannya adalah:

- Iman itu ialah makrifat Allah SWT secara mutlak.
- Alam ini hanya mempunyai pencipta.
- Kufur itu ialah tidak tahu mengenai Allah secara mutlak.

- Orang yang berkata Tuhan itu tiga tidak kufur. Ia tidak keluar daripada agama Islam melainkan daripada orang yang kafir.

- Makrifat Allah Ta'ala itu ialah kasih dan tunduk kepadanya walaupun dia ingkar pada ajaran Nabi Muhammad. Ia sah daripada segi akal iman seseorang itu kepada Allah walaupun dia tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW.

- Sembahyang itu bukannya ibadat. Tidak ada ibadah melainkan beriman kepada Tuhan. Makrifatnya tidak lebih dan tidak berkurang.

- Harus bagi Allah menamakan dirinya dengan lawan kepada nama-namanya.

BAB 9: HULULIAH

Mereka adalah golongan yang mendakwa ruh Tuhan itu menjelma di dalam diri seseorang dan menganggap sebagai Tuhan. Mereka menghalalkan yang haram dengan mentakwilkannya. Ajaran ini meresap ke dalam beberapa golongan Syi'ah dan mazhab-mazhab yang lain yang disebut sebelum ini. Antaranya adalah al-Syaibaiyah, al-Bayaniah, al-Jahaniah, al-Khattabiah, al-Syari'iah, al-Numairiah dan al-Rizamiah.

Disamping itu ada pula mazhab-mazhabnya yang berasingan. Antaranya adalah:

AL-MUQANNAI'AH

Pengikut seorang yang bernama Ata' al-Muqanna'. Dia adalah ahli sihir yang buta. Dia mengaku dirinya bersifat ketuhanan dan menunjukkan sihirnya sehingga kelihatan satu bulan yang lain di langit. Dia mendakwa dapat melihat objek dari jarak dua bulan perjalanan. Antara ajarannya adalah:

- Tidak perlu kepada sembahyang, puasa dan ibadah-ibadah yang lain. Dia menghalalkan yang haram. Antaranya menghalalkan bangkai, daging babi dan boleh bertukai isteri.

- Mendakwa dia boleh berupa Nabi Adam, Nabi Nuh dan Nabi Ibrahim, Nabi Muhammad dan sebagainya.

- Dia berkata kepada pengikut-pengikutnya, "*Sesiapa yang melihatku nescaya terbakar di dalam nurku.*"

Ata’ al-Muqanna’ bermaharajalela selama 14 tahun dengan mendapat bantuan daripada orang kafir yang berbangsa Turki. Akhirnya Khalifah al-Mahdi al-Abbasi menghantar bala tentera yang dipimpin oleh Said al-Jarasyi bagi menghukumnya. Apabila bala tentera Islam mengepung kotanya, dia merasakan tidak ada harapan lagi bertahan lalu meracun semua isterinya. Apabila bala tentera Islam masuk ke dalam kota, dia ditawan lalu dipancung. Kepalanya dibawa ke hadapan khalifah sebagai bukti dia dibunuh. Jasadnya dibakar dalam dapur yang sedia ada di dalam kotanya.

AL-HILMANIAH

Pengikut Abu Hilmani al-Damsyiqi yang berasal dari Parsi dan membesar di Halab, Syiria. Dia kemudiannya menyebarkan ajarannya di Damsyik. Antara ajarannya adalah:

- Tuhan menjelma dalam diri setiap orang yang cantik. Oleh itu dia dan pengikut-pengikutnya menyembah setiap orang yang dilihatnya cantik.

- Sesiapa yang mencapai tahap makrifat yang tinggi, halal baginya segala yang haram.

AL-AZAFIRAH

Mereka adalah pengikut Abu al-Azafir Muhammad bin Ali al-Syalamaghani. Antara ajarannya adalah:

- Mendakwa ruh Tuhan menjelma dalam ruhnya dan menamakan dirinya dengan ruh *al-Qudus* (ruh yang suci).
- Menghapuskan hukum syariat dan menghalalkan liwat.
- Mengaku boleh menghidupkan orang yang mati.

Dia muncul pada zaman pemerintahan Abbasiyah di bawah pemerintahan al-Razi. Akibat ajarannya yang sesat dan menyesatkan itu dia dijatuhkan hukuman bunuh dan disula.

BAB 10: HALAJIAH

Pengikut Husain bin Mansur al-Halaj. Menurut ahli sejarah, dia berasal dari Parsi dan menganut agama Majusi. Kemudian, dia menganut Islam dan menyertai ahli tasawuf. Dia pernah berguru dengan Abu al-Kasim al-Junaid. Dia kemudian pergi ke Makkah dan tinggal di sana selama setahun. Apabila dia mengemukakan pendapat maka Amru bin Uthman al-Makki menuduhnya menentang al-Quran dan mengancam untuk membunuhnya. Mendengar ancaman itu dia melarikan diri ke Khurasan. Selepas lima tahun dia datang lagi ke Makkah. Kemudian dia pergi ke Baghdad dan merantau ke India. Di India, dia mempelajari ilmu sihir sebelum kembali semula ke Makkah. Selepas itu dia pergi ke Baghdad dan Rom, Iran.

Dia mengaku mengetahui rahsia hati dan mengeluarkan kata-kata yang boleh ditafsirkan dengan makna baik dan makna buruk. Kadang-kadang kata-katanya seperti Syi'ah dan kadang-kadang seperti Ahli Sunnah. Pada zaman pemerintahan al-Muhtadir al-Abbasi, dia mengucapkan kalimah-kalimah yang mendakwa Tuhan meresap ke dalam dirinya. Kadang-kadang dia memakai pakaian sarjana Islam berserban besar lalu mengemukakan pendapat-pendapat yang bercanggah dengan hukum syariat. Antaranya:

- Mengharuskan haji ke tempat yang lain daripada Makkah asalkan dia dapat membina bangunan empat persegi rumahnya atau bilik yang tidak kena najis dan bertawaf mengelilingi pada musim haji, memberi makan 30 orang anak yatim dan memberi pakaian kepada mereka dengan menganggap perkara-perkara itu menepati ibadah haji.

❖ Mengharuskan berbuka puasa di bulan Ramadan kepada orang yang berpuasa selama tiga hari tiga malam.

❖ Harus meninggalkan sembahyang kepada orang yang bersembahyang dua rakaat daripada awal malam sehingga akhirnya.

❖ Mengeluarkan kata-kata yang mengelirukan seperti, "*Ana al-Haq (Akulah Tuhan)*." Sesiapa yang mendidik dirinya supaya mengerjakan taat dan bersabar dengan kelazatan dunia dan menurut nafsu nescaya jiwanya meningkat sehingga mencapai tahap *muqarrabin* (orang yang dekat dengan Tuhan). Tahap ini boleh meninggi sehingga hatinya bersih daripada sifat manusia. Apabila tidak ada lagi sifat itu, ruh Tuhan dapat memasuki dirinya seperti penciptaan Nabi Isa.

Terdapat perselisihan dalam kalangan sarjana ilmu al-Kalam, pakar fikah dan ahli tasawuf daripada segi menghukum al-Halaj. Sebahagian sarjana mengkafirkannya seperti majoriti sarjana ilmu kalam dan sebahagian daripada pakar-pakar fikah dan ahli tasawuf. Hujah mereka adalah ajaran al-Halaj termasuk dalam akidah al-Hululiah. Sebahagian lagi berhujah dan menafsirkan ucapannya dengan takwil.

Walau bagaimanapun pihak pemerintah Abasiah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas al-Halaj kerana pegangan dan ucapannya yang sangat mengelirukan. Namun, sebahagian pengikutnya mendakwa al-Halaj tidak mati. Orang yang dibunuh adalah orang yang menyerupainya.

Walau bagaimanapun, ramai orang berbelah bahagi. Ada yang mengkafirkannya dan ada yang memujanya kerana perselisihan sarjana Islam menafsirkan ucapan Halaj itu.

Perkara yang membahayakan adalah fahaman dan aliran pemikiran al-Halaj dirakam dalam beberapa kitab tasawuf. Lebih membahayakan apabila orang awam membaca tanpa mengkaji secara mendalam dan teliti.

BAB 11: MUSYABBIHAH

Pada zaman Salaf, golongan ini memutuskan tidak merubah makna asli ayat-ayat al-Quran dan hadis yang mutasyabihat kepada makna lain (*takwil*). Setelah beberapa lama, timbul fahaman-fahaman salah yang menafsirkan ayat-ayat mutasyabihat ini sewenang-wenangnya. Lantas, muncul golongan Khalaf yang dipelopori oleh Abu Hassan al-Asy'ari dan Muhammad bin Muhammad al-Maturid memperbetulkan salah faham ini dengan mentakwil berdasarkan logik akal dan bahasa tanpa menyimpang daripada pemahaman al-Quran dan Sunnah.

Pada fasa salah faham ini, terdapat golongan yang menyerupakan atau menyamakan Allah dengan makhluk berdasarkan zahir ayat-ayat al-Quran dan hadis yang mutasyabihat. Kemudian mereka terus meletakkan makna itu sama seperti yang ada pada makhluk. Mereka bertindak berani dengan menyatakan:

"*Tuhan yang disembah itu mempunyai rupa yang ada sebahagian anggota tubuh sama ada ruhani atau jasmani. Seseorang hamba yang kuat beribadah dan mujahadah dipercayai dapat berjabat tangan dengan Tuhan. Dia dapat bersentuh dengan Tuhan, boleh melihatnya di dunia malah boleh menziarahinya*."

Salah seorang pengikut fahaman ini, Daud al-Hawarizmi berkata, "*Tuhan yang disembah itu berjisim, mempunyai darah dan daging, mempunyai anggota tangan, kaki, kepala, lidah dan dua mata*."

Mereka menguatkan hujah-hujah dan bukti-bukti mereka kepada hadis-hadis palsu yang sengaja direka dan mengaitkan nama Nabi Muhammad SAW. Hakikatnya, kebanyakan hadis-hadis itu diambil daripada orang-orang Yahudi yang menganut ajaran yang sama.

Golongan mutasyabihat terbahagi kepada dua jenis. Pertama, mereka yang menyamakan zat Allah Ta'ala dengan zat makhluk. Antara golongan yang menganut fahaman ini adalah al-Saba'iah, al-Bayaniah, al-Hululiah, Hilmaniah dan al-Azafirah. Kedua, mereka yang menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat-seifat makhluk. Ada yang menyamakan kehendak Allah dengan kehendak makhluk. Mereka adalah golongan Muktazilah Basrah dan al-Karramiah. Ada juga yang menyamakan percakapan Allah dengan percakapan makhluknya begitu juga dakwaan Allah mempunyai suara, berhuruf dan bersifat baharu. Sebahagian lain menyamakan pengetahuan Allah itu dengan pengetahuan makhluk. Mereka mewajibkan sifat mengetahui tetapi cara Allah mengetahui itu menurut kepercayaan mereka baharu seperti ilmu makhluk.

Mazhab al-Musyabihat berpecah kepada beberapa aliran:

AL-SABA'IAH

Mereka adalah pengikut Abdullah bin Saba' yang dibincangkan dalam mazhab Syi'ah. Abdullah bin Saba' bukan sahaja mengikut mazhab Syi'ah yang melampau tetapi mengikut fahaman Musyabihat.

AL-MUGHIRIAH

Mereka adalah pengikut Mughirah bin Suwaid al-Ajali, seorang ahli sihir bermazhab Syi'ah. Dia mendakwa malaikat Jibril dan Mikail pernah melafazkan sumpah setia kepadanya di sisi Kaabah iaitu antara Kaabah dan makam Ibrahim. Dia mendakwa Allah menghidupkan 17 lelaki yang diberikan huruf daripada *Asma' Allah al-A'zam* (Nama-nama Allah yang Agung). Oleh itu mereka dapat mengalahkan musuh dan memiliki bumi. Antara ajarannya adalah:

- ❖ Allah itu mempunyai jisim, rupa dan anggota sebagaimana huruf-huruf Arab (*hija'iyah*). Rupanya seperti lelaki daripada cahaya. Di atas kepalanya ada mahkota daripada cahaya dan terpancar hikmah daripada hatinya.

- ❖ Apabila Allah mencipta makhluknya, dia bercakap dengan *Asma Allah al-A'zam*. Tiba-tiba mahkota jatuh daripada kepalanya. Kemudian dia melihat amalan-amalan hamba yang ditulis di tapak tangannya. Lalu dia marah melihat maksiat yang dilakukan oleh hambanya. Maka peluhnya keluar lalu berkumpul menjadi dua laut; satu daripadanya masin dan yang satu lagi tawar.

- ❖ Menghalalkan perkara-perkara yang haram.

Apabila ajarannya sampai ke pengetahuan Khalid bin Abdullah al-Kasri, beliau memerintahkan supaya menangkap dan menghukum bunuh Mughirah dan pengikut-pengikutnya.

Selepas Mughirah meninggal dunia, pengikut-pengikutnya yang masih hidup bertelagah sesama sendiri. Ada yang menyatakan Mughirah masih hidup dan menunggu kelahiran semula. Ada pula yang menyatakan, "*Kita tunggu sahaja kelahiran Imam Muhammad al-Nafsi al-Zakiah*."

AL-MANSURIAH

Mereka adalah pengikut Abu Mansur al-Ajali yang mengaku menjadi imam dan mengajak orang ramai mengikut ajarannya. Antara ajarannya adalah:

- Dia mengaku menjadi nabi dan malaikat Jibril membawa wahyu kepadanya. Dia mendakwa Allah mengutuskan Nal n Muhammmad dan menurunkan al-Quran. Dia pula dilantik dan bagi mentakwilkan al-Quran.

- Mengaku naik ke langit dan bertemu Tuhan dan menyentuh tangannya. Tuhan berkata kepadanya, "*Wahai anakku turunlah dan sampaikanlah daripadaku*."

- Makhluk yang paling awal diciptakan adalah Nabi Isa. Selepas beliau adalah Ali bin Abu Talib.

- Rasul itu sentiasa ada dan hari kiamat itu tidak ada.

- Syurga itu adalah lelaki yang Allah perintahkan supaya manusia patuh kepadanya. Neraka pula adalah lelaki Allah perintahkan supaya kita bermusuh dengannya.

- Mentakwilkan perkara-perkara yang diharamkan dengan nama-nama orang yang Allah perintahkan supaya

memusuhinya. Dia juga mentakwilkan perkara-perkara wajib dengan nama-nama yang Allah perintahkan supaya mentaatinya. Sesiapa yang mengetahui nama-nama itu maka gugur segala yang wajib dan haram. Dia tidak mempunyai sebarang tanggungjawab lagi. Allah mengangkat segala perintah daripadanya sehingga dia masuk syurga dalam keadaan tahap *kamal* (sempurna).

- ❖ Menghalalkan perkara yang haram seperti zina, bangkai, darah dan lain-lain.
- ❖ Mengharuskan pengikutnya membunuh sesiapa sahaja yang menentangnya.

Akhirnya Abu Mansur ditangkap dan dibunuh oleh Yusuf bin Umar as-Saqafi, Gabenor Iraq pada zaman pemerintahan Hisyam bin Abdul Malik. Selepas dia meninggal dunia, pengikutnya yang masih hidup berpecah kepada dua mazhab:

1. **Al-Husainiah**
   Pengikut al-Husain bin Abu Mansur
2. **Al Muhammadiah**
   Yang mendakwa menjadi pengikut Muhammad bin Abdullah (al-Nafsi al-Zakiah).

AL-KHATTABIAH

Pengikut Abu al-Khattab Muhammad bin Abu Zainab al-Asadi al-Ajda’. Antara ajarannya ialah:

- ❖ Semua imam itu ialah nabi-nabi yang menjadi Tuhan.

- Bagi setiap umat itu ada dua rasul. Salah seorang daripadanya bercakap dan yang seorang lagi diam.

Akibat daripada ajarannya sesat dan menyesatkan itu, Imam Jaafar al-Sodiq menjauhkan diri daripadanya walaupun Abu al-Khattab mengaku sebagai pengikutnya.

Saad al-Qummi berkata dalam kitabnya al-Maqalat wal-Firaq, golongan Khattabiah ini berpecah kepada empat pendapat:

Pendapat Pertama
Mereka berkata Jaafar as-Sodiq itu tuhan dan Abu al-Khattab itu rasulnya.

Pendapat Kedua
Mmereka yang berkata al-Sirri al-Aqsam diutuskan oleh Jaafar as-Sodiq lalu mereka bersembahyang, berpuasa dan menunaikan haji kerana Jaafar.

Pendapat Ketiga
Mereka yang berkata Jaafar itu Allah dalam bentuk cahaya. Dia masuk ke dalam tubuh orang yang diwasiatkan menjadi peggantinya. Orang yang dimasuki cahaya itu adalah Jaafar. Kemudian cahaya itu keluar dan masuk pula ke dalam Abu al-Khattab. Jaafar ketika itu bertukar menjadi malaikat.

Pendapat Keempat
Mereka yang menyamakan Bazigh seperti Abu al-Khattab. Dia juga diutuskan menjadi rasul dan berkongsi dengan Abu al-Khattab dalam pangkat nabi dan rasul.

Apabila ajaran Abu al-Khattab berleluasa, maka Gabenor Kufah menggerakkan bala tenteranya pada tahun 38 Hijrah bagi menghapuskan Abu al-Khattab dan pengikut-pengikutnya. Abu al-Khattab dan pengikut-pengikutnya menentang bala tentera Gabenor Kufah dengan menggunakan pisau, seligi dan batu-batu. Akhirnya Abu al-Khattab berjaya ditahan dan dibawa ke Kufah. Dia dijatuhkan hukuman bunuh bersama beberapa pengikutnya. Mayat-mayat mereka disula dan dipertontonkan kepada orang ramai.

Seterusnya golongan al-Khattab ini berpecah kepada beberapa mazhab:

1. Al-Muamariah

Pengikut seorang yang bernama Muamar, mereka menyembahnya seperti menyembah Abu al-Khattab. Mereka juga menyebarkan ajaran yang sesat, antaranya adalah:

- Mereka mendakwa dunia tidak akan binasa. Mereka memberi maksud syurga itu dengan kebaikan, nikmat dan kesihatan di dunia. Neraka di dunia ini pula adalah kejahatan, kesusahan dan bala bencana.

- Mereka berkata ruh-ruh itu berpindah dari jasad ke jasad yang lain. Orang yang mati itu tidak mati tetapi berpindah ke alam malakut iaitu alam yang tertinggi. Kemudian, ruh-ruh ilu diletakkan ke dalam jasad yang menyerupai jasad mereka.

- Mereka tidak percaya pada hari kiamat.
- Meninggalkan sembahyang dan kewajipan yang lain.
- Menghalalkan perkara-perkara yang haram.

2. Al-Bazighiah

Pengikut Bazigh bin Musa. Dia mendakwa Imam Jaafar as-Sodiq itu Tuhan yang menjelma dengan rupa makhluk. Dia membawa ajaran-ajaran berikut:

- ❖ Setiap orang beriman itu menerima wahyu. Apa yang terlintas di dalam hati itu adalah wahyu.
- ❖ Dalam kalangan pengikutnya ada martabatnya lebih tinggi daripada Nabi Muhammad, malaikat Jibril dan Mikail.
- ❖ Apabila manusia sampai kepada martabat kamal, dia tidak boleh dikatakan mati tetapi dikatakan naik kepada martabat malaikat.
- ❖ Mereka berkata tidak ada seorang pun dalam kalangan mereka yang mati.

3. Al-Ujailiah

Pengikut Umair bin Banan al-Ujaili. Pengikutnya mendakwa Umair adalah pengganti Abu al-Khattab. Walau bagaimanapun, mereka menerima kematian berbeza dengan al-Muamariah yang mendakwa mereka berpindah ke alam malakut. Akhirnya ketua mereka dijatuhkan hukuman bunuh oleh pemerintah Islam pada zamannya.

4. Al-Kayaliyah

Pengikut Ahmad bin al-Kayal. Dia dianggap sebagai salah seorang Imam yang tersembunyi. Peringkat awal dia mengaku menjadi imam sehingga pada suatu hari dia mendakwa mampu "*berdiri dengan sendirinya*" (menjadi Tuhan). Antara ajarannya adalah alam itu ada tiga iaitu alam yang tinggi, alam yang dekat dan alam yang jauh.

5. Al-Nusairiah

Pengikut Muhammad bin Nasir yang mendakwa sebagai pengikut Imam Husain al-Askari. Dia adalah imam yang ke sembilan daripada mazhab Syi'ah Imamiah. Dalam ajarannya sering membincangkan perkara Syi'ah. Mereka adalah golongan pelampau Syi'ah. Antara ajarannya adalah:

- Percaya Ali sebagai Tuhan atau hampir seperti Tuhan.
- Syariat itu ada zahir dan batin. Batin itu berada di sisi imam-imam dan mereka masih kekal.

BAB 12: YAZIDIAH

Terdapat perselisihan di kalangan sarjana Islam mengenai punca nama ajaran ini. Ada yang berpendapat mereka adlah pengikut Yazid bin Mu'awiyah yang sentiasa menyucikan Yazid. Ada yang menyatakan mereka adalah pengikut Yazid bin Unaisah al-Khariji yang pada mulanya menganut ajaran Khawarij sebelum mencipta ajarannya sendiri. Ada yang berpendapat mereka adalah pengikut Yazid bin Unaizah. Ada yang berpendapat ia diambil daripada perkataan Yazd iaitu nama daerah di Parsi. Ada yang berpendapat ia diambil daripada perkataan Yazdan bermakna raja atau Tuhan dan ada pendapat-pendapat yang lain. Mereka mengikut ajaran sesat dengan mencedok beberapa ajaran Islam yang dicampur dengan agama Majusi, Yahudi, Kristian dan lain-lain. Antara ajarannya adalah:

- Mengucap dua kalimah syahadah, "*Aku bersaksi Allah itu satu, sultan Yazid adalah kekasih Allah.*"

- Berpuasa menurut ajaran mereka ada dua jenis:

  Pertama: Berpuasa untuk orang-orang yang tertentu iaitu sebanyak 80 hari. Ia dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama bermula dari 20 Oktober dan peringkat kedua bermula dari 20 Mei.

  Kedua: Puasa untuk orang awam iaitu sebanyak 3 hari dalam setahun. Caranya ialah tiga hari minggu pertama daripada bulan Oktober, hari Selasa, Rabu dan Khamis.

- ❖ Sembahyang, iaitu menghidupkan malam Nisfu Syaaban. Mereka bersembahyang sebanyak lima waktu iaitu bermula dari maghrib sehingga subuh. Sembahyang itu dinamakan sembahyang Lailatul Qadar iaitu sembahyang menepati selama setahun. Pada waktu pagi, mereka mengadap matahari yang sedang terbit. Pada waktu petang pula mereka mengadap matahari yang sedang terbenam sambil membacanya, "*Amin*," sebanyak tiga kali dan membaca, "*Tabarakal Allah Wad din, Ahsanul Khaliqin*." Kemudian mereka rebah ke bumi lalu menciumnya dan melumurkan muka dengan tanah. Ada juga dalam kalangan mereka yang bersembahyang dengan membaca Fatihah dan ayat Kursi. Dengan itu sembahyang mereka cukup dalam setahun.

- ❖ Menunaikan zakat, iaitu mereka mengambil 10 peratus daripad hasil yang diwajibkan zakat kemudian mereka mengeluarkan daripada jumlah itu sekadar yang mampu.

- ❖ Menunaikan Haji: Mereka menamakannya dengan hari raya taubat dan keampunan. Hari itu berlaku pada 10 Zulhijjah yang menepati 23 hingga 30 Julai. Mereka berada di bukit Hakari yang ada mata air di sisinya. Mereka menamakan air itu dengan air zamzam. Kemudian menziarahi kubur Syeikh Adi yang dianggap sebagai Kaabah.

HARI RAYA MENURUT YAZIDIAH

Hari Raya Awal Tahun

Hari raya itu mesti bermula pada hari Rabu awal tahun. Cara menyambutnya adalah dengan menyembelih korban pada malam Rabu mengikut kemampuan. Apabila menjelang fajar hari raya, mereka mengambil berkat daripada sembelihan mereka. Hari itu dianggap hari Yazid ditabalkan menjadi raja pada tahun 60 Hijrah.

Oleh kerana hari raya ini kebetulan dengan hari Nabi Isa dilahirkan, ajaran ini dipercayai mempunyai pengaruh agama Kristian. Ada juga yang berpendapat hari raya ini bertepatan dengan hari matahari dilahirkan menurut pendapat orang-orang Babilon.

Pada hari raya ini, anak-anak perempuan dan pemudi-pemudi akan mengumpulkan bunga-bunga daripada pelbagai jenis yang diikat dan disimpan selama tiga hari. Golongan wanita pula meletakkan makanan di atas kubur untuk fakir dan miskin yang lalu di situ.

Pada malam hari raya pula, perempuan-perempuan muda memakai pakaian baru. Mereka banyak berjudi pada malam itu di dalam rumah dan di anjung rumah. Taruhan mereka adalah telur yang dihias dan duit.

Hari Raya Murabuaniah

Ia bermula pada 15 hingga 20 Mei. Para agamawan mereka berjalan kaki ke kubur ketua agama mereka bagi berpuasa selama tiga hari. Kemudian mereka menyambung puasa di rumah supaya cukup 40 hari.

Hari Raya Korban

Ia disambut pada 10 Zulhijjah tarikh yang sama dengan hari raya Aidul Adha yang disambut oleh umat Islam. Mereka wajib menyembelih korban kerana Nabi Ismail ditebus dengan kibas semasa Nabi Ibrahim hendak mengorbankannya. Sebelum hari raya itu, mereka perlu menziarahi kubur ketua agama mereka dan berdoa supaya Allah menerima 'ibadah haji' mereka.

Hari Raya Jamaiah

Hari raya yang paling penting menurut ajaran agama mereka. Hari ini dianggap akidah agama mereka terpancar. Pada hari ini mereka dilarang menghampiri perempuan tetapi membenarkan sekiranya melarikan dengan mendapat pemeliharaan daripada ketua agama mereka. Hari raya ini bermula pada 23 hingga 31 Julai. Sepanjang hari itu juga mereka menziarahi tempat-tempat suci dan melakukan majlis tari-menari. Akhirnya majlis itu berakhir dengan menyembelih lembu jantan dan mandi daripada air yang mereka namakan 'air zamzam'.

Hari Raya Balandah

Berlaku pada 25 Oktober sempena menyambut hari lahir Syeikh Adi yang menjadi ketua agama mereka. Mereka menyambut hari raya ini dengan menyalakan api di rumah-rumah pada waktu petang.

Hari Raya Yazid

Berlaku pada 24 Hijrah. Mereka berpuasa selama tiga hari iaitu hari Selasa, Rabu dan Khamis pada bulan Oktober.

Hari Raya Ajwah
Iaitu berlaku pada tujuh hari bulan November. Mereka menyediakan roti besar yang di dalamnya ada sejenis biji-bijian. Mereka membahagikannya kepada seluruh kaum keluarga. Sesiapa yang menerima bijian di dalamnya, dia yang bertuah.

Hari Raya Kadhir al-Ilyas
Berlaku pada hari Khamis bulan Disember bertepatan dengan pertengahan bulan Syaaban. Ada dalam kalangan mereka yang mendahulukan hari raya ini dengan berpuasa selama tiga hari atau satu hari. Ahli-ahli agama mereka mengunjungi kubur ketua agama dengan menyembah dan bersembahyang.

Ajaran ini juga mengharamkan beberapa perkara seperti babi. Mereka bertindak melampau apabila mengharamkan makanan yang halal seperti daging ayam jantan dengan alasan rupanya seperti merak, ikan kerana jasanya menyelamatkan Nabi Yunus, kacang bendi kerana seperti mata ketua agamanya. Mereka juga mengahramkan beberapa perbuatan seperti meludah ke atas bumi dan memasuki masjid orang Islam.

Mereka menganggap arak adalah nimat daripada Tuhan. Mereka menghormatinya secara memegangnya dengan kedua-kedua belah tangan. Mereka juga menyucikan kubur ketua-ketua agama mereka yang dianggap wali. Sebelum menziarahi kubur-kubur itu, mereka menetapkan beberapa adab yang mesti dipelihara. Antaranya adalah menganggalkan kasut, bernazar kepada kubur, berlafaz sumpah setia dan menyatakan kesetiaan kepadanya. Mereka mengaku mengesakan Allah SWT tetapi dalam masa yang sama mereka menyekutukan Allah.

Mereka membesarkan nama-nama yang lain daripada nama-nama Allah Ta'ala seperti nama-nama pemimpin agama mereka, mengadakan hukum-hukum yang lain daripada hukum Allah, menurut hasutan iblis dan syaitan. Dengan tegas mereka berkata, "Sekiranya Allah melantik ketua-ketua malaikat, Tawus al-Malik akan menjaga urusan balasan orang-orang yang derhaka." Menurut mereka Tawus al-Malik itu adalah nama syaitan. Jika kekuatan dan kekuasaannya tidak menandingi kekuatan Allah SWT, dia tidak ingkar untuk sujud kepada Nabi Adam. Dia tidak takut kepada Tuhan yang menjaga kebaikan dan tidak berasa gerun kepadanya.

KITAB-KITAB SUCI YAZIDIAH

Al-Quran

Mereka mengambil mana-mana bahagian ayat dan surah yang mereka sukai dan membuang bahagian yang tidak dipersetujui. Mereka mendakwa ia sengaja ditambah-tambah oleh orang-orang Islam.

Kitab Ras

Dalamnya terkandung berita kejadian langit, bumi, lautan, bukit bukau, pokok, para malaikat, Arasy, Adam dan Hawa.

Kitab Jalud

Menurut kepercayaan mereka kitab ini berada di sisi Tawuus Malik sebelum segala makhluk dicipta. Menurut ahli sejarah, orang yang menulis kitab ini adalah Syamsudin al-Hasan iaitu salah seorang agamawan mereka. Namun, pengikut-pengikutnya menganggap kitab ini juga daripada Tuhan. Dalamnya terkandung

‘pesanan Tuhan’ kepada hambanya supaya mengikut al-Quran dan agama-agama langit yang menepati kehendak Allah.

Kitab Ras dan kitab Jalud itu tersebar pada tahun 1895 Masihi dalam bahasa Inggeris. Kemudian ia diterjemah dalam bahasa Arab pada tahun 1909 Masihi seterusnya dalam bahasa Kurdish pada tahun 1911 Masihi.

Jelas sekali kitab-kitab itu adalah ciptaan manusia bukannya daripada Allah dan ternyata akidah Yazidiah terkeluar daripada Islam dan mencampur-aduk ajaran Islam, Kristian, Majusi dan lain-lain.

KETUA-KETUA AGAMA YAZIDIAH

Antara pemimpin-pemimpin agama Yazidiah yang disanjung dan menjadi rujukan kepada mereka ialah:

Syeikh Adi bin Musafir
Lahir pada tahun 1073 Masihi. Dia membawa tarikat yang bernama tarikat Adawiyah, pengikutnya mendakwa dia tidak mati tetapi diangkat ke langit.

Syeikh Abu al-Barkat
Namanya Sakar bin Sakarin bin Musafir anak saudara kepada Syeikh Adi menurut pengikutnya dia dipilih dengan wasiat Syeikh Adi.
Syeikh Adi bin Abu al-Barkat
Bergelar Abu al-Mafajar al-Kurdi.

Syeikh Syamsuddin Abu al-Hassan

Dia digelar al-Hassan al-Basri. Menurut pengikutnya dia bertapa selama enam hari dan keluar membawa kitab al-Ajwah yang didakwa daripada Tuhan. Akhirnya dia dibunuh oleh Raja Badaruddin Lukluk, pemerintah Muusil pada tahun 644 Hijrah.

Syeikh Syarifuddin Muhammad bin Syeh Abu al-Hassan

Dia mengganti bapanya yang dibunuh. Tetapi pada tahun 655 Hijrah, dia dibunuh oleh Sultan Izzuddin al-Saljuqi.

Syeikh Zainuddin Yusuf bin Syarifuddin Muhammad

Dia melarikan diri ke Mesir dan meninggal dunia di sana pada tahun 725 Hijrah.

BAB 13: AL-BABIAH

Ajaran sesat yang dibawa oleh seorang yang bernama Mirza Ali Muhammad al-Syirazi yang menggelarkan dirinya dengan *al-Bab* yang bererti pintu. Ini kerana dia berkata, "*Sesungguhnya yang ingin sampai kepada Allah mestilah melalui jalan rasul, nabi dan wali. Oleh kerana untuk mencapainya sangat susah, mestilah melalui pintunya maka sayalah pintunya.*"

Perkataan pintu dalam bahasa Arab ialah al-Bab. Kemudian, dia menukarkan namanya kepada al-Bab. Daripada perkataan ini, ajarannya dinamakan al-Babiah.

Mirza Ali Muhammad lahir pada tahun 1252 Hijrah bersamaan tahun 1820 Masihi. Dia mempelajari ajaran al-Batiniah daripada Syed Kazim al-Rasyti. Gurunya adalah murid kepada pemimpin kebatinan bernama Ahmad al-Ahsaei.

Ajaran ini mendapat sokongan daripada Yahudi di Syiraz, Iran. Bagi membuktikan keislamannya, dia menunaikan haji di Makkah pada tahun 1260 Hijrah serta mengunjungi makam Nabi Muhammad di Madinah. Apabila pulang ke Iran, Mirza secara tiba-tiba menyebarkan ajarannya sehingga para sarjana Islam di Iran menjadi gempar. Mereka mendesak pemerintah pada masa itu supaya menghapuskan gerakannya kerana ia membawa kepada kufur secara terang-terangan. Bagi menghadapi tentangan para sarjana Islam, dia mengisytiharkan dirinya keluar daripada agama Islam dan memutuskan hubungan dengan al-Quran, hadis-hadis Nabi Muhammad dan kitab-kitab agama Islam.

Tidak lama kemudian, dia mengaku menjadi Imam Mahdi sehingga mendakwa dirinya lebih baik daripada Nabi Muhammad dan ajarannya lebih baik daripada ajaran Islam. Keadaan bertambah kritikal apabila dia mendakwa Allah menjelma di dalam dirinya, dai yang menzahirkan makhluknya dan menzahirkan Nabi Musa dan Nabi Isa ke alam dunia. Para sarjana Islam di Iran menghukumnya terkeluar daripada agama Islam dan ada juga yang menyatakan dia gila.

Golongan yang mengikut ajaran sesat ini mengarang beberapa kitab yang terkandung di dalam ajaran al-Babiah. Kitab yang terpenting dinamakan al-Bayan yang ditulis dalam bahasa Arab. Di dalamnya terkandung pengenalan kepada ajaran al-Babiah. Pengikut al-Babiah menganggap kitab ini sebagai buku suci. Kemudian mereka mengarang kitab al-Itqan yang menyempurnakan kitab al-Bayan. Antara ajarannya adalah:

- Tidak beriman kepada hari akhirat. Mereka memberi maksud hari akhirat dengan alam ruhani sahaja.
- Semua penganut agama adalah sama sahaja.
- Al-Quran tidak sesuai dipraktikkan pada zaman ini.
- Sembahyang sekali sahaja sebulan dan tidak memerlukan wuduk.
- Tidak wajib mengadap kiblat kerana bagi mereka, di mana sahaja mereka mengadapa, di sana wajah Allah berada.

- Menafikan hukuman qisas (bunuh balas), hudud (hukuman bagi zina, tuduhan zina, mencuri, minum arak dan sebagainya) dan takzir secara sebatan (selain hukuman hudud dan qisas yang ditetapkan oleh nas al-Quran dan hadis).

- Menyamakan kadar penerimaan perempuan dengan lelaki dalam harta pusaka.

Para sarjana Islam di Iran pada masa itu menggesa pihak pemerintah supaya memanggil para pengikut al-Babiah supaya disoal siasat. Mereka juga mengajak berdebat bagi membuktikan kebenaran sekaligus menolak hujah-hujah mereka. Apabila isu semakin hangat, Mirza Ali menafikan membawa ajaran iru dan bersembunti di rumahnya sehingga isu itu reda. Pada 10 Rabiulawal 1261 Hijrah, dia kembali menyebarkan ajarannya. Umat Islam ketika itu menentangnya dengan keras sehingga mendesak Shah Yahya al-Darabi, pemerintah Syiraz supaya menahannya. Namun, Mirza Ali berjaya melepaskan diri dari penjara dan menuju ke Esfahan. Di sana, dia menjadi tetapi kehormat kepada pegawai daerah dan mengajar di sana.

Akhirnya kesesatannya terdedah apabila majlis sarjana Islam yang dihadiri oleh 70 para sarjana memutuskan dia kafir. Mereka juga menyarankan kepada pemerintah supaya menjatuhkan hukuman bunuh kerana murtad. Namun, pemerintah ketika itu hanya meluluskan hukuman penjara sahaja. Apabila Shah Nasiruddin berkuasa, Perdana Menteri Iran pada masa itu meluluskan hukuman bunuh. Akhirnya al-Bab dijatuhkan hukuman bunuh bersama dua pengikutnya pada 27 Syaaban 1365 Hijrah.

BAB 14: AL-BAHA'I

Ajaran ini lahir di Iran pada akhir abad ke-19 Masihi selepas al-Bab dijatuhkan hukuman bunuh. Al-Bab sempat meninggalkan dua pengikut yang terkenal di kalangan pengikut ajarannya. Mereka adalah Mirza Yahya Nur yang bergelar Sabah Azal dan Mirza Husin Ali yang bergelar Baha Allah. Apabila Mirza Husin Ali menggantikan Mirza Yahya, dia membawa ajaran baru. Dia pernah ditahan kerana menentang Syah Nasiruddin secara melampau.

Sepanjang tempoh tahanan, dia mendakwa Tuhan menurunkan wahyu kepadanya dan membawa ajaran yang menyatukan semua agama. Dia juga mendakwa dapat mendedahkan rahsia yang disembunyikan oleh Nabi Isa. Walau bagaimanapun, dia mengaku Tuhan itu satu. Namun, dia menambah dalam kepercayaannya unsur batin dan meminda hukum-hukum dengan memberi hak kepada akal boleh menentukan halal dan haram dan bukannya hukum syara'.

Dalam perkara ibadah, mereka berbeza dalam beberapa perkara. Antaranya:

- **Sembahyang:** Diwajibkan kepada yang baligh. Ia dilakukan secara seorang diri, tidak ada sembahyang jemaah melainkan sembahyang jenazah. Kiblat sembahyang adalah di mana letaknya kubur Baha' iaitu di 'Aka, Palestin. Jumlah sembahyang adalah sembilan rakaat dalam tiga peringkat iaitu:

1. Sembahyang Besar
Boleh dilakukan pada bila-bila masa yang diingini. Sesiapa yang menunaikannya tidak perlu lagi bersembahyang pada waktu pertengahan dan sembahyang kecil.

2. Sembahyang Pertengahan
Disyaratkan dalam tiga waktu iaitu subuh, zohor dan asar. Sesiapa yang menunaikannya juga tidak perlu lagi bersembahyang besar dan sembahyang kecil.

3. Sembahyang Kecil
Syaratnya mestilah pada waktu gelincir matahari iaitu pada waktu zohor. Sesiapa yang menunaikannya tidak perlu lagi sembahyang yang besar dan sembahyang pertengahan.

Sembahyang mayat mereka mengandungi enam kali takbir Selepas sembahyang, mereka membaca bacaan yang ditetapkan sebanyak 19 kali. Sembahyang boleh ditinggalkan bagi sesiapa yang musafir ataupun lemah seperti kerana sudah tua atau kerana sakit. Hukum meninggalkannya sama seperti perempuan yang datang haid ataupun nifas.

Mereka mewajibkan sembahyang dengan berwuduk. Sesiapa yang tidak boleh menggunakan air, memadai dengan menyebut nama Tuhan sebanyak lima kali.

- **Puasa:** Bagi mereka, dalam setahun ada 19 bulan. Bulan yang terakhir adalah bulan puasa. Pada penghujung bulan puasa itu ada hari raya yang dinamakan Hari Raya Nuruz.

Sesiapa yang sakit, musafir ataupun lemah tidak diwajibkan puasa dan ganti (*qada*).

- **Haji**: Diwajibkan kepada orang lelaki sahaja. Manakala perempuan tidak di wajibkan menunaikan haji. Lokasi menunaikan haji itu adalah di tempat kediaman Baha semasa dibuang ke Iraq ataupun di tempat kediamannya di Syiraz.

- **Zakat**: Sama seperti zakat orang Islam. Namun, zakat tidak boleh dikumpulkan sekarang kerana tidak ada rumah keadilan.

- **Perkahwinan**: Tidak dibenarkan meminang perempuan sebelum mencapai umur 15 tahun. Jarak masa antara meminang dengan akad nikah tidak boleh melebihi 95 hari. Jarak antara akad nikah dengan bertemu suami isteri tidak boleh melebihi daripada satu hari.

- **Hari Raya**: Mereka mempunyai lima hari raya, iaitu hari raya *Nuruz*, hari raya *Riduan*, hari raya lahir al-Bab, hari lahir Baha dan hari pengisytiharan ajaran al-Bab.

- **Kematian**: Mereka mengkafankan mayat dengan lima helai kain sutera ataupun kain kapas dan diberi pakai cincin yang bertulis dengan ayat yang tertentukan.

- **Hari**: Nama-nama hari menurut pendapat mereka adalah hari *Jalaal,* hari *Jamal,* hari *Kamal,* hari *Fimal,* hari *Adal,* hari *Istihlal* dan hari *Istiklal*.

- **Kitab-Kitab** mereka adalah *Al-Itqan*, *Majmu'ah al-Alwah al- Mubarakah*, *Al-Syeikh, Al-Israqat wal Basyirat, Al-Durr al-Bahiah, Al-Hujaj al-Bahiah, Al-Faraid dan Faslu al-Khatab*.

PERINGKAT PEGANGAN

Mereka membahagikan pengikut-pengikut mereka kepada beberapa peringkat:

Imam: Orang yang mengetahui perkara yang ghaib tanpa perantaraan.

Hujah: Orang yang menerima ilmu daripada imam.

Zu al-Massoh: Orang yang menerima ilmu daripada hujah.

Abwab: Orang yang menyampaikan darjat pengikut-pengikut kepada imam dan hujah.

Da'i: Orang yang menerima perjanjian daripada orang ramai dan menerima penuntut ilmu.

Mukalaf: Orang-orang yang bersahabat dengan da'i dan tidak berhak untuk berdakwah.

Mukmin: Pengikut biasa.

Baha, pemimpin ajaran ini mendakwa dia mengaku dalam beberapa perkara yang berkaitan:

Pertama; dia mengaku menjadi orang yang ditugaskan oleh al-Bab. Kemudian dia mengaku menjadi Imam Mahdi. Kemudian dia mengaku menjadi nabi secara khusus sebelum mengaku menjadi

nabi secara umum. Kemudian dia mengaku mencapai peringkat Tuhan. Akhirnya dia mengaku menjadi Allah di bumi.

Kedua; dia mendakwa orang yang menjadi imam dalam ajarannya mendapat limpah Tuhan dan cahayanya. Dia berjanji imamnya menjadi Mahdi dan imam-imam selepasnya yang mencapai peringkat *maksum* (bersih daripada dosa).

Apabila ajarannya sampai ke pengetahuan umat Islam, seluruh umat Islam di pelusuk dunia menentang fahaman ini sekeras-kerasnya. Pemerintah Iran dan Turki Uthmaniah mengambil tindakan tegas ke atas pemimpin dan para pengikutnya dengan membuang daerah. Semua ini atas desakan rakyat yang mahukan kesucian agama Islam dipelihara. Ketuanya dibuang ke Eropah dan Amerika Syarikat. Akhirnya dia pulang sendiri ke Haifa, Palestin bagi mewujudkan pusat gerakan di situ. Dia memindahkan mayat al-Bab dan mengkebumikan di Haifa. Kemudian, dia terus menyebarkan ajarannya ke merata-rata tempat.

Walaupun ajaran ini mendapat tentangan hebat daripada umat Islam, mereka tetap mendapat perlindungan daripada penjajah Inggeris selepas jatuhnya kerajaan Turki Uthmaniah pada Perang Dunia Pertama (1917-1918). Jeneral Allenby yang menjadi pegawai Inggeris di Palestin mengadakan lawatan hormat berjumpa ketua agama Baha'i yang berada yang berada di Haifa, Palestin. Dia melakukannya atas arahan kerajaan Inggeris dan mengurniakan pingat Diraja Inggeris kepada ketua agama Baha'i.

Jelas penyebaran ajaran Baha'i mendapat sokongan di kalangan pelampau Kristian dan Yahudi. Tujuan mereka adalah mengganggu umat Islam dengan masalah-masalah akidah dan

amalan-amalan yang boleh menjejaskannya. Antara buktinya adalah penyebaran teori menolak hadis yang dilakukan oleh Rashad Khalifa pada awal tahun 1976. Akhirnya orang Islam mengetahui dia pengikut agama Baha'i. Tidak mustahil isu-isu lain yang sengaja direka akan timbul supaya umat Islam yang tidak berminat mengkaji agama akan terpengaruh.

Ajaran Babiah dan Baha'i berpecah kepada beberapa mazhab selepas kematian ketua besar mereka. Menurut kajian, mereka mempunyai lima mazhab iaitu:

1. **Azaliah**
   Pengikut Sabih Azal (Mirza Yahya Nur).

2. **Bahaiah**
   Pengikut Bahai Allah (Mirza Husin Ali).

3. **Babiah Khalisoh**
   Pengikut al-Bab.

4. **Bab Baha'i Abas**
   Pengikut Abdul Bahak (Abas Afandi).

5. **Nafidhon**
   Pengikut Mirza Muhammad Ali.

BAB 15: QADIANI (AHMADIAH)

Ajaran ini diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad al-Qadiani. Qadian adalah gelaran tempat kelahirannya di salah sebuah bandar di wilayah Punjab, India. Apabila ajaran al-Babiah dan al-Baha'i mendapat sokongan penjajah di Iran, ajaran Qadiani, Qadianiah atau Ahmadiah pula mendapat sokongan penjajah Inggeris di India dengan tujuan merosakkan akidah umat Islam dari dalam. Ia juga bagi mewujudkan masalah dalaman umat Islam sehingga meredakan penentangan mereka kepada penjajah.

Pengasasnya mempunyai latar belakang sejarah yang tidak baik sejak awal lagi. Keluarganya menjadi hamba kepada penjajah Inggeris di India. Dia dilahirkan pada tahun 1839 atau 1840 Masihi. Dia mempelajari ilmu bahasa Arab seperi nahu dan sorof. Selain itu, dia juga mempelajari ilmu bahasa Inggeris, ilmu perubatan dan juga ilmu tilik nasib daripada ayahnya yang pernah menjadi penilik nasib.

Pada mulanya, dia menunjukkan sikap berpegang pada ajaran Islam sebenar dengan membela agama dan bersedia mengarang kitab bagi tujuan itu. Dia berjaya mengumpulkan sumbangan wang dan tenaga oleh masyara'at di tempatnya yang menyokong usahanya itu. Namun, secara tiba-tiba dia menyeleweng dan menyebarkan ajaran itu dengan mendakwa Nabi Isa sudah wafat dan kuburnya terletak di India. Hujahnya adalah apabila Nabi Isa diburu oleh puak pelampau Yahudi, beliau berhikrah ke Kashmir dan tinggal di sana sehingga meninggal dunia. Beliau meninggal dunia semasa berusia 120 tahun dan dikuburkan di sana. Walaupun teorinya secara jelas menunjukkan

pembohongan dan rekaan semata-mata, terdapat segolongan umat Islam yang mempercayainya.

Kemudian, dia mengaku menjadi Imam Mahdi. Imam Mahdi adalah individu yang dijanjikan oleh Nabi Muhammad akan lahir pada akhir zaman. Dia membacakan hadis, setiap 100 tahun akan lahir pemimpin gerakan pembaharuan (*mujaddid*). Akhirnya dia mendakwa dirinya adalah *mujaddid* pada akhir abad ke-14 Hijrah.

Selepas berjaya mengumpul pengikut, dia menaikkan tarafnya dengan ruh Nabi Isa menjelma di dalam dirinya. Kemudian, dia mendakwa ruh Nabi Muhammad menjelma dalam dirinya. Akhirnya, kedua-dua ruh nabi itu berkumpul dalam dirinya.

Memandangkan para nabi mempunyai mukjizat, dia juga mendakwa mempunyai mukjizat. Dia berkata, "*Aku boleh mengadakan sejuta mukjizat*." Namun, tidak ada satu pun mukjizat yang berlaku. Ada juga beberapa ramalan yang dibuat olehnya seperti memberitahu saat kematian penentangnya dengan tarikh yang ditetapkan tetapi ramalan itu tidak berlaku.

Ajaran Qadiani bercanggah dengan rukun-rukun iman secara terang-terangan. Antaranya rukun beriman pada Allah, para rasul dan hari kiamat. Kesesatannya semakin jelas terdedah apabila gerakannya disokong kuat oleh penjajah Inggeris di India.

Pihak Inggeris memberi kebenaran kepada Mirza Ghulam Ahmad bagi menyebarkan ajarannya di negara-negara umat Islam. Sebagai tanda sokongan, pihak Inggeris memberikan kawasan penempatan yang mereka namakan Rabwah di daerah

Punjab bagi dijadikan pusat gerakannya di seluruh India dan seluruh dunia Islam. Gerakan ini diberikan pelbagai kemudahaan bergerak dengan harapan gerakan ini dapat memecahkan kesatuan umat Islam dan meredakan tentangan mereka kepada penjajah.

Para sarjana Islam di India mengadakan debat dengan golongan ini dan berjaya mematahkan hujah mereka di semua tempat. Selain itu, sarjana Islam mengarang buku-buku dan risalah berkaitan bagi menyedarkan umat Islam akan bahaya ajaran Qadiani atau Ahmadiah ini. Buku ini mendedahkan sebahagian dari kesesatannya sebagai peringatan untuk pembaca dan bahan untuk menentang hujah mereka dan orang-orang sepertinya.

Antara kesesatannya adalah:

❖ Dalam perkara ketuhanan, dia menyamakan Tuhan dengan makhluknya. Dia mendakwa Allah SWT itu bersembahyang, berpuasa, tidur dan berjaga, menulis, betul dan salah, berjisim dan berjuzuk, bersetubuh dan mempunyai anak dan lain-lain.

❖ Dalam perkara kenabian, mereka menafikan Nabi Muhammad, itu adalah penutup para nabi dan rasul. Sebaliknya mereka mendakwa, nabi itu sentiasa ada termasuklah Ghulam Ahmad al-Qadiani dan ada lagi rasul selepasnya. Hujah mereka bertentangan dengan al-Quran, seperti yang dinyatakan Allah Ta’ala di dalam surah al-Ahzab ayat 40:

﴿مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا﴾

"Muhammad itu bukanlah bapa daripada lelaki antara kamu tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi. Allah itu maha mengetahui segala sesuatu."

- ❖ Para pengikut Ghulam Ahmad mendakwa dia menerima wahyu dan kitab daripada Malaikat Jibril. Kitab yang didakwa itu dinamakan kitab al-Mubin. Isi kandungannya penuh dengan kebodohan dan susunan ayat yang tidak tersusun. Ghulam Ahmad mendakwa malaikat yang datang menemuinya berwajah pemuda Inggeris. Pengikutnya percaya kedudukan Ghulam Ahmad dengan Nabi Muhammad seperiti kedudukan Nabi Harun dengan Nabi Musa.

- ❖ Pengikut Qadiani mendakwa daerah Qadian adalah tanah suci yang lebih mulia daripada Makkah dan Madinah. Kedudukannya seperti tanah haram yang perlu dilakukan ibadah-ibadah tertentu bagi menghormatinya.

- ❖ Bagi mereka, haji adalah berhimpun di bandar Qadian.

- ❖ Membatalkan jihad. Allah pernah membenarkan bunuh kanak-kanak pada zaman Nabi Musa. Amalan itu dimansuhkan oleh Nabi Muhammad dengan tidak membenarkan membunuh kanak-kanak dan perempuan. Kini, Ghulam Ahmad pula memansuhkan hukum jihad.

- Menghina para sahabat termasuk Husain dan Hasan, cucu kesayangan Nabi Muhammad. Dia pernah berkata dalam poket aku ini ada 100 Husin. Dia juga mendakwa dirinya lebih baik daripada Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali dan para sahabat yang lain.

- Wajib taat kepada kerajaan Inggeris kerana mereka menjadi pemerintah (*wali amri*) kepada orang-orang Islam. Umat Islam wajib memberi kesetiaan (walak) kepada mereka.

- Tidak membenarkan pengikutnya bersembahyang dan berkahwin dengan umat Islam. Namun, sembelihan orang-orang Islam boleh dimakan seperti hukum sembelihan ahli kitab.

- Menghalalkan arak dan judi yang menjadi kegemaran Ghulam Ahmad dan beberapa pemimpin ajaran Qadiani. Bagi Ghulam Ahmad, khayal candu bukan mabuk tetapi tenggelam dalam makrifah Allah.

Selain itu, ada bukti-bukti yang mendedahkan kejahatannya. Antaranya adalah:

- Pihak Inggeris memberi imbuhan yang besar berjumlah beratus ribu paun bagi menyara hidup Ghulam Ahmad. Mereka juga menyediakan pengikut-pengikut daripada umat Islam yang mendapat pendidikan Inggeris di India dan memberi kemudahan kepada mereka. Selain itu, pihak Inggeris juga memberi kemudahan kepada pengikut-pengikut Qadiani bagi menyebarkan ajarannya di negara-

negara Islam termasuk Malaysia. Selain itu, pihak Inggeris memberi kemudahan mendapat kerja dan kenaikan pangkat kepada para pengikutnya. Kerajaan Inggeris lebih bersemangat bagi membantu Qadiani apabila ajaran itu menyebarkan fahaman membatalkan jihad.

Pada masa yang sama, pengikut-pengikut Qadiani menyertai tentera Inggeris terutamanya diserapkan dalam bahagian pengintipan. Ia bertujuan mengintip pergerakan masyarakat Islam. Ia terbukti apabila kerajaan Afghanistan berjaya menangkap dua pengintip Inggeris daripada kalangan pengikut ajaran Qadiani. Para pengikutnya adalah antara yang bergembira apabila Inggeris dan sekutunya berjaya menjatuhkan kerajaan Turki Uthmaniah dan menamatkan sistem pemerintahan berkhalifah pada pertengahan abad ke-14 Hijrah. Pada ketika itu, umat Islam di seluruh dunia bersedih dengan berita itu dan berjuang bagi mengembalikan kedaulatan negara-negara Islam di bawah sistem khalifah. Mereka giat menganjurkan perjumpaan dan menubuhkan kesatuan bagi meneruskan perjuangan di seluruh pelusuk dunia Islam.

❖ Mengemukakan ramalan-ramalan palsu yang tidak berlaku. Dia dengan berani membuat kenyataan ramalan-ramalan itu dan bersumpah menerima laknat dan hukuman sekiranya ramalan itu tidak betul. Antara ramalan itu ialah:

➢ Ghulam Ahmad pernah berdebat dengan orang awam di bandar Amritusar pada tahun 1863. Apabila dia gagal mematahkan hujah orang itu, dia meramalkan orang itu

akan mati dalam tempoh 15 hari sekiranya tidak mengikut agamanya. Namun selepas tempoh itu, orang itu masih hidup hingga beberapa tahun.

- Ghulam Ahmad meminang perempuan yang dicintainya di kalangan keluarganya. Dia mendakwa mendapat ilham daripada Allah supaya berkahwin dengan perempuan itu. Dia menjanjikan keluarga perempuan itu mendapat berkat dan kurnia yang besar. Sekiranya pinangannya ditolak, laknat dan azab Allah akan turun. Namun, pinangan itu tetap ditolak dan perempuan itu berkahwin dengan lelaki lain. Laknat yang dijanjikan tidak berlaku ke atas perempuan itu dan keluarganya. Sebaliknya Ghulam Ahmad berkata, Tuhan menikahkannya dengan perempuan itu di langit.

- Ghulam Ahmad mempunyai empat anak lelaki. Dia membuat kenyataan meramalkan dengan wahyu, anak yang kelima akan dilahirkan adalah anak lelaki. Namun, isterinya melahirkan anak perempuan dan terus melahirkan anak perempuan walaupun dia menangguhkan ramalannya beberapa kali.

- Dia berkata daerah Qadian tidak boleh dimasuki oleh wabak taun. Namun, Allah menurunkan bala taun sebagai hujah mendustakan ramalannya. Ghulam Ahmad juga mendakwa rumahnya seperti bahtera Nabi Nuh dan tidak sekali-kali dapat dimasuki taun. Sebaliknya wabak itu sampai ke rumahnya dan menjangkiti isi rumahnya termasuk dia.

- Seorang doktor muslim bernama Abdul Hakim berkata di hadapan Ghulam Ahmad, "*Kamu pembohong besar*." Doktor itu kemudiannya mencabarnya berdebat. Ghulam Ahmad mengancamnya dengan menurunkan bala, balasan daripada Allah dan doktor itu mati dahulu daripadanya. Dia juga mendakwa dia dapat melihat kematian Doktor Abdul Hakim semasa hayatnya. Doktor Abdul Hakim membalasnya, Ghulam Ahmad akan mati dalam tempoh 15 bulan. Allah mengurniakan pertolongan kepada doktor itu dengan melanjutkan umurnya. Ghulam Ahmad mati dahulu dengan menerima hukuman Allah ke atasnya.

Ada tanda-tanda kekurangan akal pada diri Ghulam Ahmad. Kadang-kadang, dia seperti hilang ingatannya sehingga dia tidak tahu membezakan antara garam dengan gula. Dia pernah ke kedai membeli gula tetapi dia mengambil garam. Pernah berlaku apabila menjadi kelazimannya membawa tanah keras untuk istinjak dan gula-gula untuk dimakan. Tetapi dia memamah tanah yang sepatutnya digunakan bagi istinjak dan bukannya gula-gula.

Antara sarjana Islam yang masyhur dapat menghalang Qadiani adalah Syeikh Thana'u Allah al-Amratsori. Beliau adalah alim terkenal dari India dan mengemukakan hujah-hujah yang kuat setiap kali menghadapi ajaran itu. Oleh kerana Ghulam Ahmad berdegil, beliau mencabar dengan menentukan Ghulam Ahmad akan dibinasakan dan mati dalam kehinaan. Selepas beberapa hari sahaja, Ghulam Ahmad dibinasakan dengan mati yang hina.

PERPECAHAN DI KALANGAN QADIANI

Selepas Ghulam Ahmad dibinasakan, pengikut-pengikutnya berpecah kepada dua golongan:

Nuruddin
Mereka percaya Ghulam Ahmad adalah Nabi Allah dan Rasulnya, al-Masih (Nabi Isa) yang dijanjikan dan Imam Mahdi yang ditunggu kemunculannya. Dia lebih baik daripada semua nabi dan rasul. Sesiapa yang tidak percaya ajarannya didakwa kafir masuk neraka. Antara pemimpin golongan ini ialah Mahmud Ahmad bin Ghulam Ahmad dan Ahmad Sodiq yang dianggap Mufti Qadiani.

Muhammad Ali
Mereka berkata, Ghulam Ahmad bukannya nabi tetapi mujaddid. Sesiapa yang mengingkarinya menjadi fasiq. Antara pemimpin golongan ini ialah Khoja Kamaluddin dan Muhammad Ahsan Amruhi.

BAB 16: IDEOLOGI MODEN

Pada masa kini, manusia merasakan diri mereka maju dengan mencipta ajaran-ajaran baru. Ajaran-ajaran baru itu tidak lagi dinamakan agama tetapi mereka menamakan dengan ideologi atau teori. Ia bermaksud fahaman-fahaman, cita-cita, haluan dan aliran pemikiran. Ia bukan sahaja pendapat tetapi keyakinan akidah yang diperjuang dengan bersungguh-sungguh dan penuh pengorbanan.

Aliran ini berasal dari Eropah yang memisahkan kehidupan mereka daripada agama. Kristian kini dikuasai oleh unsur penyembahan berhala di Eropah kerana agama yang didakwa diajarkan oleh Nabi Isa sebenarnya diseleweng dan hanyut daripada hakikatnya yang sebenar. Oleh itu, ia dibawa ke Eropah dalam keadaan yang tidak lengkap. Ada pindaan-pindaan yang diubahsuai menurut kemahuan kerajaan Rom.

Syeikh Abu Hasan Ali an-Nadawi menegaskan dalam bukunya Maza Khasira al-Alam Bi Hitot al-Muslimin, Kristian berjaya dalam bidang ketenteraan tetapi mereka gagal dalam bidang agama. Mereka berjaya mendirikan empayar Rom yang besar tetapi meleset dalam bidang akidah. Oleh kerana unsur penyembahan berhala mengatasi Kristian dan mempengaruhi ajarannya, Kristian terus diseleweng oleh orang-orang Yahudi yang tidak menerima Nabi Isa dan menentangnya dengan sekeras-kerasnya.

Agama Islam yang bersikap sempurna dan lengkap bukan sahaja berjaya dalam bidang akidah, tetapi juga berjaya dalam bidang tamadun dunia. Kemajuan dunia mempengaruhi orang-

orang Eropah mempelajari tamadun Islam di Baghdad dan Andalus. Mereka tidak menerima Islam tetapi mereka membawa perubahan melalui tamadun kebendaan ini dan mencetuskan kemajuan kebendaan yang pesat di Eropah.

Kemajuan ini tidak dapat diterima oleh penganut-penganut Kristian yang fanatik. Berlaku pertembungan sehingga menyebabkan lahirnya ideologi-ideologi atau teori-teori baru yang berpandukan kepada unsur kebendaan dan perasaan, sama ada menolak agama atau menerima agama sebahagian daripada keperluan manusia.

Perkara yang menjadi perhatian adalah ajaran-ajaran ini dibawa masuk ke negara-negara Islam dan menjadi senjata serangan pemikiran yang berkesan pada masa kini. Ia dapat menjauhkan mereka daripada Islam dengan cara dan hujah tidak menolak Islam dan masih mengakui sebagai peganut Islam. Ajaran-ajaran ini berjaya menyesatkan akidah atau sekurang-kurangnya memecahkan umat Islam kepada pelbagai ideologi dan kumpulan yang memperjuangkan ideologi itu sehingga berlaku pertarungan sesama sendiri dan hanyut jauh daripada Islam secara sedikit demi sedikit. Benar kenyataan Allah dalam surah Ali Imran, ayat 100:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تُطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ﴾

“*Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu taat kepada sesuatu puak dari orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.*”

Aliran ideologi, falsafah dan teori-teori itu mengenai usrusan Negara, ekonomi atau kemasyarakatan dengan memakai pelbagai nama seperti Sekularisme, Kapitalisme, Sosialisme, Nasionalisme, Pragmatisme dan sebagainya.

Ada penganut masih mengaku beragama Islam dan mengkaji sedalam-dalamnya ajaran Islam. Ada yang tidak faham, tidak mengerti atau jahil mengenai Islam. Paling malang apabila seseorang itu *jahil murakkab* (tidak sedar dirinya jahil) tetapi mahu bercakap mengenai Islam. Tanpa disedari, dia mula terjebak dalam ideologi-ideologi itu dan berjuang dengan bersungguh-sungguh membelakangkan ajaran Islam sendiri.

Mereka mengambil ideologi-ideologi itu dalam perkara-perkara pemerintahan dan ekonomi atau dengan lain perkataan dalam perkara dunia. Ada antara mereka yang berani menuduh Islam dengan tuduhan-tuduhan jahat dan fitnah-fitnah seperti mendakwa Islam tidak sesuai lagi pada zaman ini atau Islam mesti disesuaikan dengan ideologi itu dengan membuat perubahan-perubahan yang berani sehingga menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Mereka sebenarnya orang-orang yang sesat pada zaman ini dan memecah-belahkan masyarakat Islam daripada tali agama Allah.

Oleh kerana Islam ialah cara hidup yang meliputi segala-galanya, maka haram kita membahagi-bahagikan Islam seperti menerima sebahagian dan menolak sebahagian yang lain. Contohnya, beribadah secara Islam, berkahwin secara Islam, melakukan urusan kematian secara Islam tetapi dari sudut pemerintahan, ekonomi dan urusan-urusan duniawi yang lain menolak hukum Islam. Mengingkari salah satu daripada ajaran

Islam boleh menyebabkan terkeluar agama walaupun masih sembahyang, puasa, haji dan mengerjakan ibadah-ibadah yang lain. Ini adalah bahaya yang menimpa kepada umat Islam masa ini. Penganutnya sentiasa mengingkari ajarannya, mempermainkan mengikut selera. Oleh itu, penting kita mengenali musuh-musuh ini supaya kita dapat menyelamatkan akidah dan iman.

Sebahagian besar ajaran-ajaran lama pupus dan lenyap dari bumi ini. Manakala ideologi-ideologi baru ini lebih mencabar dan kompleks. Perkara ini menjadi lebih rumit kerana ideologi-ideologi ini tidak disebut dalam kitab-kitab masa lalu. Ideologi ini berada di tengah-tengah masyarakat Islam pada zaman selepas para sarjana dahulu mengarang buku-buku mereka. Sebahagian besar daripada mereka meninggal dunia. Namun, generasi kini dapat merujuk pada tulisan-tulisan sarjana yang hidup pada masa kini dan membela Islam melalui lisan, tulisan dan tangan. Ada di antara mereka yang gugur syahid kerana tidak sanggup menjual agama dengan habuan dunia.

Tekanan ke atas para sarjana dengan kuasa pengikut ideologi-ideologi di negara-negara Islam memberi kesempatan bagi menjajah pemikiran umat Islam seluruhnya. Para penjajah yang mengikut pelbagai ideologi dan fahaman itu walaupun bermusuh dan berperang sesama mereka tetapi mereka tetap bersatu menentang Islam dan penganutnya yang bercita-cita menegakkan Islam sebagai *ad-Din* (cara hidup).

Penjajah Barat berfahaman Liberalis dan Kapitalis bersedia menyerahkan tanah jajahannya kepada Komunis atau Sosialis sekiranya mereka tidak berjaya menentang golongan Islam seperti yang pernah berlaku di selatan Yaman dan Algeria. Begitu juga

penjajah yang berfahaman Komunis juga bersedia menyerahkan tanah jajahannya kepada golongan Kapitalis apabila mereka tidak berjaya menentang golongan Islam. Contohnya seperti tawar-menawar yang berlaku di Afghanistan sehingga para mujahidin berjuang sendirian kerana mereka mahukan negara Islam yang meletakkan Islam sebagai agama.

Masalah besar umat Islam berlaku apabila pihak yang mengikut ideologi-ideologi sesat itu memperalatkan *ulamak as-suk* (sarjana jahat). Di negara-negara Islam yang dikuasai oleh fahaman Komunis, ada sarjana yang mengajar, bersyarah kepada orang ramai dan mengarang buku-buku yang berpihak pada ajaran sesat kerana menerima sedikit imbuhan pangkat dan harta benda. Perkara yang sama berlaku di negara-negara Islam yang dikuasai oleh golongan yang berfahaman Kapitalisme, Sosialisme dan sebagainya.

Umat Islam kini berada dalam keadaan kritikal kerana penganutnya terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang tidak ada kena mengena dengan Islam. Walaupun mereka mengaku beragama Islam dan melakukan atas dasar sayang pada Islam namun usaha mereka tetap sia-sia. Almarhum Syahid Abdul Kadir Audah berkata, "*Kejahilan pengikutnya dan kelemahan para sarjananya.*" Syeikh Muhammad al-Wakil juga berkata, "*Kejahilan pengikutnya dan tipu daya musuh-musuhnya*."

BAB 17: SEKULARISME

Perkataan sekular berasal daripada bahasa Latin yang bererti tiada agama atau duniawi. Terjemahannya dalam bahasa Arab ialah al-Ilmaniah. Orang Arab yang beragama Kristian cuba mengelirukan umat Islam dengan mendakwa kononnya ia daripada perkataan ilmu. Terjemahan yang sebenar al-Ilmaniah ialah duniawi. Alasannya ajaran ini didakwa bersumberkan ilmu dunia yang memberi kemajuan kepada manusia.

Ideologi ini berasal daripada perbalahan hebat antara pemimpin-pemimpin kerajaan dengan paderi-paderi gereja. Begitu juga perbalahan antara sains (ilmu duniawi) dengan paderi-paderi di gereja. Paderi-paderi gereja memegang kuasa dan mementingkan diri sendiri lalu mereka bertarung dengan pemerintah dan juga ahli-ahli ilmu duniawi yang dianggap sebagai penghalang. Perbalahan berakhir dengan melahirkan suatu fahaman yang membawa ajaran supaya memisahkan agama dengan urusan duniawi. Kemudian, ajaran ini bertindak memisahkan agama dengan politik supaya politik “bersih” daripada pengaruh agama.

Ajaran ini diasaskan oleh orang-prang Yahudi pada Revolusi Perancis 1789. Kemudian ia berkembang ke seluruh benua Eropah bagi menyekat pengaruh gereja dalam pemerintahan dan urusan duniawi dalam kehidupan masyarakat.

Tokoh-tokoh yang menghidupkan ajaran ini dinamakan ahli falsafah atau ahli fikir seperti Dikart, Spinuza (beragama Yahudi), Rosu dan lain-lain. Ajaran yang dikemukakan adalah:

- Menolak agama seluruhnya dan mengingkari wujudnya Allah. Ada juga golongan yang beriman kepada Allah dan mereka berpegang Allah itu tiada hubungan dengan urusan duniawi.

- Kehidupan itu berasaskan ilmu sains semata-mata dan berada di bawah pengaruh logik dan hipotesis. Sekiranya teori agama terkeluar daripada logik akal, agama itu tertolak.

- Membuat sekatan antara ilmu rohani dengan ilmu material. Mereka menganggap nilai-nilai rohani menghalang kemajuan dan memberi kesan yang tidak baik pada urusan dunia.

- Memisahkan agama dengan politik (pemerintahan). Mereka membina kehidupan berdasarkan kepentingan kebendaan. Semua perkara ini menurut mereka tidak boleh dikendalikan oleh agama.

- Melaksankan dasar Pragmatisme (mencari kesempatan) dalam semua perkara bagi menjalani kehidupan menurut kepentingan dunia.

PENGARUH SEKULARISME KEPADA UMAT ISLAM

Fahaman ini dibawa masuk oleh penjajah ke dalam masyarakat Islam sepanjang tempoh penaklukan mereka ke atas negara-negara Islam. Fahaman sekular bertujuan mengikis fahaman akidah, perundangan Islam (syari'ah) dan akhlaknya secara beransur-ansur. Antara fahaman-fahaman sekular:

- Memisahkan Islam dengan politik. Mereka mendakwa politik itu kotor sedangkan Islam itu bersih.

- Menghalang perlaksanaan hukum-hukum perundangan Islam dan cara hidup Islam sepenuhnya. Mereka menyatakan ia tidak sesuai pada masa kini. Sebaliknya mereka menghadkan agama dengan urusan ritual dan menjaga diri masing-masing.

- Melemparkan fitnah pada Islam bertujuan mengeliru dan menakutkan masyarakat yang cuba mendekati Islam.

- Menggalakkan cara hidup yang bercanggah dengan Islam. Contohnya mendedahkan aurat, hidup bebas dan menganjurkan majlis keramaian yang bercanggah dengan kepentingan akhlak.

- Menyalah tafsir mengenai Islam. Mereka menyifatkan perkara-perkara yang tidak baik apabila dilakukan secara terbuka menjadi baik. Mereka menganggap gerakan Kamal Ataturk di Turki dan lain-lain sebagai pembaharuan dan membawa kebaikan.

- Menghidupkan semula amalan-amalan Jahiliah dan berusaha melupakan sejarah Islam.

- Menyalurkan fahaman sekular melalui pendidikan, pelajaran dan penyebaran media.

- Menyebarkan ideologi-ideologi bukan Islam ke dalam masyarakat Islam.

GERAKAN SEKULARISME DALAM NEGARA ISLAM

Pada tahun 1883, Khadiwi Ismail yang memerintah Mesir memasukkan undang-undang Perancis dalam undang-undang Mesir. Kononnya, ia bertujuan mencapai kemajuan seperti Eropah. Di India pula, pelbagai usaha dilakukan bagi menghapus amalan perundangan Islam secara beransur-ansur bermula sejak 1791. Algeria dipaksa supaya tidak beramal dengan undang-undang Islam apabila Perancis menjajahnya pada tahun 1830. Di Turki, Kamal Ataturk menggulingkan pemerintahan Uthmaniah diikuti jajahan takluknya seperti Iraq dan Syria. Negara-negara itu dibahagikan di bawah penjajahan Inggeris dan Perancis. Manakala rantau ini iaitu Indonesia, Malaysia dan lain-lain menerima pengaruh sekular melalui kedatangan penjajah Inggeris, Belanda dan lain-lain.

Walaupun negara-negara Islam merdeka daripada penjajahan, penjajah-penjajah Barat mengubah bentuk penjajahan baru di kalangan anak-anak masyarakat Islam. Generasi muda masyarakat Islam dididik dan diajar supaya menghidupkan gaya hidup sekular. Walaupun namanya berlainan daripada segi cara dan tindakan namun dasar dan sumbernya adalah sama.

Selepas merdeka, pemerintah yang dilantik diwajibkan berfikiran sekular dan meneruskan identiti penjajah. Oleh kerana golongan ini menjadi orang yang berkuasa dalam negara Islam, mereka menggunakan segala kepakaran para sarjana jahat supaya meracun pemikiran rakyat. Contohnya, sarjana Syeikh Ali Abdul Razik yang menjadi Hakim Mahkamah Syari'ah, Mesir mengarang kitab bernama *Al-Islam Wa Usul al-Hukmi*. Dalam kitab ini, dia

memasukkan fahaman sekular dengan memutarbelitkan hukum Islam dan sejarah Nabi Muhammad. Bukunya diterjemah dalam pelbagai bahasa dan dibaca oleh generasi muda Islam yang belajar di Eropah. Oleh kerana buku itu mengancam akidah Islam, Majlis Ulama di Universiti al-Azhar mengadakan perbincangan yang dipimpin oleh Almarhum Syeikh Muhammad Abu al-Fadal al-Bizawi yang menjadi Syeikh al-Azhar pada masa itu. Pengarang buku itu, Syeikh Ali dipanggil. Apabila dia masuk ke dalam majlis dan memberi salam, tidak ada seorang pun di kalangan sarjana menjawab salamnya. Majlis Ulama memecatnya daripada menjalankan tugas Islam di bawah al-Azhar. Namun, pihak penjajah dan kerajaan Mesir membelanya dan meletakkannya di tempat yang dapat digunakan bagi mengelirukan umat Islam.

Selepas peristiwa itu, Syeikh Muhammad al-Khadir Husin, seorang sarjana besar yang pernah memegang jawatan Syeikh al-Azhar mengarang kitab yang bernama *Naqdu Kitab al-Islam Wu Usul al-Hukmi* bagi menolak hujah dan mendedahkan kepalsuan buku sehingga buku itu berjaya dikalahkan. Kemudian, muncul lagi buku-buku bertujuan menyebarkan ajaran sekular namun semuanya berjaya dipatahkan.

BAB 18: NASIONALISME

Nasionalisme ialah fahaman yang menjadikan ikatan bangsa, keturunan, bahasa atau kawasan sebagai matlamat perjuangan bagi menegakkan kepentingannya. Ia tidak mengira batas-batas keadilan menurut Islam sehingga fahaman ini menjadi falsafah politik, ekonomi dan kegiatan-kegiatan yang lain.

Fahaman ini juga lahir daripada fahaman memisahkan agama dengan dunia. Agama tidak dijadikan dasar dan panduan dalam kepentingan ekonomi, politik dan lain-lain tetapi ia lebih cenderung pada semangat kebangsaan. Fahaman ini menjadi ukuran dalam semua perkara sehingga mengatasi kepentingan akidah yang menjadi pegangan hidup.

Pada masa dahulu, fahaman ini lebih dikenali sebagai *asobiah* (fanatik perkauman). Definisinya masih sempit iaitu perjuangan bagi kelompok kecil yang dikenali kabilah atau keluarga yang mesti dipertahankan walaupun atas dasar dan tindakan yang zalim. Definisi ini disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW:

من خرج من الطاعة، وفارق الجماعة، فمات مات ميتة جاهلية. ومن قاتل تحت راية عمية يغضب للعصبة، أو يدعو إلى عصبة، أو ينصر عصبة، فقتل، فقتلة جاهلية. ومن خرج على أمتي، يضرب برها وفاجرها، ولا يتحاشى من مؤمنها، ولا يفي لذي عهد عهده، فليس مني ولست منه.

"*Sesiapa yang keluar dari ketaatan dan menyimpang dari jama'ah, kemudian mati maka matinya seperti kematian jahiliah. Dan sesiapa yang berperang di bawah bendera fanatisme buta, atau menyeru kepadanya, atau yang membantu kepadanya,*

maka berperangnya dalam keadaan jahiliah. Dan sesiapa yang keluar dari umatku, memerangi yang soleh mahupun jahat, dan tidak peduli dengan kaum mukminnya, serta tidak menepati perjanjian dengan orang yang terikat perjanjian dengannya, maka dia bukanlah sebahagian dari kalangan aku." (HR Muslim)

Dalam hadis yang lain, seorang sahabat baginga bertanya, "*Wahai Rasulullah, apakah itu asobiah?*" Lalu Nabi Muhammad SAW pun menjawab:

أن تعين قومك على الظلم. (رواه ابو داود)

"*Kamu menolong kaummu atas dasar kezaliman*." *(HR Abu Daus)*

ISLAM DAN NASIONALISME

Islam mengiktiraf perasaan kasih pada bangsa dan tanah airnya kerana Allah berkata kepada Nabi Muhammad dalam surah al-Syu'ara ayat 214:

﴿وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الأَقْرَبِينَ﴾

"Berilah amaran kepada keluargamu yang hampir."

Nabi Muhammad pernah berkata ketika berlakunya peristiwa *Fathu Makkah* iaitu Hari Pembukaan Kota Makkah:

ما أطيبك من بلد وأحبك إلي ولولا أن قومي أخرجوني منك ما سكنت غيرك

"Tidak ada negeri yang lebih baik dan paling aku cintai daripada kamu (Makkah), kalaulah sekiranya kaumku tidak memaksaku untuk keluar dari sini tentu aku tidak akan tinggal ditempat lain." (HR at-Tirmidzi)

Walau bagaimanapun, Islam melarang kasih pada sesuatu yang melebihi daripada Allah Ta'ala, Nabi Muhammad dan Islam. Lebih membimbangkan apabila seseorang bertindak melulu dan merendahkan kasih Allah dengan meletakkan kepentingan bangsa dan puak lebih daripada yang lain dan melampaui batas-batas Allah. Kerana Allah menyebut dalam surah at-Taubah, ayat 24:

﴿قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ﴾

"Katakanlah: Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbangi kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik."

Allah menyebut lagi dalam surah al-Mujadalah, ayat 22:

﴿لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ ۚ أُولَٰئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُمْ بِرُوحٍ مِنْهُ ۖ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۚ أُولَٰئِكَ حِزْبُ اللَّهِ ۚ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

"Kamu tak akan mendapati kaum yang beriman pada Allah dan hari akhirat, saling berkasih-sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang itu bapak-bapak, atau anak-anak atau saudara-saudara ataupun keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang telah menanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripadaNya. Dan dimasukanNya mereka ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah ridha terhadap mereka, dan merekapun merasa puas terhadap (limpahan rahmat)-Nya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya hizbullah itu adalah golongan yang beruntung."

Ini adalah bukti akidah Islam mengatasi segala hubungan yang lain sama ada hubungan keluarga, keturunan dan bangsa. Al-Quran melarang Nabi Muhammad dan umat Islam memohon ampun untuk orang musyrik walaupun mereka daripada kaum keluarga. Allah menyatakan kisah Nabi Nuh yang kasihan kepada anaknya yang ditenggelami banjir tetapi Allah tidak mengizinkan beliau untuk memohon ampun kepada anaknya. Kisah nabi Ibrahim dengan ayahnya yang tidak beriman juga menunjukkan kasih sayang keluarga tidak boleh dijadikan asas bagi memohon keselamatan dunia dan akhirat sekiranya Islam tidak dijadikan teras dalam kehidupan.

PERBANDINGAN NASIONALISME DAN ISLAM

Musuh-musuh Islam menggunakan fahaman ini bagi tujuan memecahkan perpaduan umat Islam. Mereka bertindak melalui saluran politik dengan menggalakkan kewujudan negara-negara

yang berasaskan fahaman ini dikalangan umat Islam. Akhirnya, negara-negara Islam dipisahkan melalui sempadan negara atau ditiupkan semangat kebangsaan negara masing-masing sehingga mereka tidak mempedulikan nasib yang menimpa umat Islam di negara lain.

Melalui saluran pendidikan pula, golongan ini cuba menghidupkan kembali sejarah zaman jahiliah bangsa masing-masing dan menenggelamkan sejarah Islam sendiri. Sebagai contoh, menghidupkan semula sejarah Firaun di kalangan rakyat Mesir, sejarah Majusi di Iran, sejarah penyembahan patung Baalbek di Lubnan, sejarah hidup orang Hindu dan Buddha di India dan alam Melayu. Pengajian ini disampaikan melalui pengajian-pengajian rasmi di sekolah, media massa atau projek cari gali artifak simpanan orang-orang Jahiliah. Apabila terdapat penemuan, penemuan itu dipuja dan dibanggakan. Adakala projek ini dibiayai oleh badan-badan antarabangsa dengan perbelanjaan yang besar. Bajet projek ini jauh lebih besar dan utama daripada perbelanjaan membantu mangsa-mangsa kebuluran di beberapa daerah di dunia ini.

Ketika negara Islam ditinggalkan penjajah, mereka menyerahkan kuasa pemerintahannya kepada golongan bersemangat nasionalis. Golongan yang berjuang menentang penjajah sehingga korban syahid, meringkuk dalam tahanan penjara dan pembuangan negeri golongan Islam dan para sarjananya dilupakan. Sebaliknya, golongan-golongan nasionalis pada zaman penjajahan sebenarnya terdiri daripada anak-anak negeri yang menjadi pegawa-pegawai kepada penjajah.

BAB 19: KAPITALISME

Kapitalisme Kapitalisme adalah fahaman yang berkaitan dengan ekonomi. Ia mempunyai cara berhubung dengan masyarakat dan politik berdasarkan kepada milik perseorangan. Kebiasaannya, seseorang itu adalah pemilik tunggal pada apa yang diusahakan olehnya manakala orang lain pula tindak berhak ke atas hartanya. Pemilik harta mempunyai hak memiliki jalan bagi mendapatkan sesuatu melalui cara yang boleh mendapatkannya. Cara-caranya adalah mendorong perasaan pentingkan diri dengan alasan ke arah kemajuan dari segi ekonomi. Mereka mengadakan beberapa peraturan yang diberi tugas kepada negara.

DASAR-DASAR KAPITALISME

Ciri-ciri fahaman kapitalis ini adalah:

- ❖ Milik perseorangan pada sumber-sunber yang mendatangkan hasil seperti tanah, modal dan barang-barang. Kebiasaannya, seseorang itu bukan sahaja memiliki pakaian, alat-alat rumah, kenderaan dan binatang ternakan bahkan dia memiliki semua sumber yang menjadi keperluan orang ramai.

- ❖ Kebebasan bekerja dan menggunakan segala kekayaan yang ada bagi mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Pengikut fahaman ini menganggap sifat ini menjadi pendorong yang kuat dan penting bagi mencapai kejayaan dalam ekonomi dan peluang meningkatkan pekerjaan dan pendapatan.

- Perlumbaan antara pemilik dengan pesaing apabila berlaku saingan mengeluarkan barang-barang dan menentukan harga. Masing-masing mahu barang-barangnya laris mendapat sambutan.

- Membahagikan kelas dalam masyarakat. Pemilik berada dalam satu golongan manakala pekerja dan pengguna dalam golongan lain. Golongan yang pertama mentadbirkan urusan yang menjadi miliknya dengan memikul beban untung dan rugi. Manakala golongan yang kedua tidak mempunyai hubungan untung dan rugi tetapi lebih bermotif mendapat ganjaran dan kemudahan.

- Berusaha untuk maju dan meningkat. Golongan ini cuba mengurangkan kos tetapi dapat meningkatkan pengeluaran bagi mencapai keuntungan yang lebih besar. Mereka tidak mengira cara sama ada mencari alat-alat murah atau pekerja yang dapat dibayar murah dengan tujuan memperbanyakkan pelanggan melalui pelbagai cara.

- Kerajaan tidak boleh campur tangan dalam kegiatan ekonomi tetapi kuasanya adalah mengawal suasana bebas dan mewujudkan keadaan yang memberi kebebasan kepada rakyat memiliki harta melakukan kegiatan ekonomi.

SEJARAH DAN TOKOH

Fahaman ini muncul di negara-negara Eropah sejak pemerintahan Rom. Pemerintah mewujudkan golongan *feudal* dan golongan

agama yang membawa ajaran bagi kepentingan peribadi. Bermula dengan memisahkan agama dengan dunia, mereka kemudian membebaskan diri daripada golongan *feudal* (bangsawan) lalu melahirkan golongan *burjuwis* (hartawan dari kalangan menengah). Daripada golongan ini, lahir golongan Kapitalis yang berlumba mencari kekayaan sehingga pandangan bebas bermula pada awal kurun ke-16 secara berperingkat. Seruan pertama adalah membebaskan diri daripada belenggu agama. Seruan kemudian adalah pembebasan melalui ajaran nasionalis (kebangsaan) dengan membebaskan bangsa masing-masing. Akhirnya berlaku kebebasan dalam bidang tabri termasuk dalam kegiatan ekonomi.

Pengasasnya terdiri daripada ahli-ahli falsafah bukan Islam dan antaranya tidak percaya kepada Tuhan. Ada juga yang bermusuh dengan agama. Walaupun ada yang mendakwa beragama namun agamanya bukan Islam malah bermusuh dengan Islam. Antara tokoh-tokoh fahaman ini adalah Adam Smith, David Ricardo, Jean Baptise Say, John Stunt Mill, David Hume dan lain-lain.

PERBANDINGAN KAPITALISME DENGAN ISLAM

Terdapat keburukan yang nyata daripada fahaman Kapitalis. Sebahagian daripadanya dapat dilihat dan sebahagian daripadanya masih tersembunyi. Akhirnya mereka mendesak pemimpin-pemimpin supaya membuat pindaan. Antara keburukannya adalah:

- Kapitalis adalah ciptaan manusia yang bersifat lemah. Kedudukannya sama seperti ideologi-ideologi lain yang

dicipta oleh manusia. Ia jauh daripada ajaran Allah yang bertujuan menjaga hak sesama manusia. Oleh itu terang dan nyata ianya bercanggah dengan Islam.

- Matlamatnya semata-mata mencari keuntungan walaupun dengan cara yang haram seperti membolehkan riba, judi, import ekspori arak, pengedaran dadah dan sebagainya.

- Menyalahgunakan sifat *ananiah* (individualistik) yang ada dalam diri manusia. Adakala sifat mementingkan diri perlu dalam kehidupan manusia. Namun, golongan kapitalis menyalahgunakan sifat ini bagi mengaut keuntungan peribadi sehingga berlaku penyalahgunaan kuasa dan penindasan ke atas orang-orang yang lemah. Bagi golongan kapitalis, perlumbaan mencari keuntungan adalah untuk diri masing-masing bukannya memberi jalan kepada orang lain. Akhirnya berlaku tabiat menyorok barang keperluan, penyeludupan, penipuan dan sebagainya.

- Keruntuhan akhlak dalam segala bidang sama ada politik, ekonomi dan hubungan anggota masyarakat. Apabila hilang batas-batas halal dan haram, ia menghilangkan batas-batas yang mengimbangkan antara kepentingan peribadi dan kepentingan masyarakat.

- Pengangguran meningkat dalam masyarakat kapitalis. Apabila banyaknya pengeluaran sehingga melebihi keperluan, para majikan merasakan tidak perlu kepada pekerja yang ramai bagi melipatgandakan keuntungan.

- ❖ Pembaziran berleluasa apabila menggunakan segala kemewahan. Kemewahan yang ada adalah untuk peribadi bukannya untuk golongan yang berhajat. Sekiranya pengeluaran produk melebihi keperluan, lebihan produk dilupuskan daripada memberi kepada orang lain.
- ❖ Kemuncak daripada fahaman kapitalisme adalah lahirnya semangat penjajahan ekonomi ke atas negara-negara miskin. Negara-negara kapitalis berusaha memonopoli bahan-bahan mentah dan aset tunai lalu menekan negara-negara miskin sehingga mereka terpaksa mengikut telunjuk kehendak negara-negara kapitalis.
- ❖ Perhambaan bentuk baru ke atas buruh, petani dan nelayan-nelayan. Golongan kapitalis berkuasa menentukan harga dan memeras keringat golongan ini supaya mengikut segala kemahuan mereka. Mereka memutarbelitkan bayaran, harga, tidak memberi jaminan yang munasabah dan sebagainya.
- ❖ Perang dunia yang berlaku pada zaman moden ini adalah kemuncak pertarungan negara-negara kapitalis. Antara motif utama adalah memonopoli minyak.
- ❖ Tidak ada istilah berkat dalam kekuasaan dan kemewahan mereka. Apa yang dicapai tidak akan memberi kebahagian di dunia dan akhirat. Perkara ini menjadi kegelisahan orang-orang yang berkuasa dan kaya kapitalis. Oleh itu, fahaman Kapitalisme bercanggah dengan fahaman orang yang beriman kepada Allah dan rasulnya.

BAB 20: KOMUNISME

Komunisme adalah fahaman yang berkaitan dengan ekonomi, politik dan kemasyarakatan. Ia berdasarkan kebendaan semata-mata dan terbentuk hasil daripada tindak balas fahaman Kapitalisme.

PENGASAS DAN PEMIMPIN

Pengasasnya adalah seorang Yahudi Jerman bernama Karl Marks. Dia mengisytiharkan fahamannya pada tahun 1848. Dia menulis buku yang bernama *Das Kapital* pada tahun 1867.

Pembantunya bernama Inakal. Kemudian, Lenin yang memimpin revolusikomunis di Rusia menubuhkan kerajaan yang berasaskan ajarannya. Kemudian, fahaman ini diteruskan oleh Stalin yang menjadi pemimpin selepas Lenin. Antara pemimpinnya ialah Terutaski, Yahudi Rusia. Dia berpecah daripada Stalin kerana berselisih pendapat. Di negara China, fahaman komunis dipimpin oleh Mau Zi Thong.

DASAR-DASAR DAN PEGANGAN

Antara dasar-dasar yang menjadi pegangan dan kepercayaan komunis adalah:

- Tidak percaya adanya Tuhan dan perkara-perkara ghaib seperti malaikat, jin, dosa pahala dan sebagainya. Mereka menjadikan logik dan kebenaran semata-semata sebagai asas kepercayaan. Walaupun pengikut ajaran ini berbeza

mengikut keadaan setempat, konsep ini tetap menjadi asas ajaran komunis. Oleh itu, komunis menentang semua fahaman beragama sekeras-kerasnya.

- Menentang pemilikan harta secara perseorangan. Berbanding kapitalis, mereka berfahaman segala kemewahan dan harta benda adalah milik semua. Seseorang pemilik tidak dibenarkan memiliki harta yang melebihi daripada harta orang lain. Apabila harta itu banyak, harta itu mesti menjadi milik negara dan menjadi milik orang awam.

- Menghapuskan kelas dalam masyarakat. Tidak ada kelas antara majikan dan pekerja. Mereka sanggup meluaskan fahaman melalui kuasa politik walaupun terpaksa menggunakan senjata supaya pemerintahan negara dikuasai oleh masyarakat buruh.

- Membentuk pemikiran rakyat supaya mengabdikan diri kepada negara semata-mata. Tidak ada prinsip beribadah kepada Tuhan kerana negara dan benda adalah tuhan yang disanjung dan dipuja.

- Menafsirkan semula sejarah yang melibatkan pertarungan antara pekerja dengan majikan yang berakhir dengan kemenangan pekerja secara kekerasan.

- Berpegang pada kepercayaan tidak ada hari akhirat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

PERBANDINGAN KOMUNISME DENGAN ISLAM

- Komunisme ialah fahaman yang bercanggah dengan akidah Islam iaitu mengingkari kewujudan Allah, perkara-perkara ghaib dan hari kiamat.

- Bercanggah dengan naluri manusia yang perlu pada keselesaan dengan cara yang betul, mempunyai sifat mementingkan diri dan hidup bermasyarakat. Semua ini perlu ditimbang dengan adil.

- Tidak berperikemanusiaan. Golongan komunis menjadikan manusia seperti kilang seterusnya merampas hak milik mereka. Sebenarnya, pemimpin komunis selaku pemilik lebih bernafsu daripada orang-orang kaya di negara-negara kapitalis.

- Mempunyai kelemahan-kelemahan yang terbuka. Ia dicipta oleh manusia yang lemah dan mempunyai sifat dendam sesama manusia lalu menindas dengan cara yang zalim.

BAB 21: SOSIALISME

Ajaran yang berhubung dengan ekonomi dan politik yang menjadi tindak balas kepada ajaran Kapitalisme. Ajaran ini juga berdasarkan kepada kebendaan, sama pada dasarnya dengan ajaran Komunisme daripada segi menonjolkan milik umum sebagai suatu cara untuk membela masyarakat tertindas, tetapi berbeza dengan komunis dari segi sikap terhadap agama dan cara bertindak.

SEJARAH DAN TOKOH

Ahli sejarah tidak dapat menentukan kelahiran ajaran ini. Ada antara mereka yang menyatakan seorang ahli falsafdah Greek sebelum masihi bernama Plato pernah mengemukakan pendapat ini di dalam karangannya. Namun, pendapat ini disanggah oleh beberapa orang ahli sejarah Barat antaranya Profesor Parker.

Diantara tokoh-tokoh yang terkemuka di abad yang ke 19 adalah Sana Saimon, Puriah, Rubirat dan lain-lain yang terdiri dari kalangan ahli-ahli falsafah dan politik yang bertuhankan akal dan kebendaan.

DASAR-DASAR SOSIALISME

- ❖ Kebendaan menjadi dasar penting dalam menentukan kebahagiaan manusia.

- Mengutamakan milik umum kepada beberapa perkara yang dianggap menjadi sumber ekonomi dengan melalui milik negara.

- Menguasai pemerintahan atau kuasa politik dengan mencetuskan kefahaman ideologinya kepada masyarakat dan menyebarkannya di kalangan manusia supaya mendapat sokongan bagi mendapat kuasa pemerintahan.

- Membuat perubahan secara berperingkat di dalam bidang ekonomi dan pentadbiran melalui proses memilik negara beberapa yang dianggap menjadi milik kepada masyarakat umum.

PERBANDINGAN SOSIALISME DENGAN ISLAM

Terdapat beberapa perkara yang menunjukkan sosialisme bukan sahaja tidak baik daripada segi asalnya tetapi juga dari segi dasar.

Amalan dan tindakan adalah:

- Menjadikan kebendaan sebagai dasar utama dalam hidup tanpa meletakkan agama di tempat yang pertama sehingga tidak mempunyai perhitungan halal dan haram menurut akidah dan kaedah Islam.

- Tidak betul di dalam mengendalikan milik umum sehingga menjejaskan kebebasan orang perseorangan dan merampas hak-hak mereka.

- Bercanggah dengan fitrah manusia yang bersifat rohani dan jasmani, ananiah dan ijtima'iah (bermasyarakat).

- ❖ Menghapuskan semangat bekerja kepada orang perseorangan.
- ❖ Menghapuskan rasa bertanggungjawab pada urusan yang dipegang sehingga menjejaskan negara dari segi ekonomi yang menjadi matlamat penting kepada ajaran ini, apabila orang yang ditugaskan merasakan tugas dan hasil pekerjaannya bukan miliknya.

Akhirnya, Sosialisme mengalami nasib yang sama dengan Komunisme dan Kapitalisme. Gagal menyelesaikan masalah manusia sejagat, terdedah keburukan yang membawa kerunyuhan akhlak dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan lain-lain sehingga memaksa pemimpinnya menjadi contoh yang tidak baik menyembunyikan kesilapan mereka dan kelemahan ajaran yang diperjuangkan dengan berbagai-bagai cara. Antaranya menggunakan penipuan melalui media massa yang dikuasai mereka dan kadang-kadang menggunakan kekerasan, penindasan ke atas rakyat yang cuba menegur dan membetulkan keadaan.

BAB 22: FREEMASON

Freemason bermaksud pembina-pembina yang bebas. Ia adalah nama bagi pertubuhan rahsia yang ditaja oleh Yahudi yang bertujuan bagi menguasai bangsa lain. Mereka menggunakan pelbagai cara termasuk cara yang buruk dan ganas supaya dapat menguasai dunia dalam jangka panjang.

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhannya penuh rahsia. Sesetengah berpendapat Freemason ini ditubuhkan pada zaman raja Herod Agrippa I (10 SM- 44 M) pada tahun 44 Masihi bersama beberapa orang pemerintah Yahudi bagi menentang perkembangan agama Kristian pada masa itu.

Antara pemimpin-pemimpin Freemason adalah Hiram bin Damwab Lami. Pada zaman moden, pemimpin mereka dikenali Miribu yang salah seorang pemimpin Revolusi Perancis, Jan Jaga Rusu, Politiu, Jurji Zaidan dan Karl Marks yang menjadi pengasas komunis.

DASAR-DASAR DAN AJARAN

Antara fahaman dibawa oleh Freemason ini adalah:

- Mengingkari Allah, para rasul, kitab-kitab dan perkara-perkara ghaib. Mereka menganggap semua itu sebagai karut dan dongeng.

- Berusaha ke arah menjatuhkan kerajaan-kerajaan yang tidak dapat dipengaruhi dengan segala cara sahaja.
- Mengharuskan perkara yang haram seperti zina dan memperalatkan wanita bagi mempengaruhi pemerintah.
- Mewujudkan jurang bangsa selain Yahudi kepada beberapa kelas. Mereka menganggap bangsa selain Yahudi bertaraf rendah dan berusaha melaga-lagakan mereka dengan mencetuskan perang dan sebagainya.
- Membekalkan senjata kepada kumpulan-kumpulan pemberontak.
- Menimbulkan perbalahan-perbalahan kaum dibeberapa buah negara dunia.
- Meruntuhkan akhlak dengan pelbagai cara seperti menggunakan media massa dengan membiaya dan menganjur sesuatu program. Ia bertujuan menimbulkan kegelisahan orang ramai yang berpegang pada agama dan berakhlak baik dengan menubuhkan unsur-unsur kekufuran dan keganasan.
- Menggalakkan rasuah dan keruntuhan akhlak di kalangan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka melakukan kegiatan-kegiatan itu bagi memperalatkan golongan eksekutif.
- Menjerat dan mengumpan pemimpin-pemimpin dan orang yang berpengaruh dalam masyarakat sehingga mereka terpaksa tunduk kepada Freemason.

- Menubuhkan beberapa persatuan dan pertubuhan yang dapat menarik golongan kenamaan supaya masuk ke dalam perangkap mereka. Contohnya pertubuhan Lions, Rotary dan sebagainya.
- Mempengaruhi belia-belia melalui kegiatan tertentu seperti sukan, pelancongan dan sebagainya.
- Mempengaruhi kerajaan supaya menaungi kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan.
- Melahirkan teori-teori dan ideologi-ideologi yang menyesatkan.
- Mempengaruhi pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam pelbagai bidang samada politik seperi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ekonomi dan masyarakat.

PERANCANGAN FREEMASON

Mereka mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang ke arah menguasai dunia. Tujuan mereka adalah menyebarkan pengaruh dan ajarannya di kalangan pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh berpengaruh serta boleh menguasai keadaan politik, ekonomi dan masyarakat.

Persidangan Freemason yang diadakan di Perancis pada tahun 1923 mendedahkan perancangan jangka pendek mereka. Perancangan mereka adalah mempengaruhi parti-parti politik supaya mengikut ajaran mereka seterusnya mempengaruhi seberapa ramai manusia. Akhirnya, mereka memperalatkan ahli-ahli bagi melakukan kerja yang menguntungkan gerakan

Freemason. Menurut kenyataan Freemason yang dikeluarkan pada tahun 1744, mereka mempunyai perancangan jangka panjang iaitu menubuhkan negara yang berasaskan sistem demokrasi dengan cara merebut kuasa. Menurut protokol pendita Yahudi, kenyataan rahsia pemimpin-pemimpin mereka adalah:

"Apabila tiba waktu kita berkuasa, kita perlu menubuhkan rangkaian cawangan Freemason di seluruh dunia. Caranya adalah menguasai orang-orang yang berkuasa dan mampu mempengaruhi orang ramai bagi mendapatkan maklumat yang baik supaya kita dapat menyebarkan dakyah-dakyah.

"Antara perancangan yang licik adalah mempengaruhi pemimpin-pemimpin negara, raja-raja, menteri-menteri dan ketua-ketua jabatan. Ia sangat penting bagi perlindungan kita dan mendapat maklumat-maklumat yang penting supaya kita menguasai atau mempengaruhi polis. Kita juga dapat melakukan tekanan kepada penentang-penentang kita dan melindungi kegiatan yang kita lakukan bagi menimbulkan masalah kepada masyarakat."

PERINGKAT AHLI

Pertubuhan ini meletakkan ahlinya menurut taraf, peringkat dan darjat masing-masing. Ia tidak boleh disamakan dari segi kedudukan dan peranan. Menurut kajian yang dilakukan ke atas bebrapa ahli, mereka meletakkan darjat ahli kepada tiga:

❖ Ahli-ahli di peringkat permulaan.

❖ Ahli-ahli di peringkat kedua. Ia terdiri daripada kalangan bersedia membelakangkan ajaran agama, negara dan

bangsanya. Golongan ini bersedia untuk berkhidmat bagi kepentingan perjuangan Yahudi itu. Antara orang-orang yang berada di peringkat ini ialah Winston Churchill yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri Britain (1940-1945) dan Arthur James Balfour yang pernah memegang jawatan Setiausaha Kementerian Luar Britain yang bertanggungjawab memeterai perjanjian dengan Yahudi bagi menyerahkan Palestin kepada mereka. Selain itu ada beberapa pemimpin-pemimpin dan raja-raja yang juga menjadi ejen di peringkat ini.

- ❖ Freemason sejagat iaitu peringkat yang tertinggi. Keseluruhan ahlinya daripada orang-orang Yahudi. Mereka boleh mempengaruhi pemimpin-pemimpin dunia dan beberapa raja bagi menjayakan tujuan perjuangan Freemason.

PENGLIBATAN DALAM KEKACAUAN DUNIA

Gerakan Freemason terlibat dalam kegiatan menentang umat Islam seperti peranan mereka menjatuhkan pemerintahan Uthmaniah. Ada juga gerakan menindas perjuangan umat Islam sehingga mengorbankan beberapa pemimpin Islam dan penindasan ke atas negara-negara Islam seperti di Asia Tengah, Eropah Timur dan lain-lain.

Mereka juga terlibat di sebalik Revolusi Perancis, Revolusi Komunis di Rusia dan Revolusi di England. Mereka menimbulkan kegelisahan politik antarabangsa dan mencetuskan perang yang mengorbankan berjuta-juta nyawa.

Mereka juga memainkan peranan dalam menentukan kedudukan ekonomi dunia melalui penguasaan dan pengaruh ekonomi yang berada di tangan mereka. Antaranya melalui bank dunia dan kegiatan perdagangan antarabangsa.

LIONS CLUB

Kumpulan yang kononnya menjalankan kegiatan kemasyarakatan. Sebenarnya, ia adalah salah satu daripada cabang Freemason yang bertujuan mempengaruhi dunia. Ia ditubuhkan pada musim panas tahun 1915 di Texas, Amerika oleh penaja yang pertama iaitu Melvin Jones. Pertubuhan ini dianggotai oleh tokoh perusahaan dan pentadbiran yang terkenal di Amerika. Kemudian, ia diisytiharkan sebagai pertubuhan antarabangsa pada tahun 1917 di bandar Chicago Amerika.

Walaupun ia menjadi pertubuhan yang terbuka dan mendedahkan kegiatannya, namun rahsianya terbongkar apabila ia didalangi oleh gerakan Freemason.

Kegiatan dan Ideologi

Lions yang bermaksud singa-singa melambangkan kekuatan dan keberanian. Namun, di sebalik kegiatan-kegiatan mereka, Lions Club menarik orang ramai dengan slogan-slogan yang sangat menarik. Antaranya:

- Menyeru ke arah persaudaraan, kemerdekaan dan persamaan.

- Memberi bantuan kebajikan dan pertolongan kepada semua bangsa.

- ❖ Menghidupkan semangat persaudaraan di kalangan individu dengan mengelak daripada unsur-unsur akidah.
- ❖ Memberi perhatian kepada kesenangan masyarakat.
- ❖ Menyebarkan ilmu pengetahuan dengan semua cara yang boleh digunakan.
- ❖ Menolong orang yang cacat.
- ❖ Meringankan beban penderitaan golongan yang kurang bernasib baik dalam kehidupan hariannya.
- ❖ Memberi bantuan kepada orang tempatan.
- ❖ Mengadakan pertandingan-pertandingan hiburan.
- ❖ Membantu projek-projek kemasyarakatan.

Keanggotaan Lions Club

Syarat keanggotaan Lions Club tidak banyak berbeza dengan menganggotai pertubuhan-pertubuhan lain yang berada di bawah naungan Freemason.

Antara syarat keahliannya adalah:

- ❖ Mencegah sekeras-kerasnya kemasukan ahli-ahli yang berpegang pada akidah dan cinta kepada negaranya.
- ❖ Keanggotaannya tidak diluluskan melalui orang yang membuat permohonan untuk menjadi ahli. Permohonan mesti daripada orang yang dicadangkan menjadi ahli dan dianggap dapat menberi faedah kepada pertubuhan ini.

- ❖ Keanggotaannya dari kalangan tokoh pentadbiran dan usahawan yang berjaya.
- ❖ Menarik pemuda-pemudi untuk menyertai kegiatannya supaya pertubuhan sentiasa hidup dan cergas.
- ❖ Menarik isteri-isteri kenamaan dengan memberi jawatan dan peranan supaya dapat menarik tokoh-tokoh penting bagi kepentingan persatuan mereka.

Keburukan Lions Club
Pertubuhan ini mempunyai motif yang tersirat ke arah membantu kegiatan Freemason. Antaranya:

- ❖ Menghidupkan slogan "*Agama untuk Tuhan dan negara untuk semua*".
- ❖ Islam itu sama sahaja kedudukan dengan cara agama-agama lain samada agama samawi ataupun tidak, di samping menumpukan usaha mengelirukan umat Islam.
- ❖ Mengumpulkan maklumat kegiatan agama, politik, ekonomi dan sebagainya melalui perbuatan dan perbincangan secarta sedar atau tidak sedar dalam majlis-majlis dan pergaulan-pergaulan yang dianjurkan.

ROTARY CLUB

Rotary Club adalah pertubuhan yang berada di bawah naungan Freemason. Ia ditubuhkan di bandar Chicago, Amerika Syarikat pada 23 Februari 1905. Pengasasnya seorang pehuam bernama Paul P. Harris. Ia berkembang ke seluruh dunia sehingga pada

tahun 1947, Rotary Club mempunyai cawangan di 70 negara, 6800 kelab dan 328000 ahli. Mereka berjaya menubuhkan kelab di Palestin pada tahun 1921. Semasa semangat Yahudi sedang marak, mereka terlbiat dalam penubuhan negara Israel seterusnya cawangan kelab ini berselerak di seluruh negara Arab.

Fahaman yang disebarkan Rotary Club adalah:

- ❖ Menganggap agama bukan masalah dan tidak penting apabila memilih ahli. Mereka juga tidak menjadikan agama sebagai masalah apabila menjalankan hubungan sesama mereka. Secara sembunyi, mereka membawa pengaruh Yahudi dalam kegiatan kelab.

- ❖ Menghapuskan sikap menunggu balasan dalam kerja kebajikan sama ada dalam bentuk material ataupun pahala.

- ❖ Mempunyai pegangan yang sama dengan Lions Club dari segi hubungan agama dan negara.

- ❖ Menonjolkan fahaman persamaan, persaudaraan dan tolong-menolong di kalangan manusia sejagat sehingga menghilangkan kesetiaan kepada agama dan bangsa serta hanyut tanpa pegangan yang sebenar.

- ❖ Menjalankan kegiatan kemasyarakatan dan kebudayaan melalui ceramah-ceramah, lawatan, forum ke arah menyamakan antara agama dan menghapuskan pertelingkahan dalam perkara itu.

- Ia berbeza dengan Freemason apabila mengumumkan perlantikan pemimpinnya secara terbuka. Freemason pula merahsiakan pemimpinnya.
- Tidak dibenarkan menubuh cawangan melainkan keizinan pemimpin antarabangsa.

Keburukan Rotary Club

Rotary Club mempunyai fahaman dan kegiatan yang sama seperti Lions Club. Kedua-duanya dikuasai oleh gerakan Freemason yang mempunyai rancangan jahat kepada manusia dan Islam. Oleh itu, ia bukan sahaja berbahaya pada akidah tetapi juga mengundang bahaya pada keselamatan dan kepentingan Islam serta penganutnya.

PERINGATAN

Ada pelbagai lagi ajaran-ajaran dan pertubuhan-pertubuhan masa kini yang bertujuan merosakkan akidah. Mereka juga berjuang bagi merosakkan pegangan manusia pada Islam dengan pelbagai cara dan nama yang menarik lagi mengelirukan. Ada pertubuhan yang meraih simpati dan berpura-pura tidak bercanggah dengan Islam. Ada juga pertubuhan secara zahirnya ia bertujuan bagi memajukan Islam tetapi sebaliknya mereka menaburkan racun-racun akidah.

Antara ajaran yang mencampurkan antara satu sama lain seperti pragmatisme yang mengambil cara baru daripda fahaman Kapitalisme, Komunisme, Sosialisme dan sebagainya yang difikirkan munasabah mengikut logik. Ada juga fahaman yang meresap melalui pengaruh politik, ekonomi dan tokoh-tokoh tertentu. Perkara-perkara yang disebutkan hanya sebagai contoh peringatan supaya tidak terjerumus ke dalam ajaran-ajaran baru dan lama yang bercanggah dengan Islam. Tujuan kedua adalah supaya penganut Islam tidak melakukan kesilapan pada akidah Islam dan penganutnya. Bagi mendapatkan pengetahuan yang lebih banyak dan huraian yang panjang, pembaca boleh membuat kajian dan mengikut perkembangan yang berlaku dari semasa ke semasa. Pertarungan antara iman dan kufur adalah berpanjangan sehingga hari kiamat.

PENUTUP

Demikian huraian akidah yang perlu diketahui oleh setiap orang yang beriman. Bermula dari pendahuluan memahami makna iman, Islam dan rukun-rukunnya serta perkara-perkara yang membatalkannya secara umum. Kemudian pembaca dapat mengkaji huraian mengenai rukun-rukunnya. Seterusnya pembaca mengenali fahaman-fahaman dan mazhab-mazhab berkait dengan akidah supaya menjadi panduan kepada pembaca tidak terjerumus ke dalam lembah kesesatan.

Pengajian iman perlu membawa kepada simpulan iman yang benar dan teguh sebagaimana kenyataan Allah, surah al-Baqarah, ayat 256:

﴿فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا﴾

"Maka sesiapa yang tidak percayakan toghut dan beriman kepada Allah maka sesungguhnya dia berpegang pada simpulan (tali agama) yang teguh dan tidak akan terungkai."

Iman yang sebenar mesti menolak semua ajaran, fahaman ataupun ideologi dan teori yang melampaui batas-batas Allah. Ia merangkumi semua fahaman yang dicipta pada zaman dahulu, kini dan akan datang.

Oleh itu, semua fahaman ini diperkenalkan buat pembaca supaya dapat mengetahui kebenaran daripada wahyu al-Quran dan sunnah dengan mengenali fahaman yang tidak benar dan sesat menyimpang daripada ajaran al-Quran dan sunnah. Buku ini mengemukakan bukti melalui kajian, sumber yang bertulis dan logik.

Ada manusia yang menerima akidah secara membuta tuli bukan secara mengkaji. Adakala mereka berhujah berdasarkan pegangan nenek moyang semata-mata tanpa mengkaji sumber yang benar dari satu masa ke satu masa mengikut perkembangan. Penyelewengan boleh berubah cara dan ikutan. Ini dibuktikan dengan kenyataan Allah dalam surah az-Zukhruf, ayat 22:

﴿بَلْ قَالُوا إِنَّا وَجَدْنَا آبَاءَنَا عَلَىٰ أُمَّةٍ وَإِنَّا عَلَىٰ آثَارِهِمْ مُهْتَدُونَ﴾

"Bahkan mereka itu berkata: Sesungguhnya kami mendapati datuk nenek moyang kami menurut satu jalan agama dan sesungguhnya kami beroleh petunjuk menurut jejak langkah mereka sahaja."

Kadang-kadang, mereka tidak kenal fahaman-fahaman baru kerana namanya tidak pernah disebut dalam kitab-kitab zaman dahulu. Ini kerana fahaman-fahaman baru ini tidak ada pada zaman pengarang kitab-kitab ini. Namun al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW tetap mendedahkan secara teliti sebagai bekalan umat Islam.

Isu akidah tidak boleh dicuba-cuba atau diagak-agak. Ia tidak boleh dipilih sesuka hati kerana ia bergantung pada nasib yang memerlukan petunjuk Allah SWT dan wahyunya. Ia juga menentukan nasib mereka di akhirat sama ada ke syurga atau negara. Ia adalah keputusan yang tidak boleh dipertikai dan diminta supaya kembali ke dunia.

Mudah-mudahan, Allah Ta'ala mengurniakan iman dan kekuatannya serta bersikap yang tegas pada perkara-perkara yang bercanggah dengan iman. Fahaman yang bercanggah meliputi fahaman yang pupus, yang masih berselerakan dalam masyarakat atau yang bakal tercetus. Semoga Allah SWT memelihara umat Islam daripada fitnah di dunia, di alam kubur dan hari kebangkitan semula.